

Jilid I  
Bil. 31



Hari Jumaat  
20hb Disember, 1991

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 4201]

Urusan Mesyuarat [Ruangan 4202]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4202]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Ekstradisi [Ruangan 4278]

Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan) [Ruangan 4300]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 4332]

MALAYSIA

**PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.  
(Dilantik).

„ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,  
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN  
MOHAMED (Dilantik).

„ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau  
Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

„ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N.,  
P.J.K., I.C. (Dilantik).

„ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

„ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah  
Persekutuan).

„ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang).

„ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

„ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

„ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K.  
(Dilantik).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.  
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDA, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

- „ PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.N.M., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ DATO' VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

 Jumaat, 20hb Disember, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUAPERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha mem-  
bacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“19hb Disember, 1991.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memper-  
setujukannya:

1. Rang Undang-undang Per-  
bekalan 1992;
2. Rang Undang-undang Syarikat  
Luar Pesisir (Pindaan); dan
3. Rang Undang-undang Syarikat  
(Pindaan).

Yang ikhlas,  
t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN  
RAKYAT.”

## URUSAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Kewangan (Tuan Mustapa bin  
Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya  
mohon mencadangkan supaya Rang  
Undang-undang yang tersebut di dalam  
Perutusan itu dibacakan kali yang  
kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Perbe-  
kalan 1992;
2. Rang Undang-undang Syarikat  
Luar Pesisir (Pindaan); dan
3. Rang Undang-undang Syarikat  
(Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANKEMALANGAN PESAWAT  
TUDM

**1. Tuan K. Munisamy** minta Menteri  
Pertahanan:

- (a) sebab jumlah kemalangan yang  
melibatkan kapalterbang TUDM  
dan jenis semenjak tahun 1990;  
dan
- (b) apakah langkah-langkah kese-  
lamatan yang diambil oleh  
Kementerian untuk mengelak-  
kan kemalangan seperti ini  
berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S.Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pertahanan.

- (a) Pihak Tentera Udara DiRaja Malaysia telah mengklasifikasikan sebab kemalangan pesawatnya yang berlaku sejak tahun 1990 seperti berikut:

*Kemalangan*

1. Faktor krew - 4 buah
2. Kecacatan teknikal - 1 buah
3. Kesilapan servis dan pemeriksaan - 1 buah
4. Faktor organisasi - 1 buah
5. Belum diketahui - 1 buah

Jumlah 8 buah pesawat tersebut terdiri daripada:

1. Sebuah pesawat A4 Skyhawk
2. Dua buah pesawat PC 7 Platus
3. Sebuah pesawat Alouette
4. Dua buah pesawat Nuri
5. Sebuah pesawat Augusta 109C
6. Sebuah pesawat Hercules C 130H

- (b) Setiap kemalangan pesawat akan disiasat dan hasilnya dianalisis oleh Bahagian Inspektorat TUDM. Selain daripada itu, TUDM ada juga menjemput agensi-agensi dari luar dan dalam negeri untuk membuat penyiasatan dan penilaian bebas ke atas kemalangan pesawat TUDM apabila perlu. Kajian akan meneliti aspek-aspek kemanusiaan, teknikal atau environment seperti keadaan

cuaca. Proses ini sentiasa dilaksanakan dan tindakan serta cadangan akan diambil hasil dari setiap analisis kajian.

Daripada kajian dan penelitian itu, TUDM sentiasa peka terhadap syor-syor dan tindakan yang dirumuskan. Pada ketika ini, TUDM di dalam proses meningkatkan sistem avionik pesawat, menambah latihan termasuk kegunaan sistem simulator dan mengkaji cara-cara meningkatkan pengurusan, prosedur operasi atau bantuan logistik dan teknikal demi keselamatan dan kelicinan operasi pesawat TUDM pada keseluruhannya.

TUDM juga mengadakan berbagai program dan kempen untuk memberi kesedaran terhadap 'keselamatan penerbangan' kepada keseluruhan peringkat anggota TUDM termasuk mereka yang bukan krew penerbangan. Di peringkat skuadran penerbangan, usaha juga dibuat untuk menekankan sikap profesionalisme di antara krew penerbangan supaya sentiasa wujudnya pengetahuan kepakaran, kemahiran, sikap airmanship, situational awareness dan disiplin diri.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang sebenarnya yang telah diambil di atas kejadian-kejadian yang telah lama berlaku? Langkah-langkah untuk menjaga supaya tidak lagi terjadi kemalangan itu saya faham, saya hormati, akan tetapi kemalangan - yang lama, apakah tindakan diambil, adakah pegawai itu dibuang? Itu yang saya ingin tanya, kalau dapat sekarang, Yang Berhormat?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk menjawabnya adalah teknikal sedikit, oleh itu saya mohon izin untuk menjawabnya secara bertulis.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan. Lain kali kalau Yang Berhormat hendak menjawab bagi pihak Kementerian, kalau tidak faham bagi Menteri lain menjawab, kerana sia-sia sahaja kami membuat soalan tambahan. Saya minta tolonglah.

#### BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA KECIL

2. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia dapat membantu negara-negara kecil yang miskin dalam membangunkan demokrasi dan juga pembangunan ekonomi.

**Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang memberi bantuan kepada negara-negara sedang membangun, negara-negara kecil untuk berbagai bidang pembangunan mereka. Dan bantuan yang telah kita berikan itu sekarang ini adalah berjumlah \$17.8 juta banyaknya dalam berbagai bentuk seperti latihan, lawatan sambil belajar, bentuk pemberian perkhidmatan kepakaran, memberi bahan-bahan keperluan, bekalan-bekalan kepada mereka seperti alat-alat pertanian umpamanya. Ini adalah cara kita mambantu negara-negara kecil untuk membangun dan untuk menikmati kestabilan demokrasi dan menikmati nikmat-nikmat pembangunan mereka. Itulah yang kita buat selama ini.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Diminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan negara mana khususnya Malaysia memberi bantuan?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, banyak negara, tidak ada satu negara yang kita anggap secara khusus. Negara-negara yang mendapat bantuan daripada kita adalah negara-negara dari kawasan Pasifik Selatan, Fiji umpamanya; negara dari kawasan Teluk Bengala seperti Maldives; negara di Afrika seperti Mali umpamanya. Ini adalah negara-negara yang telah kita memberi bantuan. Tidak payahlah saya sebut satu persatu, ini contoh sahaja.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai demokrasi yang tersebut dalam soalan ini. Kita telah mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menganjurkan satu konsep demokrasi yang lebih pragmatik untuk lebih sesuai kepada keadaan dan masa. Saya ingin tahu apakah konsep ini dan bagaimanakah sambutan daripada negara-negara demokrasi luar?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang demokrasi yang pragmatik. Tetapi apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini bahawasanya demokrasi itu penting. Jika kita hendak amalkan demokrasi, kita pastikan demokrasi itu adalah demokrasi tulen dan demokrasi yang diasaskan atas sokongan rakyat, demokrasi yang diasaskan atas pemerintahan yang dilahirkan oleh rakyat setelah diadakan pilihanraya. Itulah yang dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tidak lain daripada apa yang dicakapkan selama ini.

#### INSTITUSI/KOLEJ PERUBATAN—CADANGAN MENDIRIKAN

3. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa walaupun kolej-kolej

perubatan kita sendiri ada didirikan, fakta-fakta yang diberikan menunjukkan bahawa negara ini masih bergantung kepada universiti-universiti perubatan luar negeri untuk doktor-doktor kita, adakah Kerajaan bercadang mendirikan lebih banyak institusi-institusi perubatan dan jika diperlukan kolej-kolej perubatan dengan kerjasama (collaboration) dan bergabung (affiliated) kepada universiti-universiti luar negeri.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mendirikan institusi-institusi perubatan ataupun kolej-kolej perubatan oleh kerana buat masa ini sudah terdapat 3 buah universiti yang mempunyai fakulti perubatan. Universiti-universiti itu adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan bercadang untuk memperbesar lagi fakulti perubatan tersebut dengan tujuan untuk menampung keperluan doktor di negara ini. Selain daripada itu, Kerajaan juga bercadang untuk menubuhkan fakulti perubatan di Universiti Islam Antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara purata dari tahun 1989 hingga ke bulan November 1991, sebanyak 36% daripada doktor yang melaporkan diri dengan Kerajaan adalah doktor lepasan universiti perubatan dari luar negeri. Doktor-doktor tersebut telah dapat menambahkan keperluan tenaga manusia doktor-doktor di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

**Tuan Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

#### **DASAR BERSIH, CEKAP DAN AMANAH—KEBERKESANAN**

**4. Tuan Ghazali bin Haji Embong (di bawah S.O. 23(2))** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Dasar Bersih, Cekap dan Amanah yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai etika kerja telah dapat dilaksanakan oleh setiap kakitangan Kerajaan dan lain-lain agensi Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Dasar Bersih, Cekap dan Amanah merangkumi dua aspek yang utama, iaitu penghayatan sifat amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, dan pemberian perkhidmatan yang cekap, cepat dan berkualiti tinggi.

Bagi mencapai matlamat ini, usaha yang bersungguh-sungguh dan penuh komitmen telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Berbagai dasar dan program bagi memajukan pentadbiran awam, khususnya bagi menanam sifat-sifat kerja yang positif serta meningkatkan prestasi perkhidmatan telah dilaksanakan meliputi perkhidmatan awam pada semua peringkat dan agensi Kerajaan.

Dalam tahun 1989, Kerajaan telahpun melancarkan gerakan Budaya Kerja Cemerlang. Gerakan ini menunjukkan komitmen dan usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh serta berterusan dalam meningkatkan kualiti kerja, semangat dan budaya kerja yang positif di kalangan kakitangan Kerajaan dan juga sektor swasta.

Berbagai-bagai program yang konkrit dan menyeluruh telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Suka saya memaklumkan bahawa tahap kecekapan dan keberkesanan perkhid-

matan awam pada masa ini adalah sangat memuaskan dan boleh dibanggakan. Ini adalah berasaskan maklum-balas daripada orang awam, kajian tanggapan masyarakat terhadap perkhidmatan awam dan melalui maklumat-maklumat yang terkumpul dari masa ke semasa.

Kejayaan-kejayaan cemerlang yang dicapai oleh negara terutama dalam bidang ekonomi dan perdagangan menunjukkan bahawa nilai-nilai etika kerja yang positif itu telah semakin kukuh bertapak di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata. Sungguhpun begitu, Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih supaya nilai-nilai kerja yang positif dan murni ini dapat dihayati dan dijadikan amalan kerja harian dengan lebih berkesan lagi.

**Tuan Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk-bentuk program bagi meningkatkan kecekapan kakitangan Kerajaan yang telah dijalankan, dan bagaimana Kerajaan mendapatkan maklum-balas mengenai Dasar Bersih, Cekap dan Amanah?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menjalankan 17 dasar dan usaha program pembaharuan yang diperkenalkan untuk membentuk sifat kerja yang positif di kalangan kakitangan Kerajaan. Yang pertamanya, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Pandang ke Timur, Penerapan Nilai Islam dalam Pentadbiran, Dasar Persyarikatan Malaysia, Kepimpinan Melalui Teladan, Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, tanda nama, fail meja dan manual prosedur kerja, etika kerja dan anugerah perkhidmatan, etika kerja program pengurusan dan peningkatan kualiti seperti cadangan, peningkatan sistem dan prosedur kerja, peningkatan penggunaan automasi pejabat dan

teknikal maklumat, sistem pejabat terbuka, program meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter, sistem motivasi dan pemberian insentif.

Soalan yang kedua ialah Kerajaan melalui MAMPU telahpun menjalankan kajian tanggapan masyarakat dalam tahun 1981 dan 1985 bagi mendapatkan maklum-balas dan peratusan yang diterima oleh pihak Kerajaan adalah amat menggalakkan. Di samping itu, pihak JPA juga telahpun menjalankan kajian dalam tahun 1985 melihat prestasi pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dihantar untuk berkursus di Korea dan Jepun dan didapati bahawa peningkatan mereka itu telah dapat menunjukkan satu peringkat yang baik. Inilah cara maklum-balas yang telah diperolehi oleh pihak Kerajaan.

**Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kita berpuashati dalam keadaan ini hingga masa sekarang?

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya telah menjelaskan tadi bahawa Kerajaan masih lagi menjalankan usaha bagi meningkatkan lagi. Setakat ini, memanglah Kerajaan melalui maklum-balas yang kita terima ini kita berpuashati tetapi walau bagaimanapun Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi kakitangan Kerajaan dan juga di sektor swasta supaya kita dapat mencapai tingkat yang lebih baik.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cekap mudah dicapai kalau kita tundakan satu-satu perkara itu ditekankan. Bersih dan amanah tidak mudah kita guaranteekan 100% boleh dicapai. Maksud saya di sini ataupun soalan saya ialah adakah Kerajaan menekankan pelajaran dari segi bersih

dan amanah mulai daripada sekolah yang rendah sehinggakan universiti dan juga institusi-institusi yang lain dan organisasi-organisasi yang lain?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memaklumkan tadi bahawa salah satu daripada dasar ini ialah Penerapan Nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan. Yang ini memang kita menekankan soal untuk menambahkan ilmu pengetahuan dengan memberi ceramah, pandangan-pandangan yang baik supaya kita semua bersikap bersih dan amanah ini. Dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang pendidikan awal, memanglah pada dasar Kerajaan sekarang kita telahpun memperkenalkan falsafah baru pendidikan yang di dalamnya termasuklah ciri-ciri murni iaitu bersih, cekap dan amanah ini dimasukkan dari pada awal persekolahan supaya apabila dia terdidik, terdidiklah mereka itu menjadi manusia yang baik dan berkhidmat dalam Kerajaan bersih, cekap dan amanah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

#### **KWSP—HAD UMUR KELAYAKAN PENGELUARAN CARUMAN**

5. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa pihak Kerajaan telahpun membenarkan kakitangannya bersara awal pada umur 40 tahun, adakah apa-apa rancangan Kementerian untuk menimbang semula had umur kelayakan menerima bayaran penuh KWSP daripada 55 tahun kepada 50 tahun dan 1/3 bayaran daripada 50 tahun kepada 45 tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengurangkan syarat kelayakan umur daripada 55 tahun kepada 50 tahun bagi seseorang pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mengeluarkan keseluruhan simpanannya dan daripada 50 tahun kepada 45 tahun bagi mengeluarkan 1/3 daripada simpanan berkenaan berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kakitangannya bersara secara pilihan selepas umur 40 tahun.

Had-had umur kelayakan pengeluaran caruman KWSP berkenaan telah ditetapkan dengan tujuan menentukan pekerja-pekerja menyimpan sebahagian pendapatan mereka semasa mereka paling produktif supaya dapat membantu mereka di hari tua kelak. Sebaliknya, tujuan membenarkan kakitangan Kerajaan bersara secara pilihan selepas mencapai umur 40 tahun adalah untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam kerjaya di luar sektor awam sama ada dengan bekerja sendiri atau memegang jawatan bergaji di sektor swasta. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan berpendapat adalah tidak wajar mereka dibenar mengeluarkan simpanan hari tua mereka lebih awal lagi.

**Tuan Munisamy a/l Kuppam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan berkaitan dengan KWSP. Beberapa majikan telah membenarkan pekerja-pekerja lebih dari umur 55 tahun untuk terus bekerja. Saya ingin tahu adakah Kerajaan menggalakkan potongan KWSP diteruskan?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang seseorang pekerja itu perlu menyumbang hanya sehingga

umur 55 tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang itu dengan secara sukarela ingin menyumbang, ini tidak menimbulkan sebarang masalah.

### **MENYEMBUNYIKAN BARANG-BARANG KAWALAN—TINDAKAN**

**6. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa ramaikah para peniaga yang telah didenda kerana menyembunyikan barang-barang terkawal; dan
- (b) berapakah jumlah syarikat-syarikat bumiputera yang telah diberikan permit Sijil Skim Keutamaan Am.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) bilangan peniaga yang telah dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 kerana melakukan kesalahan-kesalahan menyembunyikan barang-barang kawalan dalam tempoh 1.1.1985 sehingga 31.10.1991 ialah seramai 734 orang yang melibatkan barang rampasan bernilai \$1.1 juta dan denda sebanyak \$776,845.00. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kesalahan menyembunyikan barang-barang kawalan termasuklah enggan menjual, mengenakan syarat-syarat jualan yang tidak dibenarkan dan menafikan ia memiliki barang-barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soalan (b) sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana ianya dibawah bidang tugas Kementerian itu. Namun demikian, dari maklumat yang diperolehi sehingga 12hb Disember 1991, jumlah keseluruhan syarikat-syarikat yang berdaftar di Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah mendapat kemudahan Sijil Skim Keutamaan Am atau, dengan izin, Generalized System of Preferences (GSP) ialah 4,318 buah syarikat. Daripada jumlah ini, jumlah syarikat-syarikat bumiputera ialah 319 buah iaitu 7.4%.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan-tindakan ataupun kawalan yang lebih ketat supaya hal-hal seperti ini tidak akan berulang lagi?

Yang kedua, adakah sekarang ini penguatkuasaan yang ada mencukupi? Kalau tidak, apakah tindakan Kementerian?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian atau lebih khusus pegawai-pegawai penguatkuasa di seluruh negara sama ada di peringkat ibupejabat ataupun negeri dan cawangan-cawangan telahpun diarah untuk memastikan iaitu pengawasan yang rapi diperbuat terhadap semua peniaga yang ada di negara ini terutama sekali yang melibatkan penjualan barang-barang terkawal dan juga barang-barang terjadual yang mana patut ditaruh harga yang tertentu dan sebagainya.

Di samping itu juga kita menggalakkan orang ramai sama ada secara persendirian untuk melaporkan apa jua penyelewengan perdagangan yang berlaku dan juga melalui persatuan-persatuan pengguna di semua peringkat untuk berbuat demikian. Kemudahan juga diberi untuk mereka membuat laporan melalui Peti Surat 8000, telefon terus dan juga melalui tempat-tempat di pasar-pasar di mana ada pegawai-pegawai kita yang bertugas.

Mengenai bilangan pegawai-pegawai dan pejabat-pejabat penguat-kuasa, memanglah kita dapati tidak begitu mencukupi pada masa ini dan usaha sedang diperbuat untuk menambah lagi bilangan pejabat-pejabat dan pegawai-pegawai di seluruh negara dengan harapan kita akan dapat mempertingkatkan pengawasan dan pengawalan.

### TANAH RIZAB ORANG ASLI

**7. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan kuasa-kuasa mana untuk mengisytiharkan status rizab (gazet) sesebuah kawasan Orang Asli.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 7(1), Akta Orang Asli, 1954 Pihak Berkuasa Negeri boleh dengan pemberitahuan di dalam Warta mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah yang didiami oleh Orang-orang Asli sebagai suatu Rizab Orang Asli.

### PROJEK PEMBANGUNAN— USAHASAMA BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

**8. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) semenjak MARA ditubuhkan dahulu, apakah bentuk-bentuk kejayaannya di dalam pembangunan kaum bumiputera di seluruh negara; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan projek-projek pembangunan usahasama antara kaum bumiputera dan kaum bukan bumiputera dan jika tidak mengapa.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang telah dicapai ialah dalam bidang perusahaan dan perniagaan di kalangan peniaga-peniaga kecil, latihan teknikal, pelajaran dan pengurusan profesional serta kemudahan-kemudahan pinjaman bagi golongan yang tidak berkemampuan. Bilangan mereka yang terlibat dalam aspek-aspek yang tersebut di atas telah bertambah dengan pesatnya.

Mengenai dengan soalan, (b) Kementerian memang berhasrat untuk melaksanakan projek-projek pembangunan antara kaum mengikut dasar yang ditetapkan dari masa ke semasa.

### KEMALANGAN—PUNCA UTAMA

**9. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kadar kemalangan yang berlaku dari awal tahun 1991 hingga November 1991 dan apakah punca utama menyebabkan kemalangan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 75,467 kemalangan telah dilaporkan dari Januari hingga September 1991. Jumlah bagi bulan Oktober hingga November belum lagi didapati. Dalam tempoh yang sama pada tahun lepas (Januari hingga September 1990) didapati jumlah kemalangan adalah sebanyak 64,606. Ini bermakna peningkatan sebanyak 16.8%.

Lebih daripada 90% dari kemalangan adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu di mana 50% kerana memandu tidak cermat dan cuai, 20% memandu dengan cara bahaya dan laju dan sebanyak 20% lagi kerana lain-lain kesalahan oleh pemandu.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah

cadangan dari Kementerian Pengangkutan supaya penumpang-penumpang di dalam kereta-kereta perseorangan ataupun van dihadkan apabila sesuatu kemalangan berlaku seperti baru-baru ini di Teluk Intan di dalam van itu terdapat lebih daripada 15 orang. Adakah cadangan supaya penumpang-penumpang dihadkan pada masa akan datang?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut sekarangpun memang semuanya dihadkan. Ada van yang boleh bawa hanya 8, iaitu disediakan 8 tempat duduk yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Ada 9, ada 12 dan ada 15. Tetapi ada van yang boleh isi 8, dia bawa 12. Jadi, inilah yang menjadi masalah. Begitu juga kereta, Proton Saga misalnya, boleh membawa seorang pemandu dan hanya 4 orang penumpang sahaja, tetapi dia bawa 7. Ini masalahnya, masalah manusia jugalah. Kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapatlah menasihatkan rakyat seluruhnya supaya berhati-hati dan sendirilah menjaga keselamatan masing-masing.

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengelakkan kemalangan yang berterusan terutama di antara kenderaan berat seperti lori, cargo trailer dan bas, adakah Kementerian bercadang untuk mengasingkan jalan-jalan laluan bagi kenderaan ini bagi keselesaan di jalan raya?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat berbuat demikian di seluruh negara. Memang ada tempat-tempat, ada laluan khas untuk basikal dan ada laluan khas untuk kenderaan yang lebih berat. Tetapi buat masa ini kita belum dapat lagi berbuat demikian oleh kerana tidak mampu untuk mengadakan begitu banyak lorong-lorong khas bagi tiap-tiap kenderaan.

## PEMAJU MASYARAKAT DAN PROGRAM INDUSTRI KAMPUNG

**10. Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkara berikut:

- (a) Pembantu Guru Tabika KEMAS masih lagi menjadi pembantu dan tidak dinaikkan taraf sebagai Guru. Pihak KEMAS buat masa lalu ada mengatakan bahawa pembantu-pembantu Guru ini mesti menjalani latihan sebelum dilantik sebagai guru. Soalnya bilakah latihan ini akan tamat, ramai daripada pembantu guru ini telah berkhidmat dalam lingkungan sepuluh tahun tetapi masih belum dinaikkan taraf kenapa;
- (b) Program Industri Kampung (PIK) yang dikendalikan oleh Kementerian memang program yang baik untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat kampung. Saya ingin mengemukakan soalan-soalan berikut berhubung dengan PIK, iaitu:
  - (i) sejak 1990 sehingga hari ini berapa banyakkah PIK yang dipohon dan berapa banyak yang ditolak di kawasan Parlimen di negeri Kedah;
  - (ii) berapakah PIK yang dikendalikan oleh masyarakat di kawasan-kawasan Parlimen di atas;
  - (iii) berapakah PIK yang gagal dikendalikan oleh masyarakat di kawasan-kawasan Parlimen di atas;
  - (iv) daripada kajian Kementerian, apakah sebab atau faktor yang mendorong kegagalan PIK; dan

- (v) apakah yang terjadi pada peralatan-peralatan yang dibeli oleh PIK? (sekiranya projek-projek itu terbengkalai).

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dalam KEMAS tidak ada jawatan Guru atau Pembantu Guru. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada jawatan Pemaju Masyarakat/Pembantu Pemaju Masyarakat.

Usaha-usaha untuk melantik Pembantu Pemaju Masyarakat Taman Bimbingan Kanak-kanak ke jawatan Pemaju Masyarakat adalah mengikut prosedur biasa, yakni mengikut keperluan dan kelayakan. Sehingga hari ini seramai 1,330 orang telah berkursus dan dilantik sebagai Pemaju Masyarakat. Baki seramai 1,759 orang lagi akan dilatih dan dilantik secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan dari masa ke semasa.

- (b) Merujuk kepada pertanyaan b(i), mengenai Program Industri Kampung (PIK), adalah dimaklumkan bahawa berseesuaian dengan dasar Kerajaan untuk memperluas dan melahirkan banyak pusat pertumbuhan industri yang baru, maka program ini dikenali sekarang sebagai Program Perusahaan Luar Bandar. Sukacita dimaklumkan bahawa semenjak tahun 1990 sehinggalah sekarang sebanyak 53 permohonan telah diterima di peringkat kawasan Parlimen di negeri Kedah Darul Aman dan semuanya layak untuk dipertimbangkan bagi mendapat bantuan.

Bagi soalan (b)(ii) dan (b)(iii), jumlah bilangan program industri luar bandar yang terdapat di kawasan Parlimen di negeri Kedah Darul Aman sehingga sekarang adalah sebanyak 178 buah industri. Dari jumlah tersebut pula, jumlah yang gagal ialah sebanyak 27 industri.

Bagi soalan (b)(iv), berdasarkan kepada kajian dan pengalaman yang berkaitan dengan program perusahaan luar bandar yang telah dikendalikan oleh Kementerian ini, beberapa faktor telah dikenalpasti yang menyebabkan kegagalan beberapa buah industri. Faktor-faktor tersebut adalah sebagai-mana berikut:

- (i) kekurangan modal kerja dan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman;
- (ii) ketiadaan kepakaran dari segi pasaran antarabangsa untuk di pasaran luar negeri;
- (iii) kekurangan tenaga kerja mahir dan terlatih yang menyebabkan penghasilan produktiviti industri ini rendah;
- (iv) lokasi atau tapak perusahaan di kawasan yang tidak diwartakan sebagai kawasan industri kerana kebanyakan terletak di luar bandar;
- (v) kekurangan peningkatan teknologi untuk mengeluarkan barang yang mempunyai nilai ditambah dan kualiti yang tinggi untuk bersaing di pasaran yang selalu berubah;

(vi) **kekurangan kecekapan pengurusan**

Dengan mengambilkira halangan dan masalah tersebut dan dalam usaha Kementerian ini mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, maka beberapa program yang sesuai untuk perusahaan ini berkembang telah disediakan oleh Kementerian ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Program-program tersebut merupakan komponen-komponen utama seperti kemudahan kewangan, pembangunan usahawan, perkhidmatan pemasaran dan infrastruktur.

Mengenai soalan (b)(v), sekiranya didapati projek-projek itu terbengkalai, maka peralatan yang telah dibeli itu akan diberikan kepada pengusaha perusahaan luar bandar yang lain yang memerlukannya bagi tujuan memajukan perusahaan mereka ataupun bagi memulakan perusahaan yang baru.

**AGENSI KERAJAAN  
MENOLONG USAHAWAN  
BUMIPUTERA—PERANAN**

**11. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah agensi-agensi Kerajaan yang dikenalpasti ditugaskan untuk menolong usahawan bumiputera dan sila jelaskan secara terperinci akan peranan dan fungsi agensi-agensi tersebut sama ada bertindih di antara satu sama lain.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, usaha membantu usahawan bumiputera telah dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan. Setakat yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam, agensi yang diawasinya adalah terlibat dalam usaha membantu dan membangunkan usahawan bumiputera. Kementerian adalah sentiasa mengawasi supaya tugas agensi-agensi yang di bawahnya tidak bertindih di antara satu sama lain tetapi menjalankan fungsi yang saling lengkap-melengkapi.

**PENGGUNAAN TELEFON  
SEMASA MEMANDU—PUNCA  
KEMALANGAN**

**12. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa menggunakan telefon semasa memandu boleh mengakibatkan kemalangan dan menyusahkan pengguna jalan raya yang lain; dan
- (b) jika sedar, apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang untuk mengatasi masalah ini.

23.12.91

**51. Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pihak Kementerian Pengangkutan sedar bahawa terdapat pemandu-pemandu yang menggunakan telefon keretanya sambil memandu. Adakah perbuatan seumpama ini boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Apakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengenakan undang-undang khusus bagi mengelakkan perkara seumpama ini daripada berlaku.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang

Berhormat Tuan Shuib bin Endut yang diadualkan untuk dijawab pada 23 Disember 1991.

Kementerian Pengangkutan memang sedar bahawa menggunakan telefon semasa memandu boleh mengganggu konsentrasi dan penumpuan pemandu semasa berada di jalan raya. Malahan ianya juga boleh menjejaskan keselamatan bukan sahaja dirinya sendiri tetapi juga bagi pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Oleh sebab itu, pengguna adalah digalakkan memasang telefon jenis 'hands-free', dengan izin, yang tidak memerlukan pemandu mengangkat telefon.

Kementerian Pengangkutan sedang mengawasi keadaan tersebut yang dipersoalkan dan setakat ini belum menerima perangkaan atau maklumat yang menunjukkan terdapatnya kemalangan yang disebabkan oleh penggunaan telefon semasa memandu.

Bagi soalan (b) pula, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang baru dan masalah ini boleh dikawal di bawah Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Untuk makluman Dewan ini, izinkan saya membacakan Seksyen 43 yang berbunyi: "Seseorang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan tanpa kecermatan dan perhatian yang sepatutnya atau tanpa pertimbangan yang munasabah terhadap orang lain yang menggunakan jalan itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi \$2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan."

### KONSEP KELUARGA BAHAGIA—PERUNTUKAN

**13. Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah peruntukan yang boleh diberi kepada satu-satu kumpulan yang ingin mengadakan acara "Keluarga Bahagia" dan

- (b) adakah Kementerian merancang untuk memperluaskan lagi konsep Keluarga Bahagia ini hingga ke kampung-kampung.

### Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di- Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat peruntukan yang khusus diberikan kepada sesuatu kumpulan yang ingin mengadakan acara 'Keluarga Bahagia'. Walau bagaimanapun, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telahpun mengagihkan peruntukan aktiviti kependudukan dan pembangunan keluarga di peringkat negeri menerusi program penerangannya.

Acara 'Keluarga Bahagia' telah dimasukkan ke dalam aktiviti penerangan seperti ceramah, dialog, pameran, projek kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

- (b) Memandangkan sambutan yang baik ke atas Hari Keluarga Kebangsaan yang disambut tiap-tiap tahun mulai dari tahun 1990, Konsep Keluarga Bahagia telah diperluaskan melalui Gerakan Keluarga Bahagia di peringkat negeri, daerah dan kampung termasuk estet dan rancangan tanah.

### BURUH DARI VIETNAM— KEMASUKAN

**14. Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan memberi pertimbangan untuk memasukkan buruh dari Vietnam memandangkan negara itu

mempunyai tenaga buruh yang sangat banyak dan gaji buruh di negara itu adalah sangat rendah.

**Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mempertimbangkan kemasukan buruh asing ke negara ini setelah berpuashati bahawa tiada orang tempatan yang ingin bekerja di sektor-sektor tersebut. Setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil buruh dari Vietnam untuk bekerja di negara ini memandangkan bekalan buruh dari negara yang dibenarkan selama ini telahpun mencukupi.

#### **PROGRAM MISI PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI BAGI TAHUN 1992**

**15. Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan Program Misi Perdagangan Ke Luar Negeri bagi tahun 1992 yang telah dirancang.

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran misi-misi galakan perdagangan ke luar negeri adalah merupakan salah satu dari aktiviti-aktiviti utama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam usaha untuk menggalakkan eksport dan mempelbagaikan pasaran eksport bagi barangan Malaysia.

Misi-misi galakan perdagangan yang dianjurkan ini disertai juga oleh wakil-wakil sektor swasta yang menggalakkan barangan keluaran syarikat mereka di negara-negara yang dilawati semasa misi-misi tersebut di samping mencari sumber-sumber import yang baru.

Dalam tahun 1992, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bercadang menganjurkan sebanyak 8 misi-misi galakan perdagangan ke luar negeri seperti berikut:

- (i) Rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Vietnam (Hanoi dan Ho Chi Minh City), Taiwan (Taipeh, Kaoshiung) dan Jepun (Tokyo, Fukuoka).
- (ii) Rombongan Galakan Pelaburan ke Amerika Syarikat (Los Angeles, Chicago, New York) dan Kanada (Toronto);
- (iii) Rombongan Galakan Perdagangan ke Eropah Timur (Republik Czechoslovakia dan Slovak, Hungary, Poland dan Blok Timur);
- (iv) Rombongan Galakan Perdagangan ke Amerika Syarikat (Los Angeles, Seattle dan Phoenix) dan Kanada (Vancouver);
- (v) Rombongan Galakan Pelaburan ke Jerman (Cologne), United Kingdom (London), Denmark (Copenhagen) dan Belgium (Brussels);
- (vi) Rombongan Galakan Perdagangan ke Amerika Selatan (Brazil, Chile, Argentina dan Venezuela);
- (vii) Rombongan Galakan Pelaburan ke Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun (Hong Kong, Seoul, Osaka); dan
- (viii) Rombongan Galakan Perdagangan ke Asia Barat (Jeddah, Kuwait, Dubai dan Abu Dhabi).

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Setiausaha Parlimen tadi, bahawa pada tahun 1992, lapan misi galakan akan dihantar ke luar negara. Dari lapan

missi galakan itu tentunya terdapat ahli-ahli rombongannya. Saya ingin tahu daripada ahli rombongan itu berapakah yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Negara?

**Tuan S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukannya satu rombongan untuk melawat sahaja tetapi untuk kita meningkatkan taraf eksport negara kita dan juga menarik pelaburan daripada luar negeri. Kalau Ahli-ahli Dewan Negara pasti boleh meningkatkan taraf perdagangan kita dan juga boleh menarik pelaburan dari luar negeri, kita boleh timbangkan perkara ini.

#### GURU-GURU TERLATIH— KEKURANGAN

**16. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah guru terlatih yang masih berkurangan;
- (b) bilakah kekurangan guru-guru terlatih bermula; dan
- (c) bagaimana Kerajaan mengatasi masalah ini.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan kekurangan guru terlatih bagi sesi persekolahan 1990-1991 di Sekolah Menengah dan Rendah adalah seramai 17,309 orang.
- (b) Kekurangan guru-guru terlatih mula menjadi ketara apabila:
  - (i) pertambahan murid dan kelas dari tahun ke setahun oleh kerana pertambahan kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan di samping bertambahnya pelajar-pelajar yang berjaya meneruskan pelajaran selepas SRP dan SPM;

- (ii) keperluan guru meningkat secara mendadak oleh kerana memenuhi perjawatan guru media, guru pemulihan dan guru pendidikan khas; dan

- (iii) memenuhi keperluan pendidikan mengikut pekeliling 3/1967 (pindaan) 1982 di mana nisbah kelas guru dari 1:1.43 diubah kepada 1:1.5 pada tahun 1982 berikutan pelaksanaan KBSR.

(c) Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan pengambilan guru-guru pelatih dalam tahun-tahun akan datang iaitu daripada 40,000 pengambilan semasa Rancangan Malaysia Kelima ditingkatkan kepada 62,900 dalam Rancangan Malaysia Keenam;
- (ii) melaksanakan program kembar dengan universiti-universiti luar dan dalam negeri. Adalah dijangka 3,420 orang guru akan dapat dilatih dalam Rancangan Malaysia Keenam melalui program tersebut;
- (iii) meneruskan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) bagi menambah bilangan guru siswazah untuk menampung keperluan sekolah menengah;
- (iv) dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina lima buah Maktab

Perguruan baru untuk melatih lebih ramai guru; dan

- (v) meneruskan pengambilan guru-guru sandaran tanpa latihan untuk mengisi kekurangan guru-guru terlatih.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, apakah kelayakan akademik yang minimum yang diperlukan untuk mengatasi jawatan-jawatan kosong di sekolah-sekolah? Di sekolah-sekolah yang terdapat kelas-kelas yang diajar oleh guru-guru sementara yang berganti-ganti, apakah perasaan seseorang ibu bapa sekiranya anak mereka diajar oleh seorang guru sementara yang tidak terlatih sedangkan murid-murid lain diajar oleh seorang guru yang terlatih di sekolah yang sama? Apakah pandangan Kerajaan terhadap pengambilan guru-guru sementara yang tidak mempunyai Sijil Perguruan dan pengambilan guru-guru terlatih yang telah bersara untuk mengatasi masalah kekurangan guru?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan yang mendalam itu. Tentang kelayakan minimum untuk calon-calon memasuki Maktab Perguruan, kelayakan yang minimum ialah 5 Kredit dalam SPM, termasuklah Kredit dalam Bahasa Malaysia dan kalau hendak menjadi guru di sekolah Cina terpaksa mempunyai Kredit dalam bahasa Cina dan di sekolah Tamil terpaksa mempunyai Kredit dalam bahasa Tamil. Numun demikian, oleh kerana kekurangan guru itu adalah amat ketara di Sabah dan Sarawak khususnya di Sekolah-sekolah Cina, kita telah memberi kelonggaran, iaitu calon-calon yang mempunyai kelulusan sahaja dalam bahasa Malaysia boleh juga diterima memasuki Maktab Perguruan. Tetapi perlulah mereka mendapat Kredit dalam Bahasa Malaysia sebelum mereka keluar daripada Maktab Perguruan.

Untuk mengisi kekosongan jawatan dari segi guru sandaran, dari segi amnya kita juga perlu calon-calon tersebut mempunyai 5 Kredit termasuklah Kredit dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah penting kerana kita hendakkan guru-guru sandaran itu layak untuk diambil memasuki Maktab Perguruan supaya tidak akan timbul masalah-masalah pada masa akan datang.

Mengenai soalan adakah perbezaan di antara pendidikan yang diberikan oleh guru sandaran dengan yang diberi oleh guru-guru yang terlatih, dari segi teori pendidikannya memang ada perbezaan tetapi kita telah mengatasi masalah tersebut dengan memberi latihan kepada guru-guru tanpa latihan ini khususnya apabila mereka berkhidmat sebagai guru sandaran. Juga kita beri keutamaan kepada guru-guru sandaran tersebut supaya mereka boleh diambil masuk ke Maktab Perguruan dalam suatu masa yang singkat.

Dari segi sama ada bolehkah kita timbang guru-guru yang telah bersara supaya kita melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka, soalan itu memang dalam perhatian Kementerian Pendidikan dan Kementerian akan menerima cadangan itu sebagai cadangan yang bagus dan wajar dan Kementerian Pendidikan memang akan mengkaji supaya Kementerian boleh membuat satu keputusan yang wajar.

#### **NOMBOR KAD PENGENALAN SI BERHUTANG—KEKELIRUAN**

**17. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sama ada telah berlaku sebarang kes di mana mereka yang telah diisytiharkan muflis tetapi tanpa mengetahui nombor Kad Pengenalan mereka maka telah menimbulkan kekeliruan di

kalangan orang ramai yang mempunyai nama yang sama tetapi berlainan nombor Kad Pengenalan; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan tidak adanya kejadian serupa itu berlaku.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) memang ada terdapat beberapa kes di mana carian dibuat ke atas penama yang mempunyai nama yang serupa dengan bankrap, tetapi nombor Kad Pengenalan bankrap tidak diketahui. Walau bagaimanapun, saya berpendapat perkara ini tidak sepatutnya menimbulkan sebarang kekeliruan kerana jawapan kepada carian yang sedemikian akan menyebut bahawa mengikut rekod di Jabatan Pemegang Harta ada menunjukkan terdapat seorang bankrap dengan nama tertentu tetapi nombor Kad Pengenalan tidak dapat dikesan.
- (b) Pihak Jabatan ini sedar akan masalah yang dihadapi oleh penama-penama yang mempunyai nama yang serupa dengan bankrap tetapi nombor Kad Pengenalan bankrap tidak dapat dikesan. Sebagai langkah permulaan, pihak Jabatan telahpun menulis kepada Majlis Peguam Malaysia melalui surat bertarikh 17.8.1988 meminta kerjasama dari pihak Peguam supaya memasukkan nombor Kad Pengenalan si berhutang di dalam notis dan juga Petisyen Kebankrapan. Sukacita dimaklumkan, pihak Peguam telah memenuhi permintaan ini dan tiada masalah lagi bagi kes-kes yang baru. Tetapi bagi kes-kes yang lama, iaitu di mana petisyen difailkan sebelum tarikh tersebut, pihak Jabatan

masih lagi tidak dapat mengesan nombor Kad Pengenalan setengah-setengah bankrap. Jika si bankrap menghilangkan diri, amatlah sukar bagi pihak Jabatan Pemegang Harga untuk mengambil tindakan bagi mengesannya, jika pemiutang mempetisyen sendiripun tidak dapat bekerjasama membekalkan Jabatan Pemegang Harta butir-butir diri si bankrap seperti yang disebut.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Kehakiman sedang mengambil langkah untuk meminda kaedah-kaedah kebankrapan 1969 bagi memasukkan peruntukan yang mewajibkan pemiutang mempetisyen memasukkan nombor Kad Pengenalan si berhutang sama ada di dalam notis mahupun petisyen kebankrapan.

#### PEKERJA KILANG— MENGATASI KEKURANGAN

**18. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan pekerja di kilang-kilang khususnya di bandar-bandar utama:

- (a) senaraikan kekurangan pekerja-pekerja tersebut mengikut negeri-negeri; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk mengatasinya sama ada Kerajaan membenarkan pihak pengusaha kilang mengimport pekerja asing.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan sebenar kekurangan tenaga pekerja mengikut negeri tidak dapat diketahui dengan tepat memandangkan keperluan

tenaga kerja sentiasa berubah khususnya sejak kebelakangan ini berikutan perkembangan ekonomi yang pesat. Walau bagaimanapun masalah kekurangan mendapatkan tenaga kerja ini agak ketara di negeri-negeri yang lebih maju seperti Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor khususnya bagi majikan-majikan yang tidak dapat memberikan kadar upah yang lebih baik dan lain-lain kemudahan seperti tempat tinggal dan pengangkutan kepada mereka.

(b) Untuk mengatasi kekurangan pekerja yang dialami sekarang, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Membantu majikan mendapatkan pekerja daripada kawasan yang mempunyai lebih tenaga pekerja seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Semasa lawatan saya ke Jabatan Tenaga Rakyat di negeri-negeri ini, saya menasihati pegawai-pegawai di jabatan berkenaan supaya menasihatkan majikan-majikan yang datang meminta bantuan untuk membawa bersama-sama audio-visual mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh mereka untuk pekerja-pekerja. Dengan ini dapat menarik minat pemuda-pemudi untuk bekerja dengan mereka. Ibu bapa juga dapat melihat sendiri keadaan tempat kerja anak-anak mereka terutamanya anak-anak perempuan mereka. Ini adalah penting kerana dari laporan pegawai-pegawai

Jabatan Tenaga Rakyat kami mendapat tahu bahawa kebanyakan anak-anak muda kembali semula ke kampung-kampung kerana menurut mereka apa yang dijanjikan oleh majikan tidak dipatuhi. Maka dengan tayangan audio-visual dapat meyakinkan pekerja-pekerja.

- (ii) Menggesa majikan memberikan kadar upah yang lebih kompetitif kepada pekerja-pekerja di samping mewujudkan suasana kerja yang lebih baik.
- (iii) Menggalakkan majikan menyediakan kemudahan perumahan dan pengangkutan bagi memudahkan mobiliti buruh dari kawasan-kawasan yang mempunyai lebih tenaga kerja.
- (iv) Menambahkan kerja lebih masa dari 64 jam sebulan kepada 104 jam sebulan.
- (v) Mengecualikan penduduk-penduduk tetap dan pemegang-pemegang kad pengenalan merah daripada mendapatkan permit kerja di bawah Akta Sekatan Kerja 1968.
- (vi) Menambah bilangan pengambilan pelatih di 10 buah Institut Latihan Perindustrian di bawah kelolaan Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir dalam jangka panjang.
- (vii) Mencadangkan supaya diperkenalkan polisi, "part-time workers" di mana suri

rumahtangga digalakkan untuk bekerja di sebelah petang misalnya dari jam 5.00 petang hingga jam 11.00 malam. Skim ini berjaya diamalkan di negara-negara lain yang mengalami kekurangan pekerja.

- (viii) Memperbaiki taraf perumahan pekerja dan kemudahan asas di ladang-ladang untuk meningkatkan taraf kualiti hidup pekerja-pekerja ladang melalui penguatkuasaan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas 1990.
- (ix) Memperluaskan penggunaan tenaga pekerja asing bagi beberapa sektor ekonomi tertentu mengikut dasar pengambilan pekerja asing yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan agar majikan tidak bergantung selama-lamanya kepada pekerja-pekerja asing. Penggajian pekerja-pekerja asing adalah langkah sementara sahaja. Pengusaha-pengusaha sektor pertanian dan perladangan juga adalah digalakkan supaya berusaha untuk memoden dan meningkatkan penggunaan jentera dalam proses pengeluaran mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan tenaga buruh.

Di samping itu bagi jangka masa panjang usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi mewujudkan teknologi dan peralatan yang boleh menjimatkan tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan sama ada Kerajaan akan membenarkan pihak pengusaha kilang mengimport pekerja asing, saya ingin

menjelaskan bahawa hasrat Kerajaan adalah untuk memberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan bekerja di sektor pembuatan. Tetapi kalau kekurangan tenaga pekerja berterusan dan menimbulkan masalah yang rumit, Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji dengan teliti sebelum mengambil apa-apa keputusan. Sungguhpun dengan ini Kementerian Sumber Manusia akan membenarkan pihak pengusaha kilang mengimport pekerja-pekerja asing hanya selepas Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri baru-baru ini dapat memastikan kekurangan sebenarnya.

Pengusaha kilang-kilang digesa untuk menghantar permohonan mereka kepada Jawatankuasa ini yang bersekretariat di Kementerian Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat supaya Kementerian Sumber Manusia dapat mengambil keputusan yang munasabah di mana hak-hak pekerja tempatan terjamin.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, iaitu saya minta Yang Berhormat dapat menjelaskan lebih mendalam mengenai pengumuman yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang mana pihak pengusaha kilang boleh memohon untuk mengimport pekerja. Saya timbulkan masalah dalam soalan ini kerana baru-baru ini ramai pengusaha dan pengilang-pengilang telah menyoal tentang macam mana mereka boleh memohon untuk dapat mengimport pekerja-pekerja asing untuk bekerja di kilang-kilang.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab tadi, memang permohonan boleh dibuat kepada Kementerian saya khususnya untuk pekerja-pekerja di sektor pembuatan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Kerajaan ingin mengimport pekerja-pekerja dari Bangladesh? Tidakkah Kerajaan ingin mengimport pekerja-pekerja daripada negara Pakistan, India dan Sri Lanka?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang datang ke negara kita tidak dihadkan kepada satu-satu negeri.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah Kerajaan akan put a brake, dengan izin, melepaskan pekerja-pekerja kita ke luar negeri? Soal ini saya faham Yang Berhormat telah ditanya namun demikian dengan Wawasan 2020 dan dengan nampaknya masih berkurangan lagi pekerja-pekerja kita khususnya technical groups yang kita sangat-sangat menderitakan hendak mereka itu kerja. Mereka inilah yang keluar cari kerja ditempat lain. Setakat mana Kerajaan boleh put a fullstop, dengan izin.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, sangat susah saya hendak jawab soalan dari Yang Berhormat itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, negara ini mengamalkan satu konsep ekonomi yang terbuka di mana supply and demand determine, dengan izin, bergantung kepadapasaran luar. Umpamanya, kalau satu negeri menawarkan kerja dengan gaji yang lebih; memang kalau seorang warganegara kita mahu pergi kita tidak boleh sekat dia. Jadi, inilah masalah yang kita ada.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat pasti dan yakin bahawa melalui tayangan audio-visual sesuatu pekerjaan itu boleh dijalankan dengan baik? Dan yang

keduanya, bilakah agaknya suri rumahtangga akan diberi peluang untuk bekerja di sebelah petang?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, satu masalah dengan suri rumah yang bekerja di sebelah petang ini adalah seperti part time workers. Memang kita akan meminda suatu akta berhubung dengan Workers Act.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terdapat lebih tenaga kerja di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Jadi apakah tindakan Kerajaan untuk menggalakkan supaya kilang-kilang dan industri yang ada ini berpindah ke kawasan-kawasan yang terdapat lebih tenaga kerja?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian kita suka supaya industri-industri berpindah kawasan, tetapi pelabur-pelabur yang datang ke negara ini tidak berminat hendak pergi ke sebelah sana dan kita tidak boleh paksa mereka untuk pergi ke sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang akhir, Yang Berhormat Puan Ainon.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang. Saya hendak bertanya dari segi dasar. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa sektor pembuatan tidak akan diberi peluang kepada pekerja-pekerja luaran, hanya untuk tempatan. Tetapi tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan boleh membuat permohonan. Jadi, dari segi dasar yang mana benar?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar memang kita memberikan pekerja-pekerja asing untuk bekerja dengan sektor pembuatan dengan selective basis, bukan semua industri. Kita ada faktori-faktori seperti

kilang elektronik, yang mana kita susah hendak dapat pekerja. Tetapi dengan selective basis, di mana pekerja-pekerja warganegara kita tidak berminat, kita akan memberikan kepada pekerja asing.

#### **PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA—JUMLAH**

**19. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pendatang haram Vietnam yang masih berada di Malaysia. Sementara menunggu untuk mendapat negara penerima adakah mereka ini diberi kerja secara 'in-house' untuk menampung kekurangan pekerja.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Kehakiman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan pendatang haram Vietnam yang masih berada di negara ini sehingga 12 Disember, 1991 ialah seramai 12,518 orang. Sehingga kini Kerajaan tidak pernah bercadang untuk mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam yang sedang menunggu tawaran dari negara-negara ketiga untuk dijadikan pekerja di negara ini.

#### **PUSAT PEMULIHAN AKHLAK— JUMLAH**

**20. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak Pusat Pemulihan Akhlak untuk perempuan yang di negara kita dan adakah ia mencukupi. Sekiranya tidak mencukupi, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu pusat di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak;

- (b) berapa ramaikah penghuni yang terbabit dari tahun 1986 ke akhir tahun 1990 dan peratusan yang berjaya dipulihkan;
- (c) berapa ramai yang disyaki diselamatkan dari rumah atau sarang maksiat dalam tempoh tersebut dan peratusan yang berjaya dipulihkan;
- (d) dalam usaha mempertingkatkan kebahagiaan keluarga serta membina masyarakat yang berkualiti dan penyayang, sekiranya cadangan Yang Berhormat itu mengenakan hukuman gantung ke atas ibu ayam yang membawa masuk pelacur yang mengidap AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) tidak diterima, apakah lagi cadangan Yang Berhormat mengenai topik itu.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai lima buah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis iaitu di Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Sabah dan Sarawak. Muata Pusat-pusat ini adalah berjumlah 630 orang manakala bilangan penghuni yang tinggal di pusat-pusat ini berjumlah 400 orang sahaja. Oleh yang demikian, Jabatan ini tidak bercadang untuk mendirikan pusat yang baru. Semua wanita yang diselamatkan daripada ambang pelacuran tidak semestinya di hantar ke pusat perlindungan. Ada di antaranya yang diletakkan di bawah jagaan ibu bapa mereka, orang yang sesuai atau diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- (b) Dalam tempoh tahun 1986 hingga 1990 seramai 2,283

orang wanita telah diselamatkan oleh pihak Polis dan di antaranya seramai 92% telah dipulihkan dengan jayanya.

- (c) Bilangan wanita yang terbabit dalam kegiatan maksiat dalam tempoh 1986 hingga 1990 adalah berjumlah 2,626 orang. Peratusan yang berjaya dipulihkan adalah 90%.
- (d) Pada pandangan saya, hukuman gantung yang dikenakan kepada ibu ayam adalah masih kekal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam untuk soal-jawab sudah cukup. Kita terus pergi kepada perkara yang lain.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 53 adalah diberikan di bawah ini)*

### ORANG ASLI—PROGRAM RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

**21. Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini berapa ramai Orang Asli yang berjaya dalam bidang perniagaan, pelajaran, menyertai pasukan keselamatan, pertanian dan lain-lain; dan
- (b) apakah program Kerajaan dalam RM-6 dan bagi kemajuan Orang Asli.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):**

- (a) Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Orang Asli adalah seperti berikut:
- (i) Seramai 410 orang terlibat secara langsung dalam

bidang perniagaan (perniagaan yang dimaksudkan itu ialah perniagaan kedai runcit, kedai makanan, pemborong, trading dan lain-lain).

- (ii) Lebih kurang 2,000 orang terlibat di dalam perniagaan secara tidak langsung iaitu dalam bidang Koperasi Kijang Mas, bidang Perusahaan buluh, rotan, kayu dan lain-lain.
- (iii) Dalam bidang pertanian pula, seramai 4,434 orang terlibat di dalam projek "in-situ" yang menyertai pembangunan tanah seluas 2,278 ha. Bagi projek Rancangan Penempatan Semula pula, jumlah Orang Asli yang terlibat ialah 2,507 orang yang menyertai pembangunan tanah baru seluas 10,030 ha.
- (iv) Dalam bidang pelajaran pula, seramai 2,588 orang murid telah berjaya semenjak tahun 1971 hingga 1991.
- (v) Dalam bidang Pasukan Keselamatan pula, sehingga kini terdapat 1,801 Orang Asli telah menganggotai Pasukan Keselamatan. Yang terlibat itu adalah seperti berikut:

Senoi Praq Batalian 19	—	605 orang
Senoi Praq Batalian 20	—	452 orang
Polis Di Raja Malaysia	—	42 orang
Pasukan Polis Hutan	—	669 orang
Angkatan Tentera Darat	—	1 orang
Angkatan Tentera Laut	—	1 orang

(b) Di dalam Rancangan Malaysia Ke-6 (RM6), Jabatan telah menyusun perancang mengikut Dasar dan Strategi untuk mencapai integrasi dan kesejahteraan hidup Orang Asli melalui peningkatan taraf sosio-ekonomi dan pembangunan insan. Untuk melaksanakan RM6, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$109.5 juta meliputi tiga program utama iaitu:

- (i) Program Pembangunan Ekonomi dengan peruntukan \$24.26 juta;
- (ii) Program Perkhidmatan sosial dengan peruntukan \$52.296 juta;
- (iii) Program Rancangan Pengumpulan Semula dengan peruntukan \$32.944 juta.

#### **RAPID DEPLOYMENT FORCE/ PARACHUTE BATTALIONS— PENUBUHAN**

22. Jen (B) Tan Sri Dasto' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah "Rapid Deployment Force" atau Strategik Briged yang mengandungi "Parachute Battalions and Mechanised Regiments" akan siap ditubuh dan dilengkapi. Sekiranya belum lagi, apakah masalah yang dihadapi.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Buat masa ini ATM sedang dalam proses mengujudkan satu pasukan Aturgerak Cepat (Rapid Deployment Force). Pasukan Aturgerak Cepat ini akan ditubuhkan secara berperingkat-peringkat; pada peringkat awal satu Kumpulan Batalion Para akan diwujudkan, bertujuan bagi menghadapi ancaman dalam tahap 'low intensity conflicts' sahaja. Kumpulan Batalion Para ini dijangka akan dapat

beroperasi pada pertengahan tahun 1992, sekiranya beberapa peralatan dan kelengkapan yang wajar dapat dibekalkan. Setakat ini tidak ada sebarang masalah dari segi melengkapkan kumpulan ini oleh kerana KEMENTAH telahpun mengambil langkah tertentu bagi melengkapkan pasukan ini dengan peralatan dan kelengkapan yang tertentu sejajar dengan tugas dan peranan mereka kelak.

#### **KAD PENGENALAN BARU— TEMPOH MEMPROSES**

23. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai proses memohon Kad Pengenalan Bermutu:

- (a) bilangan Kad Pengenalan Bermutu yang sudah diluluskan; dan
- (b) bilangan yang masih menunggu kelulusan. Sila beritahu agak masanya untuk mendapat Kad Pengenalan Bermutu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Bilangan kad pengenalan bermutu tinggi yang telah dikeluarkan sehingga akhir November 1991 ialah 804,180 permohonan.
- (b) Bilangan permohonan yang sedang diproses ialah sebanyak 454,300. Jangkamasa bagi memproses sesuatu permohonan ialah selama 3 bulan.

#### **FELDA—RANCANGAN TANAM SEMULA**

24. Tuan Mustaffa bin Awang minta Menteri Luar Bandar menyatakan sama ada rancangan tanam semula di dalam FELDA boleh diserahkan kepada peneroka itu sendiri untuk melaksanakan program tersebut untuk menjimatkan belanja.

**Tuan Mohd. Yasin Kamari:** Tanggungjawab FELDA di rancangan-rancangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan adalah berterusan walaupun peneroka telah menerima hakmilik atau ladang peneroka ditanam semula. Kerja tanam semula ladang peneroka wajar dilaksanakan oleh FELDA kerana kerja-kerja ini dapat dibuat secara kumpulan dan ini dapat mengurangkan kos perbelanjaan berbanding sekiranya dibuat secara persendirian oleh peneroka. Pengurusan FELDA juga akan dapat memastikan kerja serta tanaman ladang berkenaan mempunyai mutu yang baik. Dalam seminar Ketua-ketua Peneroka yang diadakan pada 23hb dan 24hb November 1991, Ketua-ketua Peneroka telah membuat resolusi kepada Pentadbiran FELDA, di mana peneroka-peneroka bersetuju meminta FELDA menguruskan kerja-kerja tanam semula ladang mereka. Antara sebabnya adalah kerana mereka kurang berupaya atau sudah uzur untuk melaksanakannya secara persendirian. Peneroka boleh melaksanakan kerja tanam semula secara persendirian. Walau bagaimanapun, peneroka yang bercadang untuk mengendalikan sendiri adalah dinasihatkan supaya memastikan mereka mempunyai kemampuan melaksanakannya dan membawa lebih manfaat dari segi kos dan mutu berbanding dengan pengendalian oleh FELDA. Peneroka yang menanam semula secara persendirian juga adalah tertakluk kepada beberapa peraturan yang ditetapkan oleh FELDA.

#### **HOSPITAL KERAJAAN— BAYARAN DAN MUTU PERKHIDMATAN**

**25. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah hospital-hospital Kerajaan dilengkapi dengan mesin-mesin yang canggih dan maju serta teknik-teknik yang

setanding ataupun lebih baik daripada yang terdapat di hospital-hospital swasta; dan

- (b) mengapa beberapa orang rakyat yang berpendapatan sederhana terutama mereka yang layak menerima rawatan percuma di hospital-hospital Kerajaan memilih rawatan di hospital-hospital swasta walaupun mereka sedar bahawa mereka akan dikenakan bayaran yang sangat mahal.

#### **Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohd. Farid bin Ariffin):**

- (a) Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan alat-alat perubatan yang canggih dan juga melaksanakan teknologi yang terbaru di hospital-hospital Kerajaan, demi kepentingan rakyat. Misalnya alat-alat radiotherapi seperti kamera gamma, simulator dan treatment planner, alat urology seperti lithotripter dan alat-alat diagnostic imating seperti digital angiography, echocardiograph dan magnetic resonance imaging (MRI) adalah antara alat-alat yang canggih di hospital-hospital Kerajaan. Contoh teknologi yang terbaru ialah pembedahan "tangan dan mikrosurgeri" dan "laparoscopic surgery".
- (b) Rawatan di hospital-hospital Kerajaan dikenakan caj mengikut Perintah Fee Perubatan (1982) dan bukan percuma. Hanya mereka yang tidak mampu boleh memohon untuk dipertimbangkan pengecualian. Tindakan mendapat rawatan di hospital-hospital swasta adalah pilihan pesakit sendiri dan ini dapat mengurangkan beban di hospital-hospital Kerajaan.

**EAST ASIA ECONOMIC  
CARCUS(EAEC)—  
PERKEMBANGAN MUTAKHIR**

**26. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perbezaan antara EAEG dengan EAEC dan mengapa pendirian EAEG tidak dapat dikekalkan, adakah pertukaran ini disebabkan tekanan oleh Amerika Syarikat ke atas Jepun.

*27.12.1991*

**2. Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan mutakhir dengan usaha Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) selepas cadangan EAEG menjadi kertas kerja Kumpulan Kerja EAEG.

*30.12.1991*

**3. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia setelah Korea dan Jepun menolak untuk menjadi ahli anggota EAEC setelah dipengaruhi oleh Amerika.

*31.12.1991*

**4. Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan mutakhir tentang cadangan perundingan ekonomi Asia Timur. Adakah Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menubuhkan perundingan ekonomi ini sekalipun mendapat tentangan dari negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada

16hb Disember, 1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai dan Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh @ Yusof. Jawatan tersebut telah juga meliputi soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 19hb Disember, 1991, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pada 27hb Disember, 1991, Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong pada 30.12.1991 dan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut pada 31hb Disember, 1991. Memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group - EAEG/East Asia Economic Caucus - EAEC, oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

**SEKTOR PERLADANGAN LUAR  
BANDAR—RANCANGAN  
WAWASAN 2020**

**27. Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah untuk menggiatkan peranan ladang di luar bandar dalam rancangan Wawasan 2020.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Pada masa ini, sektor kecil perladangan masih lagi memainkan peranan penting dalam sektor pertanian terutama sekali di dalam pengeluaran komoditi utama negara, seperti getah dan kelapa sawit. Ini dapat dilihat dari segi jumlah keluasan kawasan tanaman, jumlah hasil pengeluaran dan jumlah pekerjaan yang telah diwujudkan di dalam sektor kecil perladangan. Sektor kecil perladangan getah mempunyai keluasan tanah yang ditanam ketika ini sebanyak 343,100 hektar, iaitu kira-kira 19.1 peratus daripada keseluruhan kawasan tanaman getah negara. Sebanyak 1894,742 hektar atau 45.1 peratus daripada keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit adalah dalam sektor kecil perladangan.

Sektor kecil perladangan tetah dan kelapa sawit telah menghasilkan pengeluaran sebanyak 399,000 tan getah dan 3,839,600 tan kelapa sawit iaitu kira-kira 31 peratus dan 63 peratus daripada keseluruhan pengeluaran bagi sektor tersebut. Dari segi pewujudan peluang pekerjaan pula, sektor kecil perladangan getah telah memberi peluang pekerjaan kepada 98,432 pekerja, sementara sektor kecil perladangan kelapa sawit pula telah memberi peluang pekerjaan kepada 115,285 pekerja. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menggiatkan perkembangan peranan sektor kecil perladangan dalam rancangan Wawasan 2020 adalah menerusi usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan di dalam menghasilkan klon-klon bermutu tinggi agar tahap pengeluaran negara di dalam sektor tersebut dapat ditingkatkan. Selain dari itu, usaha-usaha menerusi pembangunan sumber tenaga manusia dan mekanisasi di sektor kecil perladangan akan terus dipertingkatkan agar sektor tersebut akan dapat terus bersaing di pasaran antarabangsa. Kerajaan juga akan terus memberi tumpuan ke arah peningkatan mutu kehidupan di dalam sektor kecil perladangan menerusi penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan elektrik, air dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan sosial seperti hospital, sekolah dan pusat-pusat beribadah.

**TAPAK SEKOLAH BANTUAN MODAL DI ESTET—AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH**

**28. Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah cadangan Kementerian menggunakan Akta Pengambilan Tanah baru bagi mengambil tanah sekolah-sekolah bantuan modal di estet untuk milikan Kerajaan dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan tanah oleh Kerajaan adalah bergantung

kepada Akta Pengambilan Balik Tanah yang berkuatkuasa pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tanah untuk tapak sekolah-sekolah bantuan modal kerana sekolah-sekolah jenis ini bukanlah milik penuh Kerajaan.

**PUSAT PEMULIHAN AKHLAK, PULAU JEREJAK—PEMINDAHAN**

**29. Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pemindahan Banduan Pulau Jerejak telah selesai di pindah ke Kem Simpang Renggan Johor.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak, yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah dipindahkan ke Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam secara beransur-ansur. Manakala penghuni-penghuni yang di tahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 akan dipindahkan selepas ini ke Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak. Proses perpindahan ini dijangka sebelum akhir tahun depan.

**AUDITOR SYARIKAT/EJEN CUKAI—JUMLAH KELULUSAN**

**30. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah permohonan dan bilangan yang telah diluluskan untuk lesen sabagai Auditor Syarikat di bawah Seksyen 8 Akta Syarikat 1965; dan
- (b) jumlah permohonan dan berapa permohonan telah diluluskan untuk lesen sebagai Ejen Cukai di bawah Seksyen 153 Akta Cukai Pendapatan 1967;

dalam tahun 1990 dan 1991 dan dianalisis mengikut kaum.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang diterima untuk kelulusan sebagai Juruaudit Syarikat di bawah sekeysn 8 Akta Syarikat 1965 bagi tahun-tahun 1990 dan 1991 (sehingga 30hb November, 1991) adalah masing-masing sebanyak 52 dan 51. Analisa mengikut kaum adalah seperti berikut:

	1990:		1991:	
	Jumlah:	Peratus:	Jumlah:	Peratus:
	(Sehingga 30.11.91)			
Melayu	2	3.8	4	7.8
Cina	47	90.4	41	80.4
India & lain-lain	3	5.8	6	11.8
	52	100.0	51	100.0

Daripada jumlah tersebut 41 permohonan telah diluluskan dalam tahun 1990, manakala bagi tahun ini (sehingga 30.11.91) kelulusan berjumlah 32. Analisa mengikut kaum adalah seperti berikut:

	1990:		1991:	
	Jumlah:	Peratus:	Jumlah:	Peratus:
	(Sehingga 30.11.91)			
Melayu	3	7.3	1	3.1
Cina	36	87.8	28	87.5
India & lain-lain	2	4.9	3	9.4
	41	100.0	32	100.0

Mengenai permohonan untuk mendapat kelulusan sebagai ejen cukai di bawah seksyen 153 Akta Cukai Pendapatan 1967, sebanyak 373 permohonan telah diterima dalam tahun 1990, manakala dalam tahun 1991 (sehingga 15.12.1991) sebanyak 76 permohonan diterima. Analisa mengikut kaum adalah seperti berikut:

	1990:		1991:	
	Jumlah:	Peratus:	Jumlah:	Peratus:
	(Sehingga 15.12.91)			
Melayu	317	85.0	44	57.9
Cina	50	13.4	30	39.5
India & lain-lain	6	1.6	2	2.6
	373	100.0	76	100.0

Dalam tahun 1990 sebanyak 302 kelulusan telah dikeluarkan untuk menjadi ejen cukai. Manakala jumlah kelulusan dalam tahun 1991 (sehingga 15.12.1991) adalah sebanyak 103. Analisa mengikut kaum adalah seperti berikut:

	1990:		1991:	
	Jumlah:	Peratus:	Jumlah:	Peratus:
	(Sehingga 15.12.91)			
Melayu	280	92.7	77	74.8
Cina	20	6.6	22	21.3
India & lain-lain	2	0.7	4	3.9
	302	100.0	103	100.0

### PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA YANG DIBERHENTIKAN—BANTUAN

**31. Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian ini ke atas nasib pekerja-pekerja kilang dan binaan yang bekerja beberapa tahun di Singapura kemudian diberhentikan kerja disebabkan permit kerja mereka tamat dan tidak dapat disambung semula.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Di antara langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura atau di lain-lain negeri yang telah diberhentikan kerja ialah dengan menggalakkan mereka mendaftarkan diri dengan Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia. ini akan memudahkan usaha Kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan lain yang sesuai dengan pengalaman dan kelayakan mereka.

Dengan perkembangan ekonomi negara yang pesat sekarang ini adalah dijangka pekerja-pekerja warganegara

Malaysia yang telah diberhentikan kerja di Singapura tidak akan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini.

Sebenarnya, sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita mengalami kekurangan tenaga kerja. Saya menasihatkan pekerja-pekerja negara kita seboleh-bolehnya carilah kerja di negara kita sendiri. Ini akan menolong mengatasi kekurangan tenaga kerja khususnya tenaga kerja mahir di samping dapat membantu mengawal pengambilan pekerja-pekerja asing tanpa izin.

Ini adalah hanya nasihat dan bukan bererti kita menyekat mobiliti pekerja-pekerja. Pilihan untuk bekerja di mana-mana tempat adalah hak mereka. Negara kita mengamalkan prinsip demokrasi mobiliti pekerja-pekerja.

#### **MADA—LANGKAH MENGATASI KEPUPUSAN SAWAH PADI**

**32. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah kelulusan tanah pertanian, khususnya padi di negeri Kedah yang semakin berkurangan akibat daripada kawasan-kawasan ini dijadikan kawasan pembangunan dan perumahan. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan import beras, apakah Kerajaan bercadang membuka kawasan-kawasan baru untuk penanaman padi bagi menggantikan kawasan yang telah pupus.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Keluasan tanah sawah padi di negeri Kedah adalah 127,536 hektar di mana 79,536 hektar adalah berada di kawasan MADA (Kedah) dan 48,000 hektar di luar MADA. Daripada keluasan tersebut 1,200 daripada kawasan MADA telah ditukar syarat untuk projek pembangunan.

Kerajaan tidak bercadang untuk membuka kawasan-kawasan baru bagi tanaman padi, sebaliknya akan hanya tertumpu kepada lahan kawasan jelapang padi yang sedia ada. Kawasan-kawasan di luar jelapang padi yang mempunyai potensi untuk ditanam dua kali setahun akan terus dimajukan dan dipertingkatkan kemudahan infrastruktur pengairannya. Ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencapai pengeluaran beras negara sekitar 55% -65% sahaja.

Usaha-usaha juga sedang digiatkan bagi meningkatkan produktiviti dengan memperkenalkan benih padi berhasil tinggi, penggunaan jentera pertanian dengan lebih meluas, penggunaan baja hingga ke peringkat optima, pengurusan air dengan lebih baik dan memperluaskan kaedah tanaman tabur terus.

#### **PROJEK MENANAM PADI DI REPUBLIK RAKYAT CHINA**

**33. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kedudukan sekarang di atas projek menanam padi di Republik Rakyat China yang telah dirancangan oleh Kerajaan Malaysia tidak lama dulu.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Mengenai rancangan untuk menanam padi di Republik Rakyat China, saya telahpun memaklumkan perkara ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 16hb Januari, 1991 dan juga pertanyaan Yang Berhormat Tuan Foo Piew Kok yang bertarikh 22hb Januari, 1991.

Seperti yang telah dimaklumkan, pihak Kerajaan ingin menegaskan bahawa projek penanaman padi di Republik Rakyat China dilaksanakan oleh pihak swasta. Kementerian telahpun memaklumkan perkara ini kepada Dewan-dewan Perniagaan tentang peluang pelaburan tersebut. Buat masa ini masih belum ada pihak swasta yang berminat.

### RUMAH ORANG-ORANG TUA— PEMBIAYAAN DAN LAYANAN

34. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa banyak rumah orang-orang tua yang telah dan akan dibina khusus untuk orang-orang Islam;
- (b) berapa ramai orang-orang tua Islam yang tinggal di rumah-rumah orang tua (bukan khusus untuk orang Islam) di seluruh negara;
- (c) berapa banyak biaya untuk menyelenggarakan rumah-rumah orang tua mengikut pecahan perbelanjaan negeri-negeri;
- (d) adakah penghuni rumah-rumah berkenaan diberikan bimbingan keagamaan dan ketatanegaraan bagi mengisi masa lapang mereka, jika ada berapa ramai pembimbing yang terlibat;
- (e) adakah mereka mendapat rawatan perubatan secukupnya, berapa ramai doktor dan kakitangan perubatan yang membantu; dan
- (f) apakah rancangan jangka panjang bagi mendidik (educate) supaya anaka-anak tidak menghantar ibubapa mereka ke rumah orang-orang tua.

#### Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 314 buah Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris telah siap dibina pada tahun 1990. Pada tahun 1991, sejumlah 22 buah Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris telah juga didirikan untuk memberi

perlindungan kepada orang-orang tua yang kurang bernasib baik.

- (b) Pada tahun 1990, seramai 417 penghuni yang beragama Islam telah diberi perlindungan di Rumah Oran Tua (bukan khusus untuk orang Islam), di seluruh negara.
- (c) Jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun ini untuk menyelenggarakan Rumah Orang Tua (bukan khusus untuk orang Islam) di bawah Kerajaan Negeri ialah \$6.2 juta. Pecahan perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri:	Peruntukan diluluskan:
1. Kedah	\$868,758
2. Perak	\$1,482,646
3. Selangor	\$890,241
4. Negeri Sembilan	\$667,622
5. Melaka	\$809,284
6. Johor	\$824,911
7. Kelantan	\$630,810
	<hr/>
	\$6,174,172
	<hr/>

Jumlah peruntukan yang diluluskan untuk menyelenggarakan Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris ialah \$1.2 juta. Pecahan peruntukan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri:	Peruntukan diluluskan:
1. Perlis	\$4,600
2. Perak	\$40,000
3. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	\$40,000
4. Johor	\$36,680
5. Kelantan	\$4,900
6. Pahang	\$10,000
	<hr/>
	\$136,180
	<hr/>

- (d) Penghuni-penghuni Rumah Orang Tua Kerajaan diberikan bimbingan keagamaan dan ketatanegaraan. Tempat sembahyang di setiap Rumah Orang Tua disediakan. Seorang guru sambilan ditugaskan untuk mengajar agama. Pada hari Jumaat, penghuni-penghuni yang beragama Islam dibawa ke masjid di luar institusi.

Bagi penghuni-penghuni yang tinggal di Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris, mereka diberi bimbingan keagamaan oleh Jabatan Agama di daerah masing-masing.

- (e) Penghuni-penghuni Rumah Orang Tua Kerajaan diberi rawatan perubatan oleh pegawai perubatan dari Hospital Daerah. Di samping itu, seorang pembantu perubatan ditugaskan di Rumah Orang Tua untuk memberi rawatan kepada penghuni.

Penghuni-penghuni yang tinggal di Rumah Orang Tua Islam Tidak Berwaris adalah diberi perhatian dengan sepenuhnya. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah memikul tanggungjawab untuk membawa penghuni-penghuni ke Hospital Daerah masing-masing.

- (f) Pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengadakan ceramah, seninar dan dialog dengan pemimpin-pemimpin masyarakat seperti di kampung dan kawasan supaya masyarakat dapat memahami akan tanggungjawab mereka terhadap orang tua. Di samping itu, risalah mengenai perkhidmatan kepada orang tua disembarkan kepada murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi supaya mereka dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

## FELCRA—HAKMILIK DAN BAYARAN BALIK PENEROKA

**35. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keluasan tanah yang telah dimajukan oleh FELCRA (mengikut pecahan negeri);
- (b) jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi memajukan rancangan tanah berkenaan;
- (c) berapakah jumlah peneroka dan jumlah bayaran balik yang telah diselesaikan oleh mereka; dan
- (d) bilakah hakmilik saham hendak diserahkan kepada peneroka-peneroka berkenaan yang telah tertangguh sekian lama.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**

- (a) Jumlah keluasan tanah yang telah dimajukan FELCRA (sehingga pertengahan tahun 1991):

Negeri:	Luas (Ha):
Johor	41,642
Melaka	4,921
Negeri Sembilan	21,090
Selangor	13,095
Perak	48,101
Kedah	16,508
Perlis	2,515
Pulau Pinang	637
Terengganu	29,482
Pahang	48,551
Kelantan	19,574
Sarawak	4,767
	250,884

- (b) Jumlah perbelanjaan pembangunan yang terlibat adalah sebanyak \$945,217,470.05.

- (c) Jumlah peserta sehingga pertengahan tahun 1991 ialah 99,728 orang. Jumlah bayaran balik yang telah diselesaikan oleh mereka sehingga September, 1991 ialah \$140,142,229.71 iaitu mengikut jadual bayaran hutang pembangunan tahunan.
- (d) FELCRA sebenarnya tidak mengeluarkan hakmilik saham kepada peserta-peserta. Sistem pengagihan atas pendapatan projek kepada peserta-peserta projek berkenaan dilaksanakan seolah-olah tiap-tiap peserta mempunyai "saham" di atas projek itu dan "saham" itu didasarkan kepada keluasan tanah yang sepatutnya menjadi pegangannya. Ini adalah bertujuan supaya pengurusan projek berkenaan boleh dilakukan ala estet dan "saham" yang dimiliki oleh tiap-tiap peserta tidak melibatkan hakmilik tanah.

Megenai hakmilik tanah, FELCRA akan berurusan dengan Kerajaan Negeri supaya kawasan-kawasan projek berkenaan (yang belum mempunyai hakmilik tanah), dapat dikeluarkan hakmilik tanah. Syarat utamanya ialah peserta projek telah selesai menjalankan hutang pembangunan yang telah dijadualkan.

#### **BANK PERDAGANGAN— PENYELARASAN MENGIKUT KAEDAH BANK ISLAM**

**36. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Kewangan menjelaskan:

- (a) apakah ada cadangan pihak Kerajaan untuk menyelaraskan seluruh operasi bank-bank perdagangan di negara ini mengikut kaedah operasi Bank Islam; dan

- (b) selain daripada Bank Islam dan Syarikat Takaful, adakah pihak Kerajaan juga hendak melaksanakan sistem pembiayaan Islam bagi kakitangan Kerajaan mendapatkan rumah, hartanah dan kenderaan. Sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menjayakan skim tersebut.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Di negara kita, pelaksanaan urusan Kewangan secara Islam adalah dibuat seiringan dengan urusan kewangan secara konvensional. Ini adalah untuk memberi pilihan kepada orang ramai. Cara pelaksanaan yang diamalkan sekarang berjalan dengan baik dan mampu memenuhi kehendak semua pihak tanpa menjejaskan kemajuan ekonomi dan sistem kewangan negara. Dengan demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menukar kaedah operasi bank-bank perdagangan di negara ini agar selaras dengan kaedah operasi Bank Islam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang merangka kaedah-kaedah bagi membolehkan institusi-institusi kewangan yang sedia ada, membuka kaunter urusan bank secara Islam, bagi memberi pilihan kepada pelanggan mereka. Cadangan ini merupakan sebahagian daripada usaha ke arah meluaskan lagi perkhidmatan urusan bank secara Islam di negara ini.

Mengenai kaedah pembiayaan untuk kakitangan Kerajaan yang ingin membeli kenderaan, rumah atau tanah untuk perumahan, kajian sewajarnya telah dijalankan dan Kerajaan mendapati buat masa ini pinjaman perumahan Kerajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam kerana ia melibatkan peruntukan yang besar setiap tahun di mana Kerajaan tidak mampu menyediakan peruntukan yang bebas daripada riba. Kerajaan terpaksa meminjam daripada

institusi-institusi kewangan khususnya bank-bank perdagangan kerana tidak berupaya membiayainya daripada sumber hasil Kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi pinjaman kenderaan, rancangan untuk melaksanakannya mengikut lunas-lunas Islam sedang dalam peringkat akhir kajian di mana Kementerian Kewangan sedang menyediakan kaedah-kaedah yang sesuai untuk pelaksanaannya.

### JERUBU—TINDAKAN MEMBENDUNG

**37. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan telah menubuhkan jawatan-kuasa untuk mengatasi masalah suasana berjerubu yang dialami di seluruh negara. Sekiranya ada, apakah pendekatan yang diambil untuk membendung masalah ini.

26.12.91

**16. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apa-apa langkah yang dilakukan untuk mengurangkan 'jerubu' yang mengakibatkan berbagai-bagai penyakit dan kerugian kepada MAS akibat kapal terbang tidak dapat mendarat.

30.12.91

**33. Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah strategi dan tindak balas Kementerian ini untuk menangkis kempen-kempen memburuk-burukan Malaysia oleh Kumpulan Pencinta Alam dari Barat dan apakah kempen-kempen ini menjejaskan nama baik negara; dan
- (b) apakah punca sebenar berlakunya jerubu dan setakat ini berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh negara,

misalnya Penerbangan Malaysia (MAS) dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kejadian berjerubu tidak berlaku lagi.

31.12.91

**35. Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian Kementerian keadaan berjerubu yang melanda teruk negara kita baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar seumpama itu tidak berulang lagi.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh pada 26.12.91, Yang Berhormat Tuan Dol bin Dolah pada 30.12.91, soalan (b), dan Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan pada 21.12.91 kerana semua pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, keadaan udara berjerubu yang berlaku di negara ini, khususnya bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang baru-baru ini adalah berpunca dari dua faktor.

Pertama faktor luaran iaitu kejadian pembakaran hutan yang berlaku di negara jiran. Kejadian ini biasanya berlaku dalam keadaan cuaca yang kering dan tiupan angin Barat-daya yang membawa debu dan asap dari kawasan kebakaran tersebut ke kawasan-kawasan berkenaan di negara ini.

Kedua faktor dalaman iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian, kegiatan pembakaran terbuka dari tempat-tempat pelupusan sampah serta aktiviti pembukaan tanah baru yang turut juga memberi kesan kepada keadaan berjerubu ini, terutamanya apabila keadaan udara didapati stabil dan tidak mampu membawadebu dan asap ke kawasan lain.

Dalam usaha untuk mengawal keadaan berjerubu, Kementerian ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan (Induk) Mengenai Jerubu yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Tiga Kumpulan Kerja telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa berkenaan iaitu:

- (a) Kumpulan Kerja untuk mengenalpasti punca-punca jerubu;
- (b) Kumpulan Kerja untuk mengkaji kesan-kesan jerubu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
- (c) Kumpulan Kerja untuk membentuk strategi Kawalan Jerubu.

Kerajaan sedang berusaha untuk mengetat serta meningkatkan lagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri. Manakala orang ramai pula dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerubu demi mengelakkan daripada keadaan jerubu menjadi bertambah serius.

#### PEMASTAUTIN TETAP— JUMLAH PERMOHONAN

**38. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan 'permanent resident' yang terdiri daripada isteri-isteri warganegara

Malaysia yang masih dalam pertimbangan; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memberi status pemastautin tetap kepada mereka ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang masih dalam pertimbangan untuk mendapatkan taraf penduduk tetap daripada isteri-isteri asing adalah sebanyak 1690 orang.
- (b) Kerajaan sentiasa menerima dan menimbang permohonan untuk mendapat status bermastautin tetap. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon melayakkan diri untuk dipertimbangkan taraf tersebut.

#### HOSPITAL UNIVERSITI— KEMATIAN PESAKIT AKIBAT PEMINDAHAN DARAH HIV

**39. Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa berikutan dengan kejadian di Hospital Universiti di mana seorang pesakit berumur 65 tahun telah diberikan darah yang dicemari oleh kuman HIV dan menyebabkan AIDS:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah supaya semua pegawai perubatan menjalani pemeriksaan sebelum mereka menjalankan tugas bagi memastikan sama ada ada di antara pegawai perubatan itu dijangkiti dengan kuman AIDS; dan
- (b) sama ada terdapat sebarang kecacatan dalam peraturan pemeriksaan daerah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 16.12.91.

**MISSI PELABURAN KERAJAAN  
NEGERI—BANTUAN KERAJAAN  
PUSAT**

**40. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menubuhkan satu Badan Penyelaras untuk menyelaraskan rombongan-rombongan galakan pelaburan yang dihantar oleh Kerajaan negeri untuk menarik pelaburan-pelaburan asing ke negara ini.

**Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):** Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Badan Penyelaras untuk menyelaraskan rombongan-rombongan galakan pelaburan yang dihantar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Ini adalah kerana berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan Pusat, khususnya MITI untuk menyelaraskan misi-misi galakan pelaburan ke luar negeri seperti:

- (i) menjemput wakil Kerajaan-kerajaan Negeri menyertai dalam misi-misi galakan yang diadakan oleh Kerajaan Pusat.
- (ii) mendapatkan program misi-misi galakan yang dirancang oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan dalam mengatur lawatan ke luar negeri serta menganjurkan Seminar berkaitan pelaburan di negara-negara yang dilawati.

(iii) menubuhkan Jawatankuasa Bersama Penyelaras Industri di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan dan MIDA di luar negeri juga menyelaraskan dan membantu rombongan-rombongan Kerajaan Negeri dalam lawatan-lawatan dan urusan-urusan galakan mereka.

**WARGANEGARA ASING—  
PENGANUGERAHAN  
KERAKYATAN**

**41. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan masih menerima rakyat asing menjadi warganegara Malaysia.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan masih menerima dan menimbang permohonan rakyat asing yang layak untuk dianugerah kerakyatan Malaysia.

**PEMBALAKAN HARAM—PUSAT  
PENGESAN**

**42. Tun Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah benar dengan pembinaan Pusat Remote Sensing Negara sebagai Stesen Pengesan dapat membantu mengesan pembalakan haram.

**Tuan Lau Hieng Ding:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar Pusat Remote Sensing Negara boleh membantu mengesan aktiviti pembalakan haram khususnya bagi kawasan-kawasan baru. Selain daripada itu, Pusat Remote Sensing Negara juga boleh membantu mengumpul maklumat bagi aktiviti pertanian meliputi pemetaan guna

tanah, kajian keadaan tanaman dan ramalan hasil tanaman, aktiviti geologi meliputi eksplorasi mineral, petroleum dan pemetaan struktur batu-batuan, aktiviti alam sekitar meliputi keadaan jerubu, keadaan tadahan air dan hakisan tanah khususnya di kawasan pantai, aktiviti pembangunan infrastruktur meliputi lebuh raya, ampingan dan penempatan peneroka-peneroka luar bandar dan aktiviti-aktiviti perancangan strategik serta aktiviti keselamatan negara.

#### **PENDATANG TANPA IZIN— BERKAHWIN DENGAN RAKYAT MALAYSIA**

**43. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pendatang tanpa izin yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia dan sudah mempunyai anak mengikut negara-negara di tiap-tiap negeri di Malaysia, dan apakah kesan negatif terhadap negara pada masa hadapan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri tidak ada perangkaan mengenai jumlah pendatang tanpa izin yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

#### **FELDA/FELCRA/KESEDAR/ KEJORA—PROJEK UNTUK PEMBORONG BUMIPUTERA**

**44. Tuan Haji Abdul Salam Awang** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa kebanyakan agensi-agensi lain seperti FELDA, FELCRA, KESEDAR, KEJORA dan lain-lain seperti SEDC-SEDC mempunyai banyak projek-projek untuk dilaksanakan dan tidakkah agensi-agensi ini mengenalpasti beberapa projek untuk diberi kepada pemohon-pemohon T.P.U. yang telah dipersetujui untuk mendapat projek.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Agensi-agensi yang dirujuk seperti FELDA, FELCRA, KESEDAR, KEJORA dan lain-lain agensi di bawah Kementerian ini menggunakan prosedur-prosedur biasa dalam urusan pemberian kontrak sebagaimana peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Projek-projek yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor adalah mengikut kelayakan, kesesuaian dan kebolehan mereka masing-masing yang menyertai tender-tender terbuka itu. Semua pemborong-pemborong khususnya bumiputera yang layak, termasuk pemohon-pemohon T.P.U. mempunyai peluang yang saksama untuk menyertai tawaran-tawaran yang dibuka.

#### **BIASISWA/DERMASISWA— JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN**

**45. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan jenis-jenis Biasiswa dan Dermasiswa yang diberikan oleh Kerajaan kepada pelajar-pelajar dalam negeri dan luar negeri dan sehingga kini berapa ramai pelajar telah mendapat biasiswa-biasiswa ini, apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon biasiswa-biasiswa tersebut.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ada menawarkan Biasiswa Persekutuan dan Pinjaman Pelajaran Persekutuan kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri berdasarkan kepada keperluan tenaga manusia negara.

Menyentuh mengenai bilangan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran yang disediakan oleh JPA pada tahun 1991 adalah seperti berikut:

Jenis Latihan	Bilangan Pelajar
Latihan Sebelum Perkhidmatan:	
Luar Negeri	2,100
Dalam Negeri	9,920
Latihan Dalam Perkhidmatan (Dalam dan Luar Negeri):	
Kursus Jangka Pendek	1,448
Diploma	335
Sarjana, Kepakaran dan Ph. D	765
Jumlah:	14,568

Bagi maksud pemilihan latihan sebelum perkhidmatan, syarat-syarat yang dikenakan ialah calon-calon mesti sekurang-kurangnya lulus peperiksaan SPM Pangkat I, Agregat 10 ke bawah atau lulus di peringkat STPM atau Kursus Matrikulasi dengan baik. Bagi tujuan penajaan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan di peringkat Ijazah Lanjutan pula, calon-calon mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun bagi Kursus Sarjana dan 9 tahun bagi Kursus Ph.D dan calon-calon mestilah berumur tidak lebih dari 40 tahun, telah disahkan dalam jawatan dan mempunyai prestasi kerja yang cemerlang.

## WAWASAN 2000—CARA DAN STRATEGI PENCAPAIAN

46. Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohammad minta Perdana Menteri menyatakan jalan-jalan atau cara-cara untuk mendapai hasrat Wawasan 2020.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat Wawasan 2020 untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar maju menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai, antaranya dengan:

- (i) menjadikan konsep Persyarikatan Malaysia sebagai satu kenyataan. Sektor swasta dijangka memainkan peranan penting dan bertindak sebagai penggerak kepada pertumbuhan

ekonomi. Kerajaan akan bersikap pro-aktif, mengekalkan kestabilan ekonomi makro, melonggarkan peraturan dan memperbaiki lagi karenah pentadbiran di samping meneruskan dasar penswastan;

- (ii) usaha mempercepatkan dasar perindustrian dipergiatkan lagi melalui penggunaan yang meluas asas sains dan teknologi (S&T) dan menggalakkan sektor swasta berkembang melalui penyelidikan dan pembangunan (P&P);
- (iii) mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti tenaga kerja melalui usaha berterusan pembangunan sumber tenaga manusia dengan sistem pendidikan yang tinggi standardnya; dan
- (iv) mengekalkan kestabilan politik dan keadilan sosial dengan mengurangkan penekanan kepada isu politik dan ideologi dan lebih menumpukan kepada membina daya ketahanan ekonomi.

Dalam hubungan ini, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kkedua (RRJP2), 1991-2000 dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6), 1991-1995 adalah langkah permulaan kepada pencapaian matlamat Wawasan 2020. Terutamanya ialah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kini pesat, di samping menyediakan asas ekonomi yang kukuh dan stabil untuk jangka panjang.

Perlulah ditegaskan di sini, bahawa untuk mencapai hasrat Wawasan 2020 ianya bukanlah merupakan tugas dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh Kerajaan semata-mata. Ianya memerlukan pendekatan menyeluruh, keprihatinan dan pemikiran bersama. Saya bersyukur yang ianya kini telah diterima umum. Melalui langkah-langkah yang lebih konkrit dan terperinci serta pelaksanaannya secara fleksibel dan pragmatik di sepanjang

tempoh menjelang tahun 2020, maka hasrat tersebut akan menjadi kenyataan.

### **TASIK—PUSAT TARIKAN PELANCONGAN**

**47. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa buah tasikkah akan dijadikan pusat pelancongan. Dari negeri manakah tasik-tasik itu dipilih dan berapakah kos bagi memajukan tiap-tiap buah tasik tersebut.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Pada masa ini Kementerian sedang membangunkan Tasik Kenyir sahaja di negeri Terengganis sebagai pusat tarikan pelancongan. Sebanyak lebih kurang \$13 juta telah diuntukkan bagi menyediakan infrastruktur-infrastruktur asas di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Di samping itu, Kementerian saya juga sedang mengenalpasti beberapa buah lagi tasik yang berpotensi bagi dimajukan sebagai pusat tarikan pelancongan iaitu Tasik Temenggur/Banding di Perak dan Tasik/Empangan Pedu di Kedah. Konsep dan projek-projek yang akan dibangunkan di sekitar tasik-tasik ini sedang dikaji oleh Kementerian ini bersama-sama Kerajaan Negeri Perak dan Kedah. Apabila kajian tersebut siap, Kementerian akan memohon untuk mendapat peruntukan kewangan untuk membiayai projek-projek berkenaan.

### **SUKAN KOMANWEL KE XVI 1988—KEMPEN UNTUK MENJADI TUAN RUMAH**

**48. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah hasil kempen-kempen supaya Malaysia jadi

tuan rumah Sukan Komanwel 1998 sejak ianya dilancarkan bulan Ogos-November 1991. Negara-negara manakah yang telah memberi sokongan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Kempen yang dijalankan sejak bulan Ogos yang lalu telah menampakkan keberkesannya yang amat membanggakan. Ramai pemimpin-pemimpin Sukan dari Pertubuhan Sukan Negara-negara Komanwel telah memberi sokongan positif terhadap penawaran Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel ke XVI pada tahun 1988. Sokongan yang menggalakkan ini telah dapat dibuktikan apabila rombongan Menteri Belia dan Sukan dan Presiden Olimpik Malaysia sama-sama menghadiri Sukan Benua PAN American ke X di Havana Cuba, Sukan Selatan Pacific Ke IX di Port Moresby, Papua New Guinea dan Sukan All Afrika di Cairo, Mesir.

Dalam kejohanan-kejohanan yang dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan serta Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Ketua-ketua Pertubuhan Sukan Negara Komanwel itu telah memberi keyakinan bahawa mereka akan memberi sokongan kepada Malaysia. Ketiga-tiga Kejohanan Sukan Benua ini telah melibatkan penyertaan sebanyak 46 daripada 67 buah negara anggota Komanwel keseluruhannya. Sukan Asia Selatan di Colombo, Sri Lanka yang akan diadakan pada 22hb - 27hb Disember, 1991 akan disertai oleh 8 buah lagi negara-negara anggota Komanwel.

Keyakinan negara-negara anggot menyokong penawaran Kuala Lumpur menjadi Tuan Rumah bagi Sukan Komanwel ke XVI ini bukan sahaja dipandang dari segi kemudahan-kemudahan yang sedia ada atau perancangan kemudahan yang lebih besar yang akan dilaksanakan bagi tujuan Sukan ini, malah juga dilihat dari kemampuan negara dalam

penganjuran Majlis dengan jayanya di peringkat antarabangsa yang telah terbukti semasa persidangan CHOGM dan G15 di Kuala Lumpur baru-baru ini. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa persidangan Komanwel di Harare, Zimbabwe baru-baru ini juga telah memberi kesan yang baik ke atas usaha penawaran Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah sukan Komanwel ini.

Saya tidak dapat menyebutkan nama negara-negara yang akan menyokong usaha penawaran secara terang-terang buat masa ini. Bagaimanapun, boleh dibuat jangkaan bahawa negara-negara membangun akan menyebelahi Malaysia dan keputusannya nanti akan diketahui semasa pengundian pada 22hb Julai 1992 sempena Sukan Olimpik di Barcelona.

#### **AIDS DAN DADAH— PENGHALANG KEJAYAAN WAWASAN 2020**

49. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada tahap kesihatan rakyat hari ini dapat menjayakan Wawasan 2020 memandangkan penyakit AIDS dan dadah menjadi dua batu penghalang utama terhadap kejayaan pembangunan dan kemajuan yang diharap-harapkan pada tahun 2020.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohd. Farid bin Ariffin):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 16.12.91.

#### **LEBUHRAYA KARAK- TEMERLOH—PEMBESARAN JAMBATAN KECIL**

50. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan berhubung dengan dua

buah jambatan kecil di antara Lebuhraya Karak - Temerloh dalam negeri Pahang:

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang hendak membesarkan dua buah jambatan kecil iaitu di KM 82 melalui anak Sungai Karak dan KM 95 melalui anak Sungai Jambu Rias dalam Daerah Bentong Pahang yang mana dua jambatan ini adalah sempit dan lama yang boleh mendatangkan bahaya kepada lalulintas; dan
- (b) jika ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekabentuk bagi jambatan di Km 95 atas Sg. Jambu Rias telahpun disiapkan dan tender akan dipanggil pada bulan Mac 1991. Sementara itu pula, penyiasatan untuk menggantikan jambatan di Km 82 atas Sungai Karak akan dijalankan tidak berapa lama lagi.

#### **MAJLIS HAL EHWAL PENGUNA—CADANGAN PENUBUHAN**

51. Tuan Haji Abd. Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilakah Majlis Hal Ehwal pengguna yang dicadangkan itu akan ditubuhkan dan:

- (a) sehingga masa ini berapa jumlah cawangan penguatkuasa telah diwujudkan di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan diambil kepada pusat beli belah yang melakukan penipuan dalam memberi tawaran jualan murah.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna telah mendapat

'commitment' daripada kebanyakan Kerajaan Negeri bahawa mereka akan menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna di negeri masing-masing sebelum 15hb Mac, 1992.

Jawapan kepada pertanyaan (a) dan (b) adalah seperti berikut:

- (a) bilangan pejabat Cawangan Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di seluruh negara pada masa ini ialah 28 buah; dan
- (b) Kerajaan mengambil tindakan undang-undang ke atas pusat-pusat beli-belah yang melakukan penipuan dalam memberi tawaran jualan murah. Bagi maksud ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987. Mulai daripada tahun 1988 hingga ke masa ini, sebanyak 507 kes telah dibawa ke Mahkamah yang menghasilkan denda sebanyak \$476,330.00

#### UBAT-UBAT TRADISIONAL— KAJISELIDIK

**52. Tuan Mustaffa bin Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa pada masa ini banyak terdapat ubat-ubat tradisional diusahakan dalam negara, berapa jenis ubat yang telah dikajiselidik oleh pihak yang berkenaan (Kerajaan) dikenalpasti untuk digunapakai bagi pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara.

**Tuan Mohd. Farid bin Ariffin:** Sehingga kini tiada jenis ubat tradisional yang telah dikajiselidik untuk digunapakai bagi merawat pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara.

Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan belum lagi menjalankan sebarang kajian ke atas ubat-ubat tradisional khusus untuk kegunaan pesakit-pesakit di hospital.

Kajian-kajian yang dijalankan pada masa kini, kebanyakannya adalah di bidang analisis kimia ke atas tumbuhan atau herba yang dipercayai mengandungi khasiat perubatan. Kebanyakan usaha ini dibuat oleh Jabatan Botani, Jabatan Kimia dan Jabatan Farmasi, universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan baru sahaja menceburkan diri dalam bidang ini.

#### KOKO—BANTUAN MENGATASI KERUGIAN PENANAM

**53. Dato' william Chek Lin Kwai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) Apa langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menolong pelabur-pelabur dalam tanaman koko memandangkan kebanyakan pelabur telah mengalami kerugian besar selepas mereka melabur dengan begitu giat di dalam sektor ini ekoran dari galakan oleh Kerajaan kita pada tahun lapan puluhan;
- (b) apa jenis subsidi atau bantuan yang sedang diberi kepada pelabur-pelabur dalam tanaman koko; dan
- (c) apakah Kerajaan kita bercadang untuk menggalakkan kilang-kilang dalam negara kita untuk menggunakan koko bagi pengeluaran hasil seperti coklat atau 'wafer' dan lain-lain.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:**

- (a) Harga koko yang melambung tinggi dalam penghujung tahun 1970an telah menggalakkan pelaburan dalam penanaman

koko sehingga menyebabkan keadaan penawaran melebihi permintaan dunia berturut-turut tahun. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga pasaran adalah bergantung kepada keadaan penawaran dan permintaan dunia. Dalam menghadapi kejatuhan harga koko kebelakangan ini akibat dari ketidakseimbangan bekalan dengan permintaan, Kerajaan sedang berusaha bersama-sama dengan negara pengeluar yang lain untuk mengimbang pengeluaran koko dengan permintaan. Antara cadangan untuk mengatasi persoalan ini ialah dengan meningkatkan penggunaan koko. Sokongan langsung untuk diberikan pada pengusaha koko ialah melalui khidmat pengembangan dan nasihat, di mana Kerajaan membantu serta menggalakkan pengusaha-pengusaha koko meningkatkan kecekapan pengeluaran, mengurangkan kos dan meningkatkan lagi mutu biji koko Malaysia.

Untuk menguatkan kerjasama dengan negara-negara pengeluar koko yang lain, Malaysia telah menyertai Perikatan Pengeluar-pengeluar Koko sebagai satu usaha untuk mengimbangkan bekalan dengan permintaan.

- (b) Kerajaan tiada memberi bantuan dalam bentuk subsidi kepada pengeluar-pengeluar koko. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyediakan bantuan khidmat pengembangan dan nasihat teknikal dari peringkat pengeluaran (termasuk pemilihan klon yang bermutu, penjagaan kebun, pengurusan penyakit dan serangga perosak) hinggalah kepada peringkat pemerosesan bagi menjamin kecekapan pengeluaran dan

mutu. Di samping itu, agensi-agensi penyelidikan Kerajaan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan klon-klon yang bermutu, mengurangkan kos pengeluaran, memajukan teknik-teknik pemerosesan yang boleh meningkatkan mutu keluaran dan memajukan penggunaan baru bagi bahan koko. Dari masa ke semasa Kerajaan juga mengadakan misi promosi pasaran bagi meningkatkan syer pasaran eksport koko Malaysia di luar negeri.

- (c) Kerajaan telah dan akan terus menggalakkan pemerosesan hiliran koko dalam negeri bagi menghasilkan produk koko seperti coklat, biskut, 'confectionery' dan lain-lain untuk tujuan eksport. Produk koko siap mempunyai nilai tokok (value-added) yang lebih tinggi dan kerana itu Kerajaan menggalakkan eksport dalam bentuk produk koko terutama dalam keadaan harga biji koko yang rendah sekarang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG EKSTRADISI

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Disember, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu Tak menyambung ucapannya.

4.05 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyuarakan masalah BMF dan Lorraine Osmandi dalam perkara Rang Undang-undang ini. Kemungkinan besar bahawa jawapan Kerajaan ialah bahawa perkara itu adalah di antara Kerajaan Hong Kong dan Kerajaan United Kingdom. Tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, jika kita mempunyai kepentingan secara yang tidak langsung mengenai perkara ini, tetapi melibatkan sejumlah wang yang besar, maka kita seharusnya mengambil berat tentang perkara ini dan kalau boleh diadakan perbincangan dengan Kerajaan Hong Kong supaya dapat mengekstradit Lorraine Osman ke Hong Kong dengan segera supaya dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, penjenayah-penjenayah buruan yang disifatkan penjenayah politik amat luas maksudnya kerana jika seseorang itu lari dari negaranya disebabkan tekanan politik, maka dia boleh dilindungi mengikut Rang Undang-undang ini. Tetapi saya ingin bertanya bagaimana jika rakyat kita lari disebabkan perkara yang lain ataupun rakyat negara lain lari ke sini disebabkan perkara yang lain. Misalnya pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja - mereka boleh lari ke luar atau dari negara luar datang ke sini dan menyatakan bahawa mereka berkehendakkan perlindungan politik dan dengan itu kita tidak berkuasa untuk mengekstradit keluar atau memanggilnya, atau menyuruh ia balik. Masalah ini mungkin timbul apabila kita memikirkan berlaku di negara kita dan boleh di katakan setiap tahun di mana pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja ini sentiasa membuat hubungan dengan kesatuan sekerja di negara yang lain dan memburuk-burukan negara kita, memburukkan dasar kebebasan mereka untuk berkesatuan dan sebagainya dan kerap kali kesatuan-kesatuan itu percaya tentang apa yang dikatakan oleh mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mungkin berlaku ialah orang ini akan lari daripada negara kita kerana apabila masalah mereka ini ditimbulkan, maka pemimpin-pemimpin menyuarakan supaya mereka ini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan semua orang tahu betapa azab sengsaranya atau susahnya apabila ditahan di bawah ISA dan boleh dikatakan semua rakyat kita takut untuk ditahan di bawah ISA. Maka saya khuatir pada suatu hari nanti pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja ini akan lari dari negara kita ini apabila mereka merasa tekanan dan apabila mereka anggap mereka akan ditahan. Bila pergi ke luar negara nanti mereka akan meminta supaya mendapat kebebasan politik, oleh kerana mereka kata, mereka lari dari Malaysia disebabkan oleh masalah politik, seperti Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini.

Demikian juga masalah kita yang ada pada hari ini iaitu berkenaan dengan Majlis Peguam negara ini. Beberapa pemimpin kita telah menyuarakan rasa kesalnya terhadap pemimpin Majlis Peguam ini, terutamanya saya hendak sebutkan nama - Manjeet Singh - dan ada pemimpin kita yang menyuarakan supaya ianya ditangkap di bawah ISA. Kemungkinan dia adalah seorang yang kaya dan ada hubungan dengan luar negeri, dia akan lari pada suatu hari nanti. Kalau dia lari ke United State sekarang ini, atau ke London, bolehkah kita meminta Kerajaan Britain menghantar dia balik ke sini untuk ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebut di sini bahawa Menteri akan memberikan nama-nama negara yang berkenaan dengannya. Suatu perintah telah dikeluarkan oleh Menteri iaitu nama-nama negara yang bersama dengan kita di dalam Rang Undang-undang ini supaya ianya bersatu di antara satu sama lain. Manakah negara yang sudah bersefahaman dengan kita bersabit

dengan Rang Undang-undang ini ataupun arahan-arahan khas yang telah dibuat oleh Menteri berkenaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula penjenayah buruan yang lari ke negara-negara jiran di dalam ASEAN kita ini? Negara-negara ini adalah berdekatan dengan kita iaitu Singapura, Filipina, Indonesia, Thailand dan sebagainya itu. Adakah boleh kita ekstradik mereka jika sesuatu masalah itu berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang rakyat kita telah disyaki membunuh seorang pakar bedah sakit jantung di Australia dan dia telahpun dihantar balik ke Australia. Saya perhatikan mengikut kenyataan akhbar tidak ada banyak penyiasatan dijalankan oleh pihak Polis negara kita dan bagaimanakah ini boleh berlaku? Dan bagaimanakah tambang kapal terbang dia balik itu? Dibayar oleh Kerajaan kita ataupun dibiayai oleh Kerajaan Australia.

Satu perkara penting juga saya ingin mendapat tahu tentang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah jika yang disyaki ini kena jel di Australia lebih daripada 10 tahun, bagaimanakah kedudukan kerakyatannya sebagai rakyat Malaysia di masa dia berada di dalam jel negara luar itu? Adakah kerakyatannya dibatalkan dan selepas itu bagaimana kedudukan dirinya - menjadi rakyat negara mana? Mungkin ini tidak disebut di dalam Rang Undang-undang ini tetapi mungkin berkaitan suatu undang-undang yang lain. Saya tidak tahu tetapi saya pohon untuk mendapatkan penjelasan sepenuhnya, atau bolehkah dia kemudian diterima oleh Kerajaan Australia sebagai mendapat permanent resident (PR) oleh Kerajaan di sana?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fasal 11 adalah membuktikan kepada kita bahawa betapa adilnya Kerajaan kita terhadap perkara ini. Bahagian IV, fasal 11 - Jika seseorang penjenayah

buruan ditemui di Malaysia, dia boleh diberkas dan dipulangkan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Bahagian ini kepada negara yang berkenaan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V di dalam peruntukan ini kenapakah peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan pemulangan penjenayah buruan kepada Brunei Darussalam dan Republik Singapura sahaja disebutkan tetapi bagaimana dengan negara-negara jiran yang lain?

Bahagian VI membolehkan penjenayah-penjenayah dihantar untuk dibicarakan di negara-negara yang menghendakinya. Bagaimana jikalau dia sedang menjalani hukuman jel bagi kesalahan yang lain di dalam Malaysia. Orang salah itu selalunya membuat salah di mana sahaja dia pergi, jika dia sudah buat salah di luar negeri, mungkin dia balik ke sini dan buat salah di sini dan kita tangkap dia dan dimasukkan ke dalam jel Malaysia, tetapi di dalam masa yang sama dia juga dikehendaki oleh negara lain supaya dia dibicarakan dengan satu-satu hal kesalahan di negara itu. Bagaimanakah tempoh mengikut Bahagian VI ini disebutkan dia boleh dikeluarkan daripada jel kita dan dihantar ke sana. Bagaimana kedudukan sebenarnya, adakah dia menunggu habis tempoh jelnnya di negara ini baru dihantar ke negara luar ataupun tempohnya belum tamat kita hantarkan dia ke negara itu untuk dibicarakan dalam kes yang lain?

Saya fikir keutamaan diberi kepada negara kita kerana dia buat salah di sini, kita selesaikan kesalahannya di sini dahulu baru dia menjawab kesalahan apa yang ada di negara-negara yang lain.

(Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, jika undang ekstradisi ini ada dipakai oleh negara-negara lain, kenapakah mahkamah negara kita selalu menghukum supaya sesiapa yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan, maka pasport antarabangsanya dirampas atau diserahkan kepada mahkamah. Jika ada undang-undang ekstradisi kita ini bersama-sama dengan negara-negara lain tetapi apabila seseorang yang disyaki dihadapkan di mahkamah negara kita, maka di masa ikan jamin itu diberikan kepadanya, biasanya mahkamah memberi perintah supaya pasport antarabangsanya diserahkan kepada mahkamah ataupun dirampas oleh Kerajaan. Ini adalah untuk menghalangnya dari lari keluar ke negara lain tetapi jika ada kesamaan undang-undang ekstradisi ini bersama-sama dengan negara-negara yang lain, tidak perlulah kita menahan pasportnya kerana kalau dia lari ke London pun kita boleh minta Kerajaan Britain (United Kingdom) supaya menyerahkannya balik kepada kita. Tidaklah menjadi masalah sangat agak saya, tetapi kenapakah ini sentiasa berlaku di mahkamah kita di dalam negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan yang saya sebutkan tadi, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta yang berhubung dengan ekstradisi penjenayah buruan. Terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi yang hendak bercakap? Silakan Yang Berhormat Senator K. Vijayanathan.

4.18 ptg.

**Tuan K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang

kepada saya untuk berbahas atas Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia atas penyusunan Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini. Bagi masa yang lama penjenayah-penjenayah yang melakukan berbagai jenis kesalahan dalam negeri ini telah dapat mengelakkan bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia dengan melarikan diri ke negara-negara asing. Demikian juga terhadap beberapa kes di mana penjenayah-penjenayah yang telah melakukan berbagai jenis kesalahan di dalam negara mereka sendiri telah datang ke Malaysia mencari perlindungan. Akta Ekstradisi 1991 apabila digezetkan dan dikuatkuasakan akan membenarkan ekstradisi penjenayah buruan daripada luar negeri untuk di bawa balik ke Malaysia dan demikian juga kita memerhatikan satu prosedur yang lengkap untuk negara-negara asing memohon pada kali pertama melalui wakil diplomat mereka kepada Menteri Dalam Negeri bagi ekstradisi penjenayah-penjenayah yang dikehendaki itu. Prosedurnya adalah lengkap dan ianya membolehkan Menteri memohon melalui pendakwa raya kepada majistret yang termasuk Majistret Kelas Satu atau Hakim Mahkamah Sesyen.

Sungguhpun Akta membenarkan legal avenues, dengan izin, untuk ekstradisi, Rang Undang-undang ini menetapkan 6 kategori di mana ekstradisi tidak akan dibenarkan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia dan di mana Menteri tidak akan memohon perintah. Kes-kes di mana ekstradisi seseorang tidak akan dibenarkan ialah di mana Menteri berpuas hati bahawa ekstradisi adalah kerana sebab-sebab politik atau kesalahan adalah kerana ras, kerakyatan, agama atau fahaman politik orang yang berkenaan.

Menteri tidak juga akan membuat perintah jika kesalahan adalah time barred, dengan izin. Rang Undang-undang ini menetapkan juga kecualian bagi kesalahan politik dan khasnya menyebutkan pembunuhan atau jenayah yang sengaja, yang lain terhadap diri ketua negara atau anggota keluarga terdekat ketua negara itu. Adalah diperhatikan bahawa di mana pengembalian seorang penjenayah buruan dipohon oleh sesebuah negara asing dengan sesuatu permintaan oleh mana-mana negara bagi pemulangan seseorang penjenayah buruan yang berada di Malaysia atau disyaki berada di Malaysia hendaklah dibuat kepada Menteri melalui wakil diplomat negara itu. Apabila diterima permintaan sedemikian, Menteri boleh melalui perintah di bawah tandatangan dan meterian menamakan Majistret di bawah permintaan sedemikian telah dibuat dan memberi kuasa Majistret itu mengeluarkan waran bagi mengesan penjenayah buruan itu.

Rang Undang-undang membenarkan juga seorang Majistret mengeluarkan waran penuh (full warrant), dengan izin, atau satu provisional warrant, dengan izin, bagi tangkapan seorang penjenayah buruan.

Mengenai prosiding di dalam Mahkamah Sesyen, Rang Undang-undang membenarkan penerimaan keterangan untuk menunjukkan berbagai keadaan di mana seseorang mungkin tidak bersalah melakukan sesuatu kesalahan. Tidaklah tertentu sama ada penjenayah buruan boleh dapat faedah seorang peguambela atau peguamcara pilihannya tetapi adalah dijangka privilege ini adalah terbuka kepadanya. Ada juga diperhatikan di bawah Seksyen 19(3) bertujuan untuk menjadikan keterangan admissible, dengan izin, yang mana dalam kes-kes biasa adalah inadmissible, dengan izin, di bawah Akta Keterangan ataupun Evidence Act. Adalah diharap bahawa

dalam menggunakan discretionnya, mahkamah akan bermurah hati dalam penerimaan keterangan yang akan memberi faedah kepada penjenayah buruan.

Rang Undang-undang ini juga menyatakan bahawa suatu kes *prima facie*, dengan izin, hendaklah dibuktikan, jika tidak Mahkamah Sesyen akan melepaskan penjenayah buruan. Ada juga terdapat prosedur-prosedur untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi di dalam satu writ *habeas corpus*, di mana Pendakwa Raya memohon review Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang melepaskan seorang penjenayah buruan. Seksyen 37(3) dalam Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa jaminan ataupun bail boleh dibenarkan sementara menunggu review oleh Mahkamah Tinggi. Akta ini akan dikenakan juga kepada Brunei Darussalam dan juga Singapura. Rang Undang-undang ini akan membabitkan extradition treaty ditandatangani dengan negara-negara dengan mana ekstradisi dipohon. Tidak syak lagi Kerajaan akan mengambil langkah-langkah supaya mengadakan treaty dengan negara-negara Komanwel, negara-negara dalam EEC, ASEAN dan negara-negara G15. Jika ada dilaksanakan dengan sewajarnya, ini bermakna orang-orang Malaysia yang telah melakukan jenayah dalam negara-negara tersebut boleh diekstradisi untuk perbicaraan di Malaysia, negara kita. Demikian juga orang-orang asing yang datang ke negara ini selepas melakukan jenayah dalam negara mereka sendiri tidak akan dapat mengelakkan denda.

Saya juga ingin membuat ulasan atas Seksyen 43 dalam Rang Undang-undang yang membenarkan permohonan kepada Menteri untuk melepaskan seorang penjenayah buruan dalam berbagai keadaan dan khasnya

jika beliau tidak dihantar luar dari Malaysia dalam masa tiga bulan. Saya berpendapat Menteri hendaklah melepaskan seorang penjenayah buruan sungguhpun permohonan tidak dibuat sekiranya langkah-langkah tidak diambil untuk menghantar penjenayah buruan luar dari Malaysia, dari negeri yang mengambil ekstradisi prosiding.

Saya juga berpendapat bahawa mungkin isu mengenai ekstradisi penjenayah buruan patut menjadi satu subject matter of a United Nations Treaty atas extradition, dengan izin, di mana negara ahli dapat menjadi ahli kepada United Nations Charter on extradition. Dan negara-negara ahlinya boleh mendapat faedah berkaitan extradition avenues tanpa mengadakan bilateral extradition treaties antara satu negara dengan satu negara yang lain.

Ada juga relevant untuk mengingatkan bahawa kadang-kadang permohonan ekstradisi dan kebenaran atau penolakan untuk membuat perintah ada juga bergantung kepada diplomatic expediency, dengan izin. Misalnya dalam kes Dr. Eric Honecker, bekas Canselor Jerman Timur yang pada masa ini berada di Russia tetapi tinggal sebagai seorang refugee di dalam Embassy Chile di Russia, pihak berkuasa Russia berminat untuk menyenangkan hati pihak berkuasa West Germany yang telah menuntut supaya Dr. Honecker diserahkan kepada mereka untuk perbicaraan. Kedudukan yang terakhir ialah Dr. Eric Honecker telah dibenarkan pergi ke North Korea untuk perebutan oleh Kerajaan di situ.

Ada juga interesting, dengan izin, bagaimanakah Kerajaan kita akan buat reaksi jika seorang penjenayah buruan adalah daripada Tamil Tigers daripada Sri Lanka dan beliau dikehendaki oleh Kerajaan Sri Lanka. Dalam kes seperti itu, Menteri tentu akan mempertimbangkan permohonan dengan telitinya. Dalam kes Encik Lorraine Osman yang sekarang berada di dalam penjara Penton Will di England, di

mana beliau menunggu transshipment ke Hongkong. Jika saya tidak salah, beliau bukanlah seorang yang subject to extradition proceedings, dengan izin, kerana Hongkong adalah satu British Colony, tetapi subject of an outright warrant, dengan izin, waran yang keluar daripada mahkamah Hongkong kepada pihak British Home Office untuk Lorraine Osman dibawa balik ke Hongkong. Lorraine Osman pada masa ini, dalam bahasa Inggeris dikatakan, Britain's longest remanding prisoner. Mungkin kes Lorraine Osman menunjukkan bahawa jika seorang fugitive mempunyai legal means dan peguam yang mencukupi, proses pertukaran boleh ditangguhkan dan juga boleh dielakkan di satu masa.

Sebelum saya menghabiskan ucapan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga meminta Menteri untuk mempertimbangkan dengan teliti peruntukan dalam seksyen 22 di mana penjenayah buruan dengan sukarelaya beri satu waiver hak beliau dan bersetuju dengan voluntary untuk ekstradisi. Dalam satu keadaan macam ini, writ *habeas corpus* pun tidak boleh dipakai kepada beliau di bawah seksyen 36 dalam Akta ini.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kerana memberi saya peluang untuk menyokong Rang Undang-undang Ekstradisi 1991. Terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Terima kasih, Yang Berhormat.Sila.

4.37 ptg.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 dan mengambil bahagian untuk membuat sedikit sentuhan serta pandangan

mengenai Rang Undang-undang yang saya rasa amat wajar, perlu dan sudah diteliti memberikan faedah kepada negara kita dan negara-negara di sekitar yang disebutkan dalam Akta atau Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan pesalah-pesalah atau disebut di sini ialah pesalah buruan. Saya percaya sahabat saya tadi ingin hendak menyebut 'buruan', bukan 'burunan'.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, terlalu tebal dan ianya diatur dengan begitu teliti, lengkap dan menyeluruh serta banyak Bahagian-bahagian dan Fasal-fasalnya yang menjelaskan dengan nyata tujuan, matlamat, kegunaan kuasa dan juga perkara-perkara yang hendak ditujukan atau dipergunakan Rang Undang-undang ini apabila ianya diluluskan nanti. Ianya mempunyai 54 Fasal dengan sebanyak 10 Bahagian-bahagiannya.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya telah memperkatakan berbagai-bagai dan saya bersyukur kerana di dalam Dewan ini juga kita ada ramai Senator kita profesionnya dari lawyer, jadi mereka lebih mahir mempertikai dan memperbahaskan Rang Undang-undang ini dari segi perundangan, dari segi profesionalnya yang berkaitan dengan masalah perundangan dan undang-undang. Saya yang bukan dari seorang lawyer memandangnya dari segi akal dan dari segi logik serta dari segi kemanfaatan Rang Undang-undang ini kepada negara, kepada keadilan dan juga kepada penyelarasan yang hendak dijalankan dalam hal untuk menghukum mereka yang bersalah, walaupun mereka itu pelarian atau yang telah jadi penjenayah buruan.

Terdapat di sini menyebutkan bahawa penjenayah buruan yang datang ke negara kita pun, kuasa Menteri dan kuasa-kuasa dalam Rang Undang-undang ini boleh memberikan beberapa

pertolongan menghukum mereka atau menentukan kesalahan mereka itu dibawa ke pengadilan. Begitu juga kalau rakyat kita yang membuat kesalahan atau memang sudah bersalah di sini, lalu lari ke negara-negara lain jadi penjenayah buruan dengan kesalahan-kesalahan tertentu, kita juga boleh mengekstradisikan mereka kembali ke tanahair.

Sentuhan yang saya ingin katakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Bahagian III - Pemulangan Penjenayah Buruan, Fasal 8. Saya bacakan ayatnya di sini kerana saya ingin mendapat penjelasan daripada pembentang Rang Undang-undang bagi pihak Kerajaan, iaitu Timbalan Menteri, Fasal 8(a) di bawah tajuk besarnya:

"Seseorang penjenayah buruan tidak boleh diserahkan kepada negara yang cuba mendapatkan pemulangannya—

(a) jika kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangan penjenayah itu cuba didapatkan adalah bersifat politik atau jika dibuktikan olehnya sehingga Mahkamah Sesyen yang ke hadapannya dia dibawa atau Menteri berpuas hati bahawa waran bagi pemulangannya telah dibuat sebenarnya dengan tujuan untuk membicarakan atau menghukumnya atas sesuatu kesalahan yang bersifat politik;"

Katalah contoh kejadian begini, oleh kerana negara kita ini negara yang dikenali sebagai negara Islam, walaupun ada juga yang bukan Islam, katalah seorang tahanan politik dari seorang Islam di negara yang bukan Islam umpamanya di Russia, lari ke Malaysia kerana tekanan, penyiksaan dan kezaliman di negaranya. Contoh Russia, saya tidak menyentuh atau mengatakan Russia zalim - tidak, salah di Dewan ini kita menuduh perkara yang tidak ada bukti. Ini hanya satu

contoh atau misalan. Maka ia lari ke Malaysia kerana ianya hendak dihukum ialah kerana ia seorang Islam. Negara itu dahulunya tidak suka dengan Islam, tetapi sekarang ini Alhamdulillah, sudah ada Komanwelnya sendiri. Maka ia datang ke Malaysia, apakah ia akan terlindung oleh Fasal 8(a) ini? Itu soalan saya.

Kemudian terdapat pula 8(c) saya hendak penjelasan supaya besok saya hendak terangkan kepada anak cucu saya dan kalau saya ditanya saya tahu jawab; iaitu jika dia mungkin termudarat dalam perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab rasnya - ejaannya ras, tetapi sebenarnya race (bangsa). Saya tidak faham kenapa yang ini pula pakai bahasa Inggeris sedangkan mudah benar boleh diterjemahkan iaitu rasnya, saya baca ikut ejaannya-agamanya, kerakyatanya atau fahaman politiknya, maka samalah seperti yang saya kata tadi. Katalah dia itu berkulit hitam dari Afrika Selatan, dia beragama Islam lari ke Malaysia, apakah boleh ianya dilindungi dengan undang-undang ini? Ini suatu contoh supaya jelas kepada kita semua.

Kemudian selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan ke seluruhan undang-undang ini memanglah baik dan wajar, kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri itu walaupun nampaknya sangat banyak dan sangat berat, tetapi saya yakin bahawa Menteri Dalam Negeri sekarang ini ialah Perdana Menteri sendiri arif, bijaksana, adil, pandangan jauh dan sangat meneliti dalam setiap urusannya. Tetapi kalau akan datang dilantik bukan Perdana Menteri menjadi Menteri Dalam Negeri, saya percaya juga satu Jawatankuasa atau satu badan perundangan dibuat dengan cara Kementerian untuk merujukkan perkara-perkara yang berkenaan.

Yang saya rasa dukacita sedikit, bagaimana kalau penjenayah dadah, katalah seorang pengedar dadah (pusher), the big pusher, dengan izin. Selalulah Malaysia ini didatangi atau

dijadikan tempat larian dari negara-negara umpamanya Cuba pernah ada, daripada Pakistan, daripada Turki, negara-negar Europe yang lainnya, dan mereka datang ke Malaysia ini menyamar sebagai pelancong, tetapi sebenarnya mereka adalah buruan daripada negaranya juga, kemudian tertangkap di sini, banyak peristiwa. Sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan Parlimen, terdapat ada kes-kes luar negeri ini yang kita gantung, tetapi terdapat juga yang kita ampun. Adakah dengan adanya Rang Undang-undang ini nanti mereka ini dengan mudah kalau dia dapat pertolongan dari negaranya atau daripada Kedutaannya, ataupun daripada wakil-wakilnya, maka kita dengan mudah sahaja boleh memulangkan mereka balik ke negerinya sedangkan mereka telah mengedar dadah di negara kita ini dengan berat yang berlebihan?

Anak negara kita kita gantung beratus-ratus ramainya, Tuan Yang di-Pertua, hanya kerana 20 gram, 40gram, 35 gram; yang di luar yang datang ke mari ini bawa beratus-ratus gram! Ada setengah itu sampai kilometer, (*Ketawa*) kilogram, sorry. Kilometer perbatuan ya, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kilogram, terima kasih kepada yang mengingatkan saya. Ada yang sampai 102 kilogram dan kalau Akta ini ada, saya bimbang kalau negara-negara yang di luarnya menentang dadah, di dalamnya membiakkan dadah, ini ada berlaku. Dahulu di Cubalah, sekarang di Amerika pun banyak. Maka dia sengaja membawa perkara itu ke mari kerana bila dia tahu sahaja Rang Undang-undang ini ada, apabila sampai ketikanya, maka dia pun berhubung dengan Kerajaan kita menemui Menteri Dalam Negeri membacakan Rang Undang-undang kita ini. Apakah ini nanti dapat dilepaskan, dan kalau ini boleh dilakukan, saya tidak menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya

rasa itu sama sekali tidak adil! Cuma liku-liku dari segi Rang Undang-undang ini ialah tidak menyebut jenayah dadah. Sama sekali tidak ada menyebut jenis-jenis jenayah termasuklah penjenayah buruan kepada pengedaran dadah yang menjadi begitu kritikal dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, anak negeri kita muda-muda kita gantung, orang luar sewenang-wenang menjadikan negara kita ini tapak pemasaran, berdagang maut, maka kita beri kelonggaran, saya kurang setuju. Tetapi tidak ada disebut, *silence*, in *silence* di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyetujui sedikit mengenai Bahagian V, Fasal 25(I) untuk Timbalan Menteri mencatatkan jawapan, iaitu 25(I), (II) dan yang saya hendak sentuh secara *direct* ialah 'Fasal 26. Bahagian V ini, Pemulangan Penjenayah Buruan ke Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Saya amat bersetuju dengan Rang Undang-undang ini kerana negara-negara ini negara jiran rapat dan wajarlah bagi kita Malaysia dan mereka juga dengan kita selalu berinteraksi dan selalu berkomunikasi dalam hal-hal buruan ini. Kerana kalau dia lari ke Malaysia; lari ke Singapura, Singapura tolong kita, begitu juga dengan Brunei Darussalam dan juga sebaliknya. Tetapi, bagaimana dengan Republik Indonesia? Tidak termasuk dalam Rang Undang-undang ini sedangkan ini juga banyak kes-kes yang sama dan berkaitan, dan malahan pernah terjadi beberapa tragedi yang menyayat dan yang menyebabkan hampir-hampir renggang atau terjejas hubungan kita dengan Indonesia di atas peristiwa kita menjalankan undang-undang terhadap warganegara kita suatu ketika dahulu yang dihukum gantung. Jadi, tidak ada pula tersebut di sini Indonesia, mengapa tidak ada Indonesia? Kenapa dua negara ini sahaja yang disebutkan, iaitu Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyak perkara lain ini tinggi-tinggi tetapi saya faham bahawa ini ekoran daripada kes BMF yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi. Sehingga sekarang, penjenayah besar yang melenyapkan duit kita berbilion-bilion ringgit yang menyebabkan terbunuh rakyat warganegara kita yang tidak berdosa di Hong Kong dan menyebabkan imej negara terjejas, menyebabkan buruk sangka terhadap Malaysia dan berbagai-bagai lagi gejala yang buruk-buruk, tetapi yang berkenaan relax dekat penjara di satu negara lain; walaupun bunyinya penjara, tetapi saya difahamkan penjara itu ada TV, ada segala-galanya dan semua kemudahannya cukup, dan dia sedang berusaha supaya dia tidak dibawa ke Hong Kong dan supaya dia tidak didakwa mengikut Undang-undang negara Hong Kong. Jadi, saya harap dengan adanya Rang Undang-undang ini, yang berkenaan itu setelah ia menerima hukuman ataupun dibicarakan di Hong Kong boleh diekstradisikan ke Malaysia supaya kita beritahu dia, hukuman negara kita adalah lebih baik dan lebih enak, lebih bagus daripada negara-negara yang selalu memperjuangkan keadilan, yang selalu memperkatakan kita ini zalim, kita ini 'barbarian' dan lain-lain, tetapi sebenarnya mereka inilah yang suka berdolak-dalik di sebalik Rang Undang-undang mereka sendiri.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Ekstradisi 1991.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Yang Berhormat bukan lawyer ya?

**Puan Aionon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang lawyer, saya seorang guru.

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Ada lagi yang hendak berucap? Sila Yang Berhormat.

4.51 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini.

Saya cuba menjelaskan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat tadi. Sebelum itu saya ingin menjelaskan sekali lagi di sini, bahawa tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengemaskinikan Undang-undang Ekstradisi negara kita supaya ia lebih lengkap, berkesan dan lebih jelas. Dengan adanya Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini, kita berharap proses ekstradisi penjenayah buruan dari Malaysia dan ke Malaysia akan dipermudahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah membangkitkan mengenai penggunaan perkataan 'ras' dalam Rang Undang-undang Ekstradisi ini, perkara itu juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan 'ras' dipilih kerana didapati bahawa tidak ada perkataan lain yang dapat memenuhi maksud dalam konteks yang berkenaan. Perkataan 'bangsa' telah ditimbang tetapi didapati bahawa ia berupaya mendokong makna lain juga dengan konteks ini. Oleh kerana bidang ini adalah bidang khusus, maka perkataan yang khusus, yang paling kurang kemungkinannya akan dipertikaikan dalam proses ekstradisi itu perlu kita gunakan. Perkataan ini terdapat dalam istilah-istilah 'anthropology', 'sociology', 'psychology' pengajian tinggi dan istilah 'pembangunan manusia' yang dihasilkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Istilah dalam bidang-bidang itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah dalam sesuatu bidang ilmu adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Istilah yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang yang berkenaan dan Jawatankuasa itu dianggotai juga oleh ahli bahasa yang bertindak sebagai penasihat bahasa kepada Jawatankuasa itu. Jawatankuasa-jawatankuasa itu membuat keputusan mereka dengan berpandukan kepada pedoman umum, pembentukan istilah Bahasa Malaysia yang dirumuskan oleh Majlis Bahasa Indonesia-Bahasa Malaysia mengenai penguntukan istilah. Pedoman ini dipersetujui bersama oleh Kerajaan Malaysia dan pemerintah Republik Indonesia dan pedoman ini mula dipakai pada 30hb Ogos, 1975. Asas yang sama seperti dalam pedoman itu digunakan dalam pemilihan perkataan untuk semua undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, Yang Berhormat Puan Ainon, Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan tadi juga ada menyebut mengenai seorang pegawai Syarikat BMF yang masih belum dihantar ke Hong Kong dari Britain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak yang meminta ekstradisi pegawai itu bukanlah Kerajaan Malaysia, tetapi Kerajaan Hong Kong. Kes itu hanya melibatkan Kerajaan United Kingdom kerana pegawai itu berada di sana, dan Kerajaan Hong Kong kerana peristiwa yang melibatkan pegawai itu berlaku di Hong Kong. Oleh sebab itu Malaysia tidak dapat campurtangan dalam kes itu, kita juga tidak mahu negara lain campurtangan dalam masalah yang sama kalau melibatkan negara kita. Maka itulah penjelasan mengenai masalah BMF yang ditimbulkan itu.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak juga membangkitkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam Rang Undang-undang Sewa-Beli yang sudahpun diluluskan oleh Dewan pada hari Isnin.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dimaklumkan kepada Kementerian yang berkenaan.

Mengenai kes Philip Yeoh yang diekstradisi ke Australia, kes Philip Yeoh ini disiasat oleh Polis Australia, dan Polis kita hanya membantu untuk mengesan beliau dan kemudian memberi kepada pihak Australia untuk dibawa balik ke Australia. Jadi mengenai perbelanjaan pemulangan Philip Yeoh ianya adalah ditanggung oleh Kerajaan Australia ataupun pihak yang meminta ekstradisinya.

Mengenai Bahagian V, yang disentuh tadi oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak, dan juga Yang Berhormat Puan Ainon yang menyentuh mengapa kita specifically mentioned ataupun menyebut negara Brunei Darussalam dan Singapura sahaja. Kita menyebutkan kedua-dua negara kerana kita mempunyai latar belakang perundangan yang sama, mereka ini juga dalam negara Komanwel yang dahulu telah dijajah oleh British, maka sistem kita sama dan kepada negara-negara jiran kita yang lain seperti Republik Indonesia, Thailand dia tidak sama asasnya, maka dia ada perjanjian yang berlainan.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak juga menyentuh mengenai penjenayah yang sedang menjalani hukuman. Ini juga jelas dalam Akta ini, iaitu banduan yang kita ekstradisikan ke negara kedua ia hendaklah dikembalikan selepas dia dipenjara, selepas dia dibicarakan dia haruslah dipulanglah kepada Malaysia untuk meneruskan hukumannya di Malaysia, selepas itu baru dia dapat dipulangkan balik kepada negara berkenaan.

Mengenai masalah penahanan pasport orang-orang yang dituduh di negara ini, ingin saya menjelaskan di sini bahawa walaupun kita ada undang-undang ekstradisi, tetapi tindakan ini

adalah perlu untuk mahkamah menahan pasport supaya kita tidak perlu bersusah-payah untuk mengesan mereka di seluruh dunia nanti, kerana ia akan memakan ongkos yang besar dan juga masa yang panjang. Kalau dia lari ke negara yang mana kita tidak ada perjanjian, itu nanti akan menjadi masalah besar. Maka itulah rasionalnya mengapa kita menahankan pasport mereka itu.

Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan telah membangkitkan Fasal 43 supaya tidak perlu ada permohonan. Adalah lebih wajar jika kuasa Menteri dibuat atas permohonan.

Mengenai cadangan treaty yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan tadi mengenai treaty United Nations kita mengadakan ekstradisi, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik, tetapi sekarang belum ada treaty sedemikian dan belum ada nampaknya usaha ke arah sedemikian.

Mengenai Fasal 19(3) dalam penerimaan keterangan, peruntukan itu sudah dibuat dalam Fasal 19(3). Dalam pelaksanaannya saya percaya mahkamah akan membenarkan keterangan sedemikian daripada kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat K. Vijayanathan juga menyentuh Fasal 22 mengenai proses *habeas corpus*. Penidakan hak *writ of habeas corpus* ini adalah selaras dengan hakikat bahawa dia sendiri bersetuju untuk diserahkan tanpa committal proceeding. Ada juga safeguard dalam Fasal 22 bagi memastikan bahawa dia benar-benar sedar akan implikasi keputusannya untuk mengeneipikan prosiding itu.

Yang Berhormat Senator Ainon binti Ariffin tadi juga membangkitkan Fasal 8(a) bertanya sama ada tahanan politik di Russia yang lari ke Malaysia, adakah ia akan terlindung hasil dari agamanya.

Dia akan terlindung di bawah Seksyen 8(b) atau 8(c). Maka kita ada memperuntukkan iaitu kita tidak akan memulangkan buruan tersebut, kalau dia akan didakwa semata-mata kerana agamanya. Itu jelas dalam Fasal 8(b) dan 8(c).

Perkara yang dibangkitkan mengenai ektradisi ke Indonesia tadipun saya telah jelaskan. Mengenai adakah buruan pengedar dadah dilindungi, memang kita ada dalam peruntukan kita iaitu Fasal 49 di mana mereka itu tidak akan dipulangkan jika atas kesalahan mengedar dadah dan dalam fasal itu dijelaskan bahawa penjenayah tidak akan dipulangkan jika kesalahan itu di dalam bidang kuasa Malaysia. Fasal ini mencerminkan salah satu peruntukan mengenai ektradisi di bawah konvensyen untuk mambanteraskan kegiatan pengedaran dadah, narkotik dan bahan-bahan psikotropik. Jadi Kerajaan memang sedar masalah dadah ini dan bahawa di dalam undang-undang ini peruntukan telahpun dibuat untuk menentukan buruan-buruan ataupun pengedar-pengedar dadah yang besar-besar ini tidak dapat mengambil peluang berlindung di bawah undang-undang ini.

Mengenai orang yang dihukum di negara kerana kesalahan dadah, saya fikir itu saya sudah jelaskan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang ingin saya jelaskan pada petang ini dan sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberikan pandangan. Apa-apa perkara yang tidak sempat dijelaskan akan diambil perhatian oleh Kerajaan dan Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 54* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN TANAH (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.07 ptg.*

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Kemajuan Tanah 1956 yang telah berkuatkuasa sejak 35 tahun yang lepas telah dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosio-ekonomi tanahair khususnya dalam pembangunan tanah baru oleh FELDA. Projek-projek kemajuan tanah telah

dapat meningkatkan lagi taraf hidup rakyat luar bandar khususnya masyarakat peneroka Felda yang terdiri dari golongan miskin. Dalam pembangunan tanah ini kerajaan telah sedaya upaya untuk bertindak dengan cermat dan berhati-hati supaya pelaksanaannya selaras dengan Ordinan.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Berikutan dengan perkembangan negara pada akhir-akhir ini, Kerajaan telahpun menetapkan beberapa dasar baru dan dinamik untuk dilaksanakan oleh FELDA dalam program pembangunan tanahnya. Dalam melaksanakan dasar-dasar baru ini Felda perlu diberi kuasa tertentu memandangkan kuasa-kuasa yang sedia ada tidak begitu jelas. Ini melibatkan pindaan pada Ordinan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memberikan sedikit latarbelakang sehingga membawa kepada cadangan pindaan Ordinan Kemajuan Tanah 1956 yang dibentangkan ini. FELDA telah ditubuhkan pada tahun 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah, dengan izin, Land Development Ordinance, Bil. 20/1956. Tanggungjawab FELDA seperti yang termaktub di bawah seksyen 3(2) Ordinan di atas ialah to promote and assist investigation, formulation and carrying out of projects for development and settlement of land in the Federation, dengan izin.

Dalam masa 35 tahun sejak penubuhan, FELDA telah mengalami perkembangan-perkembangan yang sangat pesat. Operasi FELDA telah berkembang dari aktiviti pembangunan tanah dan penempatan peneroka semata-mata kepada aktiviti hiliran, khususnya di bidang pemerosesan, pemasaran, pengangkutan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Dengan perkembangan ini, struktur operasi FELDA telah menjadi lengkap, supporting, dengan izin, dan integrated, sehingga ia berjaya mewujudkan asas yang kukuh bagi membolehkan ia menggembelingkan sumber-sumber yang ada ke tahap yang paling optima.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha melicinkan pelaksanaan program-program pembangunan tanah, pembangunan peneroka dan aktiviti hilirannya, FELDA antara lain telah menubuhkan perbadanan, dan perbadanan pula telah menubuhkan syarikat, syarikat anak, syarikat usahasama membuat perkongsian dengan pihak tertentu, membeli saham dalam syarikat, dalam perbadanan dan mengeluarkan gerenti kepada pihak-pihak yang berurusan dengannya.

Di samping itu, untuk memastikan pembangunan tanah dapat dibuat secara berterusan dan untuk menjaga kepentingan peneroka, FELDA secara pentadbiran telah menubuh dan menguruskan berbagai-bagai jenis akaun-akaun peneroka. Beberapa tindakan FELDA dan perbadanan FELDA seperti yang tersebut di atas telah mendapat teguran dari Jabatan Peguam Negara kerana ianya dikatakan tidak selaras dengan peruntukan Ordinan Kemajuan Tanah 1956.

Dalam pada itu, terdapat beberapa keputusan terbaru Kerajaan mengenai FELDA. Di antaranya ialah rancangan FELDA dilaksanakan secara syarikat mulai 1hb Januari, 1990. FELDA juga dikehendaki membiayai sendiri belanja mengurusnya. Di samping itu, FELDA dikehendaki meningkatkan produktiviti keluaran rancangan dan mengurangkan kos pengeluaran.

Kerajaan juga telah memutuskan perbadanan-perbadanan FELDA boleh beroperasi di luar kawasan FELDA dan dalam masa yang sama perbadanan-perbadanan yang telah dikenalpasti dalam Pelan Induk Penswastan sebagai entity Kerajaan yang boleh diswastakan. Pada Kesimpulannya,

keputusan-keputusan ini memerlukan perubahan kepada cara FELDA melaksanakan kegiatannya supaya lebih mirip kepada lunas-lunas komersial. Ini mempunyai implikasi dari segi undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira perkara-perkara di atas tadi, Kerajaan mengemukakan cadangan supaya satu akta baru bagi FELDA digubalkan. Penggubalan akta baru khusus untuk FELDA ini dicadangkan setelah mengambil kira badan-badan pembangunan tanah di peringkat Negeri yang ditubuhkan di bawah Ordinan-ordinan ini telah tidak wujud lagi. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam Negara telah memberi nasihat supaya pindaan ke atas Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dibuat terlebih dahulu untuk membolehkan fungsi dan tugas FELDA dijalankan oleh sebuah syarikat. Selaras dengan perkembangan-perkembangan ini dan juga dengan dasar untuk mempergiat perkembangan ekonomi negara serta memudahkan dasar penswastan Kerajaan cadangan untuk meminda seksyen 3(2), 3(3) Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dan memasukkan seksyen baru 3(5) dan 12B dalam Ordinan tersebut dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas pindaan yang dicadangkan seperti berikut:

Fasal 2(1) bertujuan meminda Subseksyen (2)(3). Seksyen 3 Ordinan berkaitan dengan tugas dan kuasa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, yakni FELDA, kerana difikirkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada terlalu ringkas dan tidak jelas dan bahawa perlu diperluaskan skop tugas dan kuasa Lembaga untuk memastikan bahawa setiap perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh Lembaga atau Menteri menurut peruntukan-peruntukan tersebut adalah selaras dengan tugas dan kuasa sebagaimana dinyatakan di bawah Ordinan. Subseksyen baru (5) seksyen

3 Ordinan yang dicadangkan bertujuan mengadakan kuasa bagi penubuhan kumpulan wang oleh Lembaga bagi kebajikan dan faedah orang-orang, atau tanggungan orang-orang, yang menyertai dalam projek pembangunan dan petempatan tanah yang dijalankan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2(2) bertujuan menjadikan setiap perbuatan atau benda yang dilakukan oleh Lembaga atau Menteri sebelum mula berkuatkuasanya Ordinan yang dicadangkan ini yang sepatutnya sah sekiranya peruntukan subseksyen (2),(3) dan (5) seksyen 3 Ordinan, sebagaimana dipinda oleh Fasal 2(1) telah berkuatkuasa pada masa ia dilakukan dahulu sah dan menurut undang-undang.

Fasal 3(1) bertujuan memasukkan seksyen baru 12B bagi maksud memberi kuasa kepada Lembaga atau Perbadanan untuk mengeluarkan jaminan bank kepada mana-mana orang bagi apa-apa maksud sebagaimana ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri, sementara Fasal 3(2) bertujuan menjadikan apa-apa jaminan bank yang telah dikeluarkan oleh Lembaga atau perbadanannya sebelum mula berkuatkuasanya Ordinan yang dicadangkan ini sah dan menurut undang-undang.

Fasal 4 bertujuan menjadikan pinjaman wang oleh perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga sah dan menurut undang-undang jika pinjaman tersebut telah dibuat tanpa bon, debentur atau saham debentur dikeluarkan oleh perbadanan itu sebagaimana dikehendaki di bawah perintah yang menubuhkan perbadanan-perbadanan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, kepentingan peneroka rancangan FELDA akan terus dijamin oleh Kerajaan. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, saya memberi jaminan bahawa cadangan pindaan ini sekiranya diluluskan oleh Dewan ini

akan digunakan sebaik-baiknya, dan ianya dibuat dengan penuh teliti untuk menjamin kepentingan peneroka rancangan tanah. Dalam melaksanakan peruntukan baru ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan sentiasa mengawasi peruntukan-peruntukan baru ini. Di samping itu, arahan serta garis panduan tertentu akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang ini sekarang terbuka untuk dibahas.

*5.18 ptg.*

**Tuan Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan mengenai akta yang diberi nama Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991. Saya menyokong pindaan Akta ini dengan mengharap agar proses birokrasi yang terdapat dalam memajukan sesuatu kawasan tanah dapat dikurangkan dan memberi mandat kepada negara dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini mungkin dalam sesuatu hal, Kerajaan Negeri begitu berkuasa terhadap pentadbiran tanah di negeri masing-masing. Banyak projek-projek pembangunan dan kemajuan yang dirancang oleh Kerajaan Pusat tidak dapat dijalankan kerana tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri. Kegagalan mendapatkan kelulusan ini sudah tentu akan mencatitkan lagi perancangan-perancangan pembangunan yang sedia ada yang bakal dilaksanakan. Dengan adanya akta pindaan yang membolehkan Kerajaan Pusat mempunyai kuasa memajukan tanah-tanah di seluruh negara, maka kerenah birokrasi ini dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, pindaan ini juga diharapkan dapat memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat mengambilalih pengurusan tanah-tanah di peringkat negeri yang terbengkalai akibat krisis kewangan dan sebagainya. Dengan adanya satu pengurusan sahaja, maka semua masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Kerajaan Persekutuan hendaklah diberi kuasa yang lebih untuk mengambilalih tanah-tanah milik persendirian untuk dimajukan dengan berbagai projek pembangunan. Ini adalah kerana selama ini Kerajaan mendapati terlalu sukar untuk mengurus tanah-tanah milik persendirian untuk dimajukan. Kerajaan Pusat kerap kali menghadapi tindakan undang-undang dari tuanpunya tanah. Kerajaan Negeri dapat menyokong pindaan ini agar Kerajaan Pusat dapat menyeragamkan semua tanah mengikut zon-zon pembangunan secara terancang. Dengan demikian, ketidakseragaman pemilikan dan pembangunan tanah tidak lagi menjadi isu politik. Sebagai contoh, kita lihat sekiranya Kerajaan Pusat dapat mengambilalih peranan memajukan tanah-tanah dengan lebih berkesan, maka nasib peneroka ladang kelapa sawit di Sungai Tong, Setiu, Terengganu akan terjamin. Tetapi disebabkan mereka mungkin akan dapat memiliki tanah-tanah perladangan di situ sebagai milik mereka dan tidak hanya menjadi pekerja ataupun buruh sahaja. Tetapi disebabkan ladang tersebut milik syarikat perladangan Terengganu, maka proses pemilikan di masa yang dipraktikkan oleh FELDA tidak dapat dijalankan.

Dengan adanya pindaan Akta Kemajuan Tanah ini, konflik pembangunan tanah dapat dikurangkan di antara Kerajaan Negeri dan Pusat demi kebaikan bersama. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada siapa yang hendak berbahas, sekarang saya menjemput Menteri untuk menjawabnya.

**Tuan Rahim bin Baba:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba hendak berucap.

5.23 *ptg.*

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dan juga memberikan sokongan kepada pindaan suatu akta yang dinamakan Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991.

Sebagaimana yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Akta pindaan ini, FELDA yang telahpun ditubuhkan pada 35 tahun yang lepas, iaitu pada tahun 1956, telahpun banyak mencapai kejayaan dan begitu juga telah mengalami beberapa perubahan-perubahan. Pada mulanya dahulu, apabila sistem pembukaan tanah ini dilaksanakan, pihak Kerajaan menggunakan sistem berkelompok, iaitu di mana kumpulan orang berkumpul dan juga membuka tanah dan mempunyai hak ke atas tanah yang diusahakan bersama. Dan setelah dikaji pada tahun 1970an, Kerajaan telah menukarkan sistem kelompok kepada sistem saham. Kita masih ingat semasa dilancarkan sistem saham ini, banyaklah kebaikan-kebaikan yang telahpun dijelaskan mengapa sistem saham ini perlu dilaksanakan demi kebaikan peneroka-peneroka FELDA dalam jangka masa panjang.

Tetapi malangnya pada tahun 1987, kalau tak silap saya, sistem saham ini dipinda pula, ditukar pula kepada milik individu. Ini adalah kerana tekanan-tekanan ataupun pandangan-pandangan yang telahpun diberikan oleh pihak peneroka FELDA. Walaupun kita tahu dan saya percaya dalam pemikiran kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin kita, sistem saham adalah merupakan sistem yang lebih baik dan

lebih mudah untuk jangka masa panjang. Tetapi oleh kerana terdapatnya tekanan-tekanan pada ketika itu, kita telahpun menukarkan balik kepada sistem milik individu.

Sekarang, sebagaimana yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mulai daripada bulan Januari, tahun 1990, kita beralih kepada sistem syarikat di mana di bawah sistem ini pihak syarikat ataupun pihak peneroka akan memiliki 49% kepada saham dalam syarikat-syarikat ladang yang akan dilaksanakan dan yang bakinya 51% mungkin dimiliki oleh syarikat-syarikat besar ataupun oleh pihak Kerajaan sendiri. Jadi, dengan kata yang lain, kita berbalik kepada sistem saham walaupun dalam bentuk yang berlainan sedikit daripada sistem yang telahpun kita sarankan dalam tahun 1970an dahulu.

Apa yang kita harapkan ialah supaya pihak Kerajaan ataupun pihak FELDA tidak akan mengubah sesuatu sistem itu dengan sebegitu mudah kerana adanya tekanan-tekanan, kerana adanya pandangan-pandangan baru, kerana adanya kita hendak menghadapi pilihanraya, kita ubah sesuatu sistem itu untuk menyesuaikan kepada keadaan semasa. Saya percaya segala sistem yang dibuat telahpun difikirkan dengan sebaik-baiknya oleh pihak Kerajaan, oleh pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun memikirkannya dan sebab itulah ianya telahpun dicadangkan untuk dilaksanakan.

Saya menyokong sistem syarikat yang telahpun dicadangkan ini tetapi pada masa yang sama juga, hendaklah kita fikirkan kerana di bawah sistem ini, pihak peneroka hanya menjadi pemilik saham minoriti, iaitu hanya 49% dan yang lainnya dimiliki sama ada oleh pihak Kerajaan ataupun oleh pihak syarikat-syarikat besar yang berkecimpung di dalam bidang perladangan. Apa yang dikhawatirkan ialah kita tidak tahu apa yang akan terjadi kepada pemilik besar ini kerana

dalam dunia perniagaan hari ini mungkin suatu syarikat itu merupakan suatu syarikat gergasi tetapi besok lusa ataupun untuk tahun-tahun akan datang, oleh kerana perkembangan-perkembangan terbaru mungkin syarikat itu akan berubah kerana adanya perkara-perkara baru, berlakunya penyelewengan ataupun sebagainya, jadi peneroka-peneroka FELDA akan terdedah kepada berbagai-bagai kemungkinan.

Apa yang kita harapkan ialah supaya Kerajaan sendiri mempunyai "the golden share", satu syer yang boleh membuat penentuan sepertimana yang dimiliki di dalam syarikat MAS ataupun syarikat-syarikat lain di mana Kerajaan mempunyai kuasa pemutus dalam apa-apa sahaja keputusan yang hendak dibuat oleh syarikat-syarikat ini.

Apa yang diharapkan ialah melalui sistem syarikat ini akan banyak keuntungan-keuntungan yang akan didapati oleh peneroka-peneroka FELDA dan akan disalurkan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada FELDA yang telahpun berjaya mengadakan Asrama Semai Bakti. Ini memang kita alu-alukan sebagai asrama yang menempatkan anak-anak peneroka FELDA, anak-anak yang berjaya dan anak-anak yang berkebolehan. Tetapi apa yang kita harapkan ialah supaya pemilihan kanak-kanak yang memasuki Asrama Semai Bakti ini biarlah mengikut keutamaan dari segi kebolehan mereka di dalam bidang pelajaran kerana di dalam bidang pendidikan kita tidak boleh ada tolak-ansur, we have to choose among the best, dengan izin. Tidak ada pelajar-pelajar yang masuk melalui kerana pertimbangan-pertimbangan lain, mereka ini dapat masuk ke Asrama Semai Bakti ataupun sebagainya. Sepertimana yang kita harapkan ianya juga dilakukan seperti

sekolah-sekolah berasrama penuh yang dianjurkan dan dijalankan oleh pihak Kerajaan di mana kelulusan seseorang itu dijadikan asas untuk memasuki tanpa ada pilih kasih ataupun tanpa ada diskriminasi di antara mereka yang memasuki Asrama Semai Bakti ini. Walaupun belum ada bukti ataupun sungutan mengenai perkara ini, saya percaya perkara ini perlu kita ingatkan supaya tidak ada anak-anak peneroka FELDA yang tercicir ataupun tidak diberikan peluang memasuki Asrama Semai Bakti ini semata-mata kerana adanya orang lain yang mempunyai hubungan-hubungan tertentu dapat memasuki asrama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat lagi tentang peristiwa pahit yang berlaku dalam tahun 1986 dan 1987 di mana harga minyak kelapa sawit telahpun berada di paras yang paling rendah pada ketika itu. Sepertimana yang kita ketahui sekarang ini saya percaya hampir 65% daripada tanaman ataupun ladang-ladang yang dimiliki oleh FELDA adalah terdiri daripada ladang kelapa sawit dan menempatkan lebih kurang 130,000 orang peneroka dan kalau kita anggap seorang peneroka mempunyai lima ataupun enam orang ahli keluarga, bermakna sekurang-kurangnya hampir-hampir satu milion ataupun satu juta penduduk di negara ini bergantung kepada FELDA dan juga secara tidak langsung 65% daripadanya bergantung terus kepada harga kelapa sawit dan juga bahan-bahan sampingan yang lain.

Apa yang diharapkan ialah pihak FELDA akan dapat memikirkan industri hiliran yang bersesuaian supaya tidak lagi berlaku di mana harga kelapa sawit turun dan selepas itu kita di dalam keadaan terperangkap dan kita pada masa itu telahpun diberitahu tentang cerita-cerita yang menyedihkan di mana terdapat peneroka-peneroka FELDA yang kadangkala itu balik ke rumah setelah kerja sebulan dengan hanya membawa \$4 atau \$5 setelah

ditolak hutang-hutang atau sebagainya. Ini berlaku adalah kerana penurunan harga kelapa sawit. Tetapi apa yang kita harapkan ialah Kerajaan dapat membuat perancangan untuk memastikan lebih banyak lagi penyelidikan dijalankan supaya minyak kelapa sawit dapat digunakan di dalam industri-industri ataupun untuk penggunaan-penggunaan baru seperti mana dahulu kita telah dengar bahawa minyak kelapa sawit boleh digunakan sebagai bahan bakar ataupun untuk petrol dan kegunaan kereta. Tetapi pada hari ini walaupun research itu telahpun kita dengar empat lima tahun dahulu tetapi belum ada kereta yang menggunakan bahan daripada minyak kelapa sawit.

Jadi, kalau dapat usaha-usaha penyelidikan terus dijalankan supaya kita tidak terperangkap ataupun peneroka-peneroka kita tidak terperangkap dengan harga minyak kelapa sawit ditentukan semata-mata oleh pasaran dunia. Kita hendak biarlah kita bukan hanya menjadi pengeluar minyak kelapa sawit mentah tetapi juga menambahkan nilai, dengan izin, value added, kepada pengeluaran yang akan kita keluarkan.

Kita berharap sepertimana yang kita ketahui bahawa Malaysia bukanlah hanya satu negara pengeluar kelapa sawit. Banyak lagi negara-negara lain seperti Indonesia dan Thailand yang juga menjadi pengeluar yang bersaing dengan kita. Kita berharap supaya diadakan kerjasama dalam semangat ASEAN di antara ketiga-tiga pengeluar utama ini supaya kita tidak terperangkap sebagaimana yang berlaku pada harga getah. Setelah harga getah jatuh menurun barulah kita dengar adanya perancangan di antara pengeluar-pengeluar utama untuk memikirkan cara pemasaran bersama.

Walaupun saya tahu perkara ini dalam bidang perniagaan agak susah hendak dilaksanakan tetapi dengan adanya semangat setiakawan di antara negara-negara ASEAN, demi

kepentingan bersama di antara Malaysia, Indonesia dan Thailand, saya berharap supaya satu sistem pemasaran akan dapat dilaksanakan dan juga akan dapat difikirkan supaya harga kelapa sawit akan terus stabil dan peneroka-peneroka tidak akan mengalami kemerosotan pendapatan. Ini boleh dilakukan kerana yang menjadi pengeluar kelapa sawit ialah di antara ketiga-tiga negara yang juga termasuk di dalam gabungan ASEAN dan kita gembelingkan kepakaran yang ada di antara ketiga-tiga negara ini untuk memastikan pemasaran yang lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah mengenai FELDA yang mempunyai perbadanan-perbadanan. Sekarang ini kalau tidak silap saya mempunyai 12 perbadanan di bawah FELDA dan mengikut laporan yang ada pada saya iaitu mulai daripada tahun berakhir 1987, pengecualian cukai di bawah Jadual 6 Bahagian II, Akta Cukai Pendapatan 1987 telahpun dilucutkan dan tempoh pengecualian cukai hanya diberi sehingga tahun 1991. Memanglah kita tahu dan kita sedar bahawa kalau boleh selama-lamanya kita hendak kita dikecualikan daripada cukai dan tidak ada manusia ataupun orang yang gembira apabila dikenakan cukai dan kalau boleh hendak terus-menerus dikecualikan. Tetapi kita mesti ingat setiap cukai yang dikecualikan adalah juga merupakan wang orang ramai, maknanya kita menggunakan wang orang ramai, kita meniadakan hak orang ramai dan pengecualian yang telahpun diberikan ini adalah merupakan satu pandangan yang jauh.

Kita tidak hendak perbadanan FELDA menjadi satu perbadanan subsidi selama-lamanya. Kita hendak FELDA ataupun perbadanan-perbadanan boleh berdiri di atas kaki sendiri dan dengan bantuan-bantuan geran yang telahpun diberikan oleh pihak Kerajaan selama ini yang

telahpun menampung hampir 22,000 ataupun 23,000 pekerja-pekerja FELDA dan kita berharap selepas tiadanya pengecualian cukai, selepas dijalankan dengan sistem syarikat, FELDA akan dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan GUTHRIE ataupun Harrison Crossfield, dengan Sime Darby ataupun syarikat-syarikat gergasi yang lain.

Kalau ketiga-tiga syarikat ini boleh mengeluarkan kelapa sawit, getah dan sebagainya dengan kos yang rendah, kelapa sawit dianggarkan dalam \$400 ataupun \$300 lebih kos pengeluarannya dan segalanya dibiayai dari pendapatannya, mengapa FELDA tidak boleh melakukan ini. Jadi, dengan adanya sokongan, dengan adanya bantuan daripada pihak Kerajaan dan juga sebagainya, saya percaya FELDA tentu boleh menurunkan lagi kos pengeluaran untuk bahan-bahan seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini FELDA mempunyai seorang pegawai turus, selepas itu, pegawai turus itu dengan senyap-senyap telahpun berpindah ke Jabatan lain dan seolah-olahnya pegawai turus itu tidak diperlukan, maknanya telahpun ditarik balik oleh JPA. Apa yang menjadi soalan ialah mengapakah tidak ada perancangan? Sebagai pegawai tinggi Kerajaan tentunya ada perancangan di mana kita hendak meletakkan seseorang. Jangan hanya untuk tangkap muat sahaja, hanya untuk menempatkan seseorang, selepas itu dicreate sesuatu post dan bila difikirkan tidak diperlukan ataupun tidak sesuai, kemudian ditarik balik.

Apa yang kita hendakkan ialah kalau keperluan pegawai turus itu ada, kalau pegawai turus itu pergi, kita hendak ada gantinya supaya tugas yang dijalankan oleh pegawai turus yang berkenaan akan dapat diteruskan.

Di bawah perbadanan FELDA, FELDA juga akan mengadakan joint-venture ataupun usahasama dengan syarikat-syarikat. Apa yang kita harapkan ialah saya dapati ada setengah-setengah perniagaan di mana FELDA hanya memiliki saham minoriti di dalam joint-venture ataupun sebagainya. Kita mahu kalau boleh, biarlah dalam mana-mana joint-venture sekalipun supaya FELDA jadi pemilik majoriti dalam syarikat-syarikat yang berkenaan kerana adanya syarikat-syarikat asing yang ingin berniaga dengan FELDA adalah disebabkan adanya captive market, adanya pasaran yang telahpun tersedia. Jadi, di sini bermakna, FELDA sendiri mempunyai kekuatan dan kita berharap pada masa-masa yang akan datang, jika ada, FELDA menubuhkan syarikat-syarikat usahasama hendaklah diadakan juga sebagai pemegang saham majoriti dan sebagai satu organisasi besar, kita berharap juga FELDA akan menjadi pembimbing kepada usahawan-usahawan baru khususnya kepada usahawan-usahawan bumiputera melalui, dengan izin, venture capital ataupun modal teroka bersama-sama dengan usahawan-usahawan baru untuk memajukan satu kawasan ataupun untuk menceburi satu bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita ketahui, sekarang ini FELDA ada 12 perbadanan dan kita berharap apabila sudah tiada lagi keistimewaan cukai, saya percaya perbadanan-perbadanan ini akan bergerak sebagai syarikat-syarikat berhad ataupun syarikat-syarikat sendirian berhad. Apa yang kita harapkan ialah supaya perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah perbadanan-perbadanan ataupun yang akan bertukar, saya percaya tentunya akan bertukar menjadi syarikat-syarikat ini akan juga diambil tenaga-tenaga profesional untuk memasuki syarikat-syarikat ini.

Kita setuju Pengerusinya biar Pengerusi FELDA sendiri supaya ada continuity dan juga dia tahu apa yang

berkembang ataupun yang berlaku. Tetapi apa yang kita harapkan ialah Ahli-ahli Lembaga ini juga bukan hanya terdiri daripada kakitangan ataupun keluarga FELDA sahaja, kita harap juga input-input luar, tenaga profesional juga akan dimasukkan ke dalam syarikat-syarikat ini supaya syarikat-syarikat ini dapat bersaing dengan lebih baik dan juga lebih teratur lagi.

Dari laporan yang saya terima, saya ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada FELDA dalam sistem kontraknya, dalam sistem tendernya di mana saya difahamkan tidak ada langsung soal pilih kasih. Tender-tender atau tawaran-tawaran kerja hanya diberikan kepada yang layak dan yang terendah, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tendernya juga tidak pernah tunduk kepada rayuan-rayuan atau sokongan-sokongan pihak-pihak tertentu. Tetapi pada masa yang sama juga, kita jangan lupa bahawa FELDA juga mempunyai tanggungjawab. Kalau dahulu kepada Dasar Ekonomi Baru, sekarang ini kepada Dasar Pembangunan Nasional dan kita berharap di bawah dasar baru ini juga FELDA akan menjalankan peranannya untuk membimbing seberapa ramai usahawan-usahawan baru yang berkebolehan, yang berkaliber.

Kita tahu kalau di bawah Dasar Ekonomi Baru dahulu, dalam pembentukan usahawan ini, kita terlalu komited kepada jumlah, kepada kuantiti dan kita kadangkala melupakan soal kualiti usahawan-usahawan yang akan dibina. Biasanya kalau kita tengok laporan-laporan tahunan, kita akan dipaparkan dengan jumlah ataupun jumlah syarikat yang telahpun ditawarkan - kalau FELDA, oleh pihak FELDA - kepada khususnya, syarikat-syarikat bumiputera. Kita mengharapkan di bawah sistem baru ataupun menjelang Wawasan 2020 ini, saya percaya kesemua bumiputera sekarang

ini telahpun bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran. Bumiputera hendaklah bersedia menghadapi konsep survival of defeaters. Pada saya biarlah FELDA dapat melahirkan dua ataupun tiga usahawan bumiputera tetapi mereka ini menguasai 30% atau 40% daripada perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh pihak FELDA daripada kita melahirkan 100 ataupun 200 usahawan-usahawan bumiputera tetapi akhirnya mereka ini hanya menguasai dua atau tiga peratus sahaja daripada kerja-kerja yang dikeluarkan oleh pihak FELDA.

Jika ada usahawan-usahawan yang berjaya diharapkan pihak FELDA akan terus memberikan sokongan, memberikan bimbingan. Jangan ada perasaan bahawa syarikat ini telahpun banyak diberi, dan sekarang ini kita beri pula kepada syarikat lain, jangan ada perasaan seolah-olah kita hendak mengadakan sistem sosialis. Kalau kita hendak membuat sistem secara kapitalis, kita buat kapitalis betul-betul. Kita percaya kalau ada dua ataupun tiga syarikat yang besar yang dijayakan oleh pihak FELDA ini adalah merupakan satu kejayaan.

Sepertimana yang telahpun saya katakan tadi, saya percaya di bawah dasar baru Kerajaan sekarang ini kita lebih memikirkan soal kualiti daripada soal kuantiti. Sepertimana yang telah saya katakan, biarlah FELDA hanya dapat melahirkan dua tiga orang, asalkan dia kontrol banyak business dalam FELDA daripada kita melahirkan 100, 200 ataupun 2,000 orang peniaga atau usahawan bumiputera tetapi mereka ini hanya dapat business yang kecil-kecil sahaja daripada FELDA dan juga perbadanan-perbadanan di bawah naungan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, buat pengakhirnya, saya ingin juga menimbulkan soal apakah rancangan FELDA untuk memastikan supaya peneroka-peneroka ini akan terus hidup di dalam kawasan itu untuk selamalamanya. Maksudnya mereka ini tidak

akan keluar. Kita tidak mahu hanya pihak peneroka sahaja yang tinggal di situ dan anak-anak mereka biasanya akan keluar meninggalkan kawasan itu dan akhirnya nanti FELDA akan menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja. Kita berharap FELDA juga di samping membuka rancangan-rancangan tanah baru, juga akan berusaha membuka pekan-pekan atau bandar-bandar baru. Kita masih ingat saranan Allahyarham Tun Razak dahulu, kalau hendak memajukan orang-orang Melayu, kalau hendak memajukan orang-orang kampung, hendaklah dibandarkan pemikiran mereka. Jadi dengan adanya bandar-bandar baru ini, anak-anak daripada peneroka FELDA ini tidak akan keluar dan mereka akan terus tinggal dalam kawasan itu dan kita berharap setiap rancangan FELDA akan jadi self-sufficient, dengan izin.

Kita berharap ada perancangan jangka panjang. Apa akan jadi kepada generasi yang kedua FELDA untuk masa-masa yang akan datang, khususnya sekarang ini kita tahu bahawa di bawah sistem yang ketiga dahulu, diberikan milik individu. Kemungkinan semasa kedua-dua ibu bapa atau kedua-dua peneroka itu masih hidup, masalah ini tidak timbul. Tetapi dari segi jangka panjang, apabila mereka ini sudah tidak ada lagi di dunia kelak, akan timbul masalah dari segi milik kerana tidak semua ibubapa yang menukarkan nama kepada anak-anak mereka. Kalau mereka ada 10 orang anak, biasanya ibubapa kita ini dia tidak akan tukar, dia akan biarkan sahaja, apabila mereka sudah tidak ada lagi di dunia ini, yang hiduplah akan menyelesaikan masalah itu. Apakah perancangan jangka panjang, bagaimana hendak diselesaikan. Itulah sebabnya saya lebih suka sistem saham ataupun sistem syarikat yang telahpun diadakan. Tetapi apa hendak buat, setelah adanya desakan, Kerajaan terpaksa juga menukar balik kepada sistem milik

individu. Kita berharap pula selepas sistem syarikat ini nanti, tidak ada pertukaran kerana ada desakan-desakan. Kalau Kerajaan fikir betul, Kerajaan teruskan sesuatu itu, kerana apa yang mustahak ialah niat kita untuk memastikan peneroka-peneroka FELDA mendapat faedah dari segi jangka panjang.

Sebagaimana yang telahpun saya katakan tadi, kita berharap pusat-pusat pembangunan ekonomi akan didirikan melalui bandar-bandar baru ataupun melalui bandar-bandar kecil supaya tenaga-tenaga FELDA, supaya kewangan-kewangan yang diterima oleh peneroka-peneroka FELDA ini tidak akan mengalir keluar. Kalau boleh biarlah ia hanya berpusing ataupun circulate di dalam bandar atau di dalam sesuatu rancangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Aion.

5.56 ptg.

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan Rang Undang-undang ini dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang juga sebagai pangkat adik kepada saya, bijaksana, suaranya terang, jelas, ada power dalam suaranya dan kemudian telah memperkatakan dengan terperinci mengapa Rang Undang-

undang ini mesti kita luluskan dan mesti dikemukakan. Maksud saya dikemukakan dan diluluskan - jangan terbalik pula nanti. Sebenarnya, oleh kerana saya rasa perkara ini perkara yang sangat baik, tidak mengapalah kalau ianya kita luluskan tanpa kita mengambil bahagian. Tetapi setelah meneliti satu persatu, saya rasa ada beberapa perkara yang saya juga ingin memberikan sentuhan dan pandangan dan secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menjadi Pegawai Penerangan Khas di Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah selama dua tahun. Jadi, sedikit sebanyak pengalaman saya yang merayau-rayau di serata ceruk rantau FELDA dan FELCRA yang ada di negara kita ini, tidak ada satu rancangan tanahpun yang saya tidak pergi, maka saya rasa ada beberapa perkara di sini yang saya ingin berikan pandangan, semoga ianya berguna atau diambil ingatan.

Seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, tujuan kepada Rang Undang-undang ini dan di dalam huraian di buku inipun menyebut, iaitu:

“Fasal 2(1) bertujuan meminda subseksyen (2) dan (3) seksyen 3 Ordinan berkaitan dengan tugas dan kuasa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan kerana peruntukan-peruntukan yang sedia ada terlalu ringkas dan tidakjelas dan perlu diperluaskan skop, tugas dan kuasa Lembaga untuk memastikan bahawa setiap perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh Lembaga atau Menteri atau kedua-duanya menurut peruntukan-peruntukan tersebut adalah selaras dengan tugas dan kuasa sebagaimana dinyatakan di bawah Ordinan.”

Jadi, dengan ini nyatalah bahawa perkara ini sangat perlu. Undang-undang untuk FELDA ini khususnya telah digubal dalam tahun 1956. Kata Timbalan Menteri tadi 35 tahun lamanya Rang Undang-undang itu

dilaksanakan, didapati adalah beberapa kelemahan dan juga beberapa perkara yang memerlukan pindaan yang lebih kukuh, lebih konkrit, lebih jelas, lebih luas skopnya untuk menyelaraskan dan memajukan khasnya kepada rancangan FELDA. Syabas, tahniah dan sesungguhnya kita rasa syukur, dengan kepekaan dan dengan pandangan serta dengan penelitian yang telah dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta ini, saya bacakan sedikit, iaitu mengenai Fasal 2(2):

“(2) The Authority shall have the following duties:

(a) to undertake and carry out land development projects;”

saya perlu minta izinkah, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini dalam bahasa Inggeris?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Dengan izin,

“(b) to promote and assist in the investigation, formulation and implementation of projects for development, settlement and management of land in the Federation.”

Nyatalah, Tuan Yang di-Pertua, Akta ini yang digubal pada tahun 1956 dalam bahasa Inggeris (mungkin sepenuhnya dalam bahasa Inggeris), itulah tujuan saya membacanya tadi. Boleh atau tidak pada masa yang akan datang, jikalau ini sudah lewat, terjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Kerana sekarang kita menggalakkan mahkamah menggunakan Bahasa Malaysia. Lawyer-lawyer sampai kelam-kabut, marah bising, memberontak dan sebagainya akibat penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah. Jadi kalau undang-undang

yang begini mudah dan perkataan yang begini senang, tidak sesusah macam kata Timbalan Menteri kawan saya tadi tidak ada bahasa yang tepat mengenai "race". Kalau "bangsa" dia kata, pakar-pakar kata lain meaningnya. Jadi mungkin orang-orang yang pakar ini terlalu pakar berbeza fikirannya dengan kita yang tidak pakar. Sebab kita kalau sebut bangsa, kita tahulah bangsa itu menunjukkan dari mana manusia itu dilahirkan. Bangsa apa manusia itu dilahirkan. Kalau dia dari bangsa Melayu, dia Melayulah. Walaupun barangkali ibunya seorang keturunan India, bapanya keturunan Melayu, anaknya jadi Melayu. Bangsa Melayu bukan "Melayu India". Jadi demikian beberapa penjelasan.

Yang saya hendak beri teguran sedikit boleh atau tidak pada masa akan datang pihak Kementerian Kehakiman kita kalau ada undang-undang hendak pinda macam ini cari lagi pakar-pakar itu. Kemudian minta dia terjemahkan dalam bahasa Malaysia, selaras dengan visi kebangsaan kita.

Yang saya ingin sentuh tadi Yang Berhormat Rahim Baba seorang yang memang matang dan banyak pengalaman dalam hal ini kerana beliau pernah bertugas di Kementerian yang berkenaan. Dan memang beliau ini kalau tidak bertugas di situ pun memang luas skop pemikirannya. Dan dia masuk ke Dewan ini, syabaslah kita ada jurucakap yang boleh bercakap tiga jam, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, dalam semua subject telah menyebut beberapa perkara. Dan di antara perkara-perkara itu ada juga perkara-perkara yang saya pun ingin hendak sentuh sama. Tetapi mana-mana yang telah disentuhnya itu saya rasa memadai, saya hanya membuat pertambahan-pertambahan dari sentuhan-sentuhan.

Yang saya ingin sentuhkan ialah mengenai hak milik tanah individu. Kita telah mendengar beberapa perkececukan. Saya percaya boleh ditulis - per-ke-ce-cu-kan, maknanya

ada sedikit riuh rendah, ada sedikit ribut-ribut, ada sedikit teguran atau bantahan tanah apabila hak-hak individu ini hendak dipersyariatkan.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tetapi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang memang rasanya sudah lama juga di Kementerian berkenaan, faham dan pakar juga dalam hal tanah ini. Bagaimana dengan hak isteri, hak janda dan hak isteri kedua yang telah punya hak milik tanah individu ini. Yang telah punya, yang bersyarikat itu fahamlah, dia ikut saham-sahamnya. Sebabnya wanita UMNO telah pernah memperjuangkan hal ini dan telah lulus tetapi kami masih lagi mendengar beberapa rintihan, rayuan betapa susahnya balu-balu yang ditinggalkan oleh suaminya yang mendapat tanah di sana untuk mendapatkan hak milik mereka. Dan betapa susahnya isteri pertama hendak mendapatkan hak harta sepencarian.

Dalam rancangan FELDA ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan si-suami sahaja yang buat kerja, kadangkala ada juga di sesetengah rancangan FELDA suaminya duduk goyang kaki, isterinya pergi ke kebun. Isterinya yang pergi tengok serta mengait kelapa sawit dan juga kalau koko yang pergi ke ladang kokonya dan kopinya. Begitu juga getah. Ada terdapatlah dalam 10%, bukan ramai yang begitu. Suami-suaminya pergi ke kedai koperasi yang dipanggil FELDA Niaga, mereka ada sedikit saham dalam pam minyak dan lain-lain, buat-buat sibuk dekat situ, isteri buat kerja.

Jadi, ini saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah masih ada lagi perkara-perkara yang belum diselaraskan mengenai hak sepencarian kalau berlaku: (a) penceraian, (b) kematian suami, (c) suami nakal sangat, kahwin sampai dua atau tiga. Mana-mana rancangan yang

dulunya mewah, durian runtuh, jadi dia pun mula membuka "cawangan-cawangan". Apabila perkara itu jadi tidak stabil, yang berkenaan sakit kepala, tetapi apa boleh buat, isteri sudah ada, keturunan pun sudah bermula. Bagaimana cara dan keadaannya begini.

Kemudian saya juga ingin menyentuh mengenai hak-hak wanita (GPW) yang ada di rancangan-rancangan FELDA. Saya yakin dan saya memberikan pujian walaupun ini tidak berkaitan dengan tanah, Tuan Yang di-Pertua, kalau berkaitan dengan tanah semua sudah jelas. Tetapi ada kaitannya sebab semua manusia-manusia yang ada di FELDA itu dia duduk atas tanah. Jadi ada kaitanlah kalau hendak dibincangkan. Mereka itu duduk dalam rumah yang mesti ada tanah. Kalau GPW pun dia punya dewan atau dia punya pusat-pusat kraftangan dan lain-lain juga memerlukan tanah juga. Mengenai saham-saham, terdapat juga beberapa rungutan biasanya dari segi saham ini, orang lelaki sahajalah yang bolot, wanitanya kurang sangat. Benar atau tidak rungutan ini?

Dulu waktu saya di Kementerian, saya rajin benar merayau dan membawa perkara-perkara ini kembali kepada Menteri. Ada juga beberapa perkara yang telah dapat diselaraskan tetapi sudah tinggal ini tidak berapa maklum. Oleh kerana banyak ahli-ahli wanita kami dari UMNO khususnya yang membawa perkara ini melalui EXCO Pergerakan Wanita Malaysia, saya seorang daripadanya, itulah saya ingin sarankan di samping membahaskan Akta ini yang saya sudah sokong tadinya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai saham apakah ada peruntukkan kuota untuk wanita sebagai isteri atau wanita sebagai orang yang telah berkhidmat banyak di rancangan-rancangan melalui beberapa

jawatankuasa, beberapa kelas-kelas dan juga beberapa kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi, sosial dan juga dari hal ehwal yang berkaitan dengan kesihatan untuk wanita-wanita di FELDA.

Yang keduanya saya ingin bertanya berapa ramai wanita duduk dalam Lembaga-lembaga di FELDA ini. Banyak Lembaganya. Dalam FELCRA umpamanya.

Dan berkenaan yang disebut oleh saudara Yang Berhormat saya tadi ada 12 Perbadanan tadi, adakah atau tidak wanita duduk di dalamnya? Kalau tidak ada, tolong tengok-tengoklah. Wanita pun ada yang profesional atau ada juga yang canggih, ada juga yang pandai dan bijak, bukan orang lelaki sahaja yang ada. Sebab kalau saya tidak silap penduduk di FELDA ini lebih kurang, dulu perangkaannya ialah 50.2% wanita. Walaupun yang memasuki rancangan FELDA itu lelaki. Ini yang pernah kita buat kajian dahulunya. Jadi hormatilah mereka ini.

Saya kurang setuju sedikit dengan Yang Berhormat saudara saya mengenai monopoli kepada syarikat-syarikat atau perniagaan yang dibuat atau yang dianjurkan atau yang bergerak di sekitar FELDA dan FELCRA. Beliau mengatakan tadi kita perlu kepada kualiti kerana kita tidak berapa setuju dengan kuantiti kalau itu membawa kepada rendahnya penglibatan dari segi hak milik harta dan juga kemajuan. Saya rasa perkara itu yang perlu dibetulkan bukanlah monopoli. Syarikat-syarikat yang baik-baik sahaja yang diberi, yang tidak baik itu tidak usah beri, takut nanti tidak berkualiti. Rasa saya itu bertentangan dengan dasar ekonomi kebangsaan kita ataupun dasar negara kita sendiri, kerana kalau kita menghadkan kepada yang berkualiti sahaja, maka terjadilah rasa tidak puas hati. Sampai sekarang ini masih lagi kita dengar di mana-mana pun masih disebutkan, di mana

kalau mengenai penswastaaan maka syarikat tertentu sahajalah yang akan diberikan peluang, kerana difikirkan yang lain-lain itu tidak berkualiti.

Jadi, dalam FELDA sudah ada ramai pengusaha, peniaga dan juga mereka yang sudah dapat diterapkan menjadi seorang business-minded, dengan izin. Jadi, kalau pada peringkat awal mereka tidak ada kualiti, maka kewajipan daripada Kementerian atau perbadanan ataupun kepada mereka yang bertanggungjawab mengenai pengendalian persyarikatan ini, untuk memajukan dan memberi bimbingan dan lain-lain. Jadi, janganlah pula kita hadkan kerana ini tidak adil. Sama sekali tidak adil. Dan sekiranya mereka itu tidak dapat maju, maka selidiklah, mengapa dan apa sebab mereka tidak maju.

Menyentuh mengenai tender, saya rasa bersyukur mendengar penjelasan tadi yang mengatakan tender di FELDA ini bersih dan sesungguhnya mengikut dasar 100% iaitu tender-tender yang terendah. Ada question mark - yang terendah? Bukan semua yang terendah itu bagus, ada yang terendah kerana hendak kerja, kalau beri kerja tidak dapat buat kerja. Saya percaya Timbalan Menteri ada fail di Kementeriannya. Ada penender yang membuat tender yang paling rendah, diberikan, tetapi terbengkalai, terpaksa di re-tenderkan. Dan kemudian apabila di re-tenderkan, maka ruginya kepada pihak Kerajaan. Saya menyebut juga masalah tender ini dan sebenarnya seperti yang dikatakan oleh saudara tadi, saya rasa pada amnya, betul. Tetapi pada hakikatnya, ada juga senget-sengetnya. Saya dengar juga cerita itu. Senget-sengetnya ada, tolonglah teliti dan perbetulkan. Saya tidak mahu sebut di sini, kerana ini tidak berkaitan dengan Akta ini tetapi saya pun maklum kerana maklumlah saya adalah bekas gurkha daripada FELDA. Jadi, saya memahami juga perkara-perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai Fasal 2(2), iaitu, yang disebut di sini selepas daripada - The Authority may, with the approval of the Minister-iaitu di bawahnya subseksyen (2) - "Setiap perbuatan atau benda yang telah dilakukan oleh Lembaga oleh Menteri atau kedua-duanya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini yang sepatutnya sah sekiranya subseksyen (2), (3) dan (5) seksyen 3, Ordinan (sebagai mana di pinda oleh subseksyen (1), seksyen ini) telah berkuatkuasa pada masa perbuatan atau tindakan itu dilakukan adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan telah dilakukan dengan sah".

Ini saya hendak menyatakan rasa lega saya. Ertinya, kalau ada pun perkara-perkara yang telah berlaku sebelum ini tidak akan terbatal dengan lulusnya Akta ini nanti, kerana yang telah sudah-sudah pun elok-elok dan baik-baik belaka. Kalau didapati nanti undang-undang ini boleh pula patah balik, ertinya yang telah lalu itu dibatalkan, saya takut nanti ada berlaku beberapa kesilapan teknik yang menyebabkan ada berlaku beberapa rasa tidak puas hati atau bentuk-bentuk yang merupakan penganiayaan halus yang Timbalan Menteri ataupun Ketua Pengarah tidak sedar. Takut ini berlaku dan ini tidak mustahil. Syukurlah kerana ini telah dijelaskan bahawa Akta ini tidak akan membatalkan perkara-perkara yang telah pernah dibuat oleh Akta 1956 yang telah diwujudkan iaitu Ordinan Kemajuan Tanah 1956 masih boleh terpakai cuma ini akan dipakai untuk akan datang bagi melicinkan, menyelaraskan, memperkemaskinikan dan untuk mempertingkatkan penyelarasan serta kemajuan bagi mentadbirkan tanah-tanah di FELDA. Adakah FELCRA termasuk?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada FELCRA termasuk atau tidak dalam keadaan ini. Saya minta jawapannya nanti. Kemudian saya ingin menyentuh sedikit iaitu

mengenai Fasal 3 (1) yang bertujuan memasukkan seksyen baru 12(B) bagi maksud memberi kuasa kepada Lembaga atau perbadanannya untuk mengeluarkan jaminan bank kepada mana-mana orang bagi apa-apa maksud dan sekian-sekian takat. Saya ulang lagi-dan sekian-sekian takat. Cantik bahasa itu, tetapi maknanya am sangat. Sekian-sekian takat sebagaimana ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri sementara Fasal 3(2) bertujuan menjadikan apa-apa jaminan bank yang telah dikeluarkan oleh Lembaga, atau perbadanannya sebelum mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan ini sah dan menurut Rang Undang-undang.

Jadi, ertinya macam tadi jugalah bahawa ia tidak akan dibatalkan. Cuma saya ingin bertanya, saya bukan lawyer, jadi saya hendak tahu juga dengan jelas iaitu mengenai Fasal 3 ini, adakah ini bermaksud bahawa Lembaga ataupun perbadanan boleh memberikan atau mengeluarkan jaminan kepada pinjaman-pinjaman individu. Kalau saya seorang yang mempunyai hak milik, sudah dapat dah, saya masuk FELDA tahun 1956 - 1957, umpamanya, saya mendapat hakmilik. Jadi, saya hendak gadaikan tanah saya itu kerana saya hendak membuat satu usaha yang lain, maka pihak Lembaga ini boleh menjadi penjamin atau guarantor. Kalau sekiranya saya tidak dapat bayar duit bank itu, adakah pihak Lembaga akan bertanggungjawab untuk mengambilalih tanah itu atau pihak bank yang boleh mengambil tanah itu. Kerana kalau mengikut peraturan perundangan pinjaman, kalau penghutang tidak dapat bayar, pergi kepada guarantor, dan kalau guarantor tidak dapat bayar mungkin perkara lain pula atau pengambilan tanah dan lain-lain dibuat.

Kemudian menyentuh Fasal 4 - bertujuan menjadikan pinjaman wang oleh perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga sah dan menurut undang-

undang jika pinjaman tersebut telah dibuat tanpa bon, debentur atau saham debentur dikeluarkan oleh perbadanan-perbadanan itu sebagaimana dikehendaki di bawah perintah yang menubuhkan perbadanan-perbadanan itu. Saya minta penjelasan dalam jawapan Timbalan Menteri nanti mengenai Fasal 4 ini dengan lebih jelas, kerana saya tidak dapat menangkap maksudnya yang sebenar-benar walaupun saya memahami patah-patahnya. Debentur ini memang perkataan lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa syukur dan lega dan dengan sepenuh hati dan sambil mengharapkan semoga Rang Undang-undang ini akan dapat memberi manfaat sepertimana tujuan asal ianya dilakukan atau ianya dipindahkan, maka sekali lagi saya menyokong kepada Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berdampingan atau berkaitan dengannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri untuk memberikan jawapannya.

6.20 ptg.

**Tuan Mohd. Yassin bin Kamari:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut, Yang Berhormat Senator Rahim Baba, Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin yang telah berkesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya bagi pihak Kementerian, akan seberapa upaya yang mungkin akan memberikan response kepada isu-isu, masalah-

masalah, pandangan-pandangan, kritik-kritik dan cadangan-cadangan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan dalam perbahasan sebentar tadi.

Ada berbagai-bagai perkara yang telah dibangkitkan berhubung dengan masalah ini dan yang pertama saya ingin merujuk terus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Shuib Endut berhubung dengan pandangan ataupun cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya memberikan kuasa yang sepenuhnya kepada Kerajaan Pusat dalam masalah membangunkan FELDA.

Untuk makluman kita bersama, sebenarnya Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, melalui FELDA, mendapat satu kuasa yang penuh bagi membangunkan sepenuhnya juga rancangan tanah FELDA dan seterusnya mentadbirkan rancangan tanah FELDA. Maka dengan itu tidak timbul masalah sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Berhubung dengan pandangan ataupun isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Rancangan Sungai Tong, Setiu, Terengganu, sebenarnya Rancangan Sungai Tong, Setiu, Terengganu ini bukan rancangan tanah FELDA. Ini adalah merupakan rancangan Kerajaan Negeri Terengganu dan pembiayaannya serta pengurusannya adalah dibawah Kerajaan Terengganu sepenuhnya.

Kita beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba mengenai beberapa perkara iaitu yang pertama berhubung dengan suatu sistem saham, sistem hakmilik individu. Sistem saham dalam FELDA ini sebenarnya adalah merupakan sebagai perubahan

yang berlaku setelah dibuat kajian ataupun hasil kajian yang terperinci, mendalam dan rapi oleh Kerajaan bagi maksud dan tujuan supaya apa-apa sistem yang digunapakai oleh Kerajaan akan memberikan jaminan yang lebih baik, bukan sahaja dalam jangka sederhana, dalam jangka pendek tetapi untuk jangka panjang kepada peserta-peserta FELDA kerana soal pokoknya ialah untuk meningkatkan prestasi ekonomi peserta-peserta FELDA, di mana kalau kita buat perbandingan peserta-peserta FELDA itu dahulu sebelum menjadi peserta pendapatan purata mereka adalah di antara \$100 - \$200 sebulan dan apabila mereka dipindahkan ataupun menjadi peserta kepada rancangan tanah FELDA, terbukti dengan jelas mengikut rekod dengan nyata bahawa mereka berpendapatan setelah ditolak bayaran kembali untuk memiliki harta, setelah ditolak bayaran mengambil hutang di kedai, setelah tolak bayaran membeli input-input untuk membangunkan rancangan tanah mereka di FELDA, pendapatan mereka adalah jauh lebih tinggi daripada semasa mereka sebelum menjadi peserta FELDA dahulu. Pendapatan mereka, kalau mengikut yang kita rujuk kepada pendapatan bulan-bulan yang lepas, bagi kelapa sawit ataupun getah jelas terbukti adalah di atas paras \$450 sebulan setelah ditolak hutang-hutang dan lain-lain sebagainya yang diperlukan sebagai bayaran balik kepada pembangunan rancangan tanah mereka.

Jadi, berbalik kepada apa yang dibangkitkan di sini mengenai sistem saham, sistem blok, sistem-sistem yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui FELDA kepada peserta-peserta itu sebenarnya adalah dimaksudkan untuk memungkinan peserta-peserta mendapat manfaat yang lebih baik dan akan meningkatkan prestasi serta kedudukan ekonomi mereka kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lepas.

Berhubung dengan sistem ladang syarikat, sebagaimana yang kita sama-sama maklum, bermula dari 1hb Januari, 1990 rancangan tanah FELDA yang belum mempunyai peserta, yang belum mempunyai peneroka akan ditadbirkan, akan diuruskan, akan dibangunkan secara syarikat dan peserta-peserta yang telahpun menjadi peserta kepada rancangan tanah FELDA, yang telah duduk sebagai peserta tidak perlu bimbang kerana rancangan tanah mereka tidak akan diuruskan secara syarikat dan yang diuruskan oleh syarikat ini ialah kepada rancangan-rancangan Tanah FELDA yang baru. Kepada peserta-peserta ataupun kepada mereka yang terpilih untuk menjadi peserta kepada rancangan tanah FELDA yang akan diuruskan secara syarikat ini, mereka akan lebih terjamin kalau dibandingkan dengan peserta-peserta yang hak individu ataupun sistem blok dan sebagainya yang lepas-lepas kerana pendapatan mereka akan terlepas daripada tarikan turun-naik harga pasaran komoditi yang bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran dunia.

Berhubung dengan masalah pemilihan pelajar-pelajar Semai Bakti, kita harus merasa bangga kerana dengan adanya Asrama Semai Bakti di atas usaha FELDA menyedari bahawa langkah untuk mengadakan satu kemudahan peluang untuk anak-anak peserta FELDA yang berada di rancangan-rancangan tanah FELDA di seluruh negara yang kebetulan berada di ceruk rantau di kawasan pedalaman yang jauh daripada kemudahan-kemudahan serta suasana pembelajaran yang moden. Mereka dikumpulkan di Asrama Semai Bakti. Jumlahnya adalah seramai 1,700 orang sekarang ini, yang berada di Kuala Lumpur, Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur, Asrama Semai Bakti Johor Bahru, Asrama Semai Bakti Kuantan, Asrama Semai Bakti Kelana Jaya. Dan pemilihan mereka ini adalah bergantung kepada prestasi UPSR. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, adakah saya harus tamatkan pada pukul 6.30 petang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Okay, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Yang Berhormat, suatu usul akan dibuat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.29 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991 diluluskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991 diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991 diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN TANAH (PINDAAN)

*Perbahasan di sambung semula.*

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini saya menjawab terus. Jadi, pemilihan pelajar-pelajar tadi bergantung kepada prestasi UPSR. Walaupun, untuk maklumat kita bersama dan Dewan yang mulia ini, - walaupun pelajar-pelajar rancangan FELDA ini bertaburan di ceruk rantau di seluruh negara, jauh dari kemudahan-kemudahan, kita masih lagi menekankan peri mustahaknya pemilihan pelajar-pelajar ke asrama ini diambil daripada pelajar-pelajar lepasan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Darjah VI yang terbaik. Jadi, tidak ada masalah adanya pilih kasih, ada hanky-panyk dan sebagainya.

Jadi, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pelajar-pelajar ini walaupun pelajar-pelajar ini anak-anak luar bandar ditempatkan di kawasan-kawasan persekitaran Kuala Lumpur ini bagi memungkinkannya mereka juga dapat peluang bersama-sama dengan sahabat-sahabat yang lain yang tinggal di dalam bandar untuk mengejar dan menimba ilmu. Dan syukur Alhamdulillah, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, keputusan peperiksaan SRP dan SPM pada masa-masa yang telah lalu itu menunjukkan bahawa Asrama-asrama Semai Bakti

FELDA ini telah mampu melahirkan pelajar-pelajar, anak-anak peneroka FELDA untuk menuju ke arah kecemerlangan. Ini merupakan sebagai investment kita kepada negara.

Berhubung dengan pendapatan peneroka, Kerajaan sebenarnya amat berhati-hati mengenai pendapatan peneroka di mana langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan ataupun yang diambil oleh Kerajaan adalah bagi menentukan, bagi memastikan bahawa peneroka menerima pendapatan pada tahap yang paling minimum setelah ditolak hutang ataupun dipotong hutang pembangunan tidak kurang daripada \$400. Ini komitmen kita, tekad kita, azam kita kepada seluruh peneroka ataupun seluruh peserta FELDA. \$400 itu tadi adalah bagi rancangan getah dan bagi rancangan kelapa sawit tidak kurang daripada \$300 sebulan.

Jadi, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini buat kesekian kalinya, kepada mana-mana pihak yang menganggap bahawa ada setengah peneroka yang bawa balik duit ke rumah sebulan tinggal \$4, \$5. Itu sebenarnya adalah satu penjelasan yang sama ada tidak tepat ataupun sengaja tidak ditepatkan kerana apa yang dibawa balik oleh peneroka itu adalah bergantung kepada berapa banyak dia telah berhutang. Kalau hutangnya di kedai itu banyak dan hutang yang di tolak itu tidak dikira sebagai pendapatan, ini payah. Ini yang merunsingkan Yang Berhormat Kak Aion sebenarnya ada peserta-peserta yang duduk-duduk di sana, sini, cerita itu, cerita ini barangkali golongan yang inilah. Bukan?

**Puan Aion binti Ariffin:** Bukan.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Jadi, kalau bukan, saya hendak menjelaskan. Sebenarnya tidak banyak, kalau ada pun hanya segelintir daripada peneroka yang bawa balik pendapatan

yang tinggal sedikit. Tetapi kalau \$4, \$5, ini adalah satu dakwaan yang tidak betul, walaupun datangnya daripada peneroka, cuma sayangnya ada media, ada pihak yang tertentu yang mengeksploitasikan sebagai satu pernyataan, sebagai suatu manifestasi bahawa FELDA gagal, Kerajaan gagal, Kerajaan hanya mampu mewujudkan peneroka-peneroka yang bertambah miskin dibandingkan dengan sebelum jadi peserta FELDA, ini saya hendak jelaskan di sini. Jadi, kalau mengikut angkanya pendapatan mereka kita tentukan tidak kurang daripada \$400 bagi getah dan \$300 bagi kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sistem pemasaran hasil ladang peneroka, di antara faktor-faktor yang menentukan sebagaimana yang kita sama-sama maklum, saya pun sebenarnya telah sebutkan tadi, tetapi ingin sekali lalu saya menjelaskan di sini, iaitu faktor penentu jumlah pendapatan yang diperolehi oleh peneroka adalah berkait dengan harga komoditi dan ini dipengaruhi oleh permintaan dari antarabangsa dan Kerajaan memang sentiasa peka, sentiasa sedar dengan keadaan ini dan oleh sebab itu berbagai-bagai langkah, banyak langkah-langkah dan perancangan serta usaha-usaha bagi mempertingkatkan dagangan serta penerangan-penerangan ke negara-negara luar ke seluruh dunia telahpun diadakan oleh FELDA, oleh Kerajaan. FELDA juga melalui Perbadanan Pemasaran telahpun memainkan peranan yang amat penting, yang amat jelas bagi membuat jualan-jualan secara terus ke negara-negara luar dengan tujuan supaya hasil-hasil peneroka ini terjamin dan dapat dijual dengan harga yang kompetitif.

Dan sebenarnya, bagi meningkatkan lagi pendapatan peneroka, Kerajaan khususnya melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, melalui FELDA memberikan peluang-peluang

yang luas kepada peneroka-peneroka untuk menceburi bidang-bidang yang lain, bidang-bidang perniagaan, mengadakan perusahaan-perusahaan kecil di FELDA, mengadakan perniagaan, menternak, bercucuk-tanam. Jadi, pendapatan mereka tidak hanya bergantung kepada projek kelapa sawit ataupun projek getah, ertinya kalau peneroka ini kreatif, sanggup berusaha lebih maka pendapatannya akan bertambah lebih, ditambah daripada pendapatan dari hasil mahsul getah dan kelapa sawit, hasil daripada kegiatan ekonomi yang lain. Ini sebenarnya akan meningkatkan lagi pendapatan mereka pada tiap-tiap bulan.

Berhubung dengan cukai pendapatan perbadanan, sebenarnya semenjak beberapa tahun yang lepas, perbadanan-perbadanan FELDA telahpun mula dikehendaki membayar cukai. Perbadanan ini telah dikehendaki membayar cukai kepada Kerajaan sebagaimana syarikat-syarikat swasta yang lain. Dan memandangkan kepada hakikat ini, Kerajaan memikirkan sudah sampai waktunya, sudah sampai masanya supaya perbadanan-perbadanan ini dijadikan sebagai syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah cadangan pindaan yang kita perbahaskan pada hari ini, iaitu Ordinan Kemajuan Tanah 1956, supaya syarikat dan perbadanan-perbadanan ini mempunyai skop yang lebih luas dan kedudukan yang lebih wajar untuk bersaing dengan lain-lain syarikat swasta.

Berhubung dengan isu ataupun cadangan supaya Kerajaan digalakkan memegang golden share di dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah FELDA, sebenarnya FELDA ialah suatu Badan Berkanun yang memiliki kuasa dan identiti tertentu. Oleh yang demikian, FELDA dan bukan Kerajaan yang sebenarnya digalakkan memiliki golden share.

Berhubung dengan masalah sistem kontrak dan tender, saya amat menghargai di atas pengertian Ahli-ahli Yang Berhormat, yang dengan jelas memberikan komen yang baik terhadap kaedah-kaedah dan cara-cara tender-tender ataupun kontrak-kontrak diberikan kepada pelaksanaan kerja-kerja di FELDA dan sebenarnya ini merupakan sebagai satu pengakuan, satu pernyataan yang amat dihargai dan saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pujian terhadap sistem tender yang dilaksanakan oleh FELDA. Sebagaimana saranan Yang Berhormat, saya juga amat yakin bahawa syarikat bumiputera yang berdaya maju dan berkualiti akan meningkat bilangan untuk menyertai kerja-kerja kontrak dalam FELDA. Saya suka memberikan jaminan di sini bahawa masalah hanky panky juga tidak akan diberikan tempat, tidak dialu-alukan dalam menguruskan masalah pemberian tender ataupun kontrak ini di FELDA.

Berhubung dengan kedudukan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, sebenarnya ini juga merupakan satu perkara yang saya harap tidak perlu digusarkan ataupun dibimbangkan kerana kita memberikan perhatian yang berat supaya mereka yang diletakkan, ditempatkan ataupun diberikan kedudukan untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah dalam perbadanan-perbadanan ini adalah terdiri daripada semua golongan. Pihak peneroka juga diwakili GPW ataupun pihak penerokawati juga ada wakilnya, golongan profesional juga ada wakilnya ataupun diberikan peluang untuk menjadi Lembaga Pengarah dalam perbadanan-perbadanan di bawah FELDA.

Berhubung dengan kebimbangan tentang peneroka-peneroka yang pada satu waktu nanti meninggalkan perancangan FELDA, sebenarnya bagi rancangan-rancangan yang dibawah sistem hakmilik, peraturan telahpun

diadakan, yang menghendaki supaya peneroka tinggal dalam rancangan agar kerja ladang tidak akan terjejas, tidak akan terbengkalai, ertinya tidak mungkin ada namanya peserta tetapi tidak duduk di situ, duduk di luar meninggalkan rancangan kerana apabila itu berlaku maka peserta yang terlibat itu akan dikenakan tindakan tatatertib sehinggalah ke peringkat disingkirkan, jadi tidak perlu bimbang.

Walaupun begitu, kita juga menjalankan usaha-usaha bagi menentukan generasi kedua FELDA, anak-anak peneroka yang penerokanya ayah ataupun ibunya, meningkat dewasa ataupun meningkat matang, tua, di mana kemampuan dan keupayaan untuk mengerjakan ladang-ladang ini akan tidak produktif lagi. Jadi, kepada anak-anaknya kalau ada lima enam orang anak tidak mungkin kelima-lima itu akan duduk di situ ataupun akan meneruskan kerja-kerja sebagai peneroka. Maka salah seorang daripadanya akan dilatih oleh FELDA supaya meneruskan kerja-kerja sebagai peneroka di rancangan tanah FELDA. Jadi masalah kita berkemungkinan berhadapan dengan rancangan tanah FELDA bila penerokanya sudah tua, tak ada yang menyambung itu, tak timbul kerana anak-anaknya dilatih. Yang meneruskan kerja sebagai peneroka dilatih, dan yang lain-lainnya diberikan peluang yang banyak diadakan, pendidikan-pendidikan secara non-formal, diadakan kemudahan-kemudahan untuk kursus-kursus kemahiran bagi memungkinkan anak-anak peneroka mewujudkan pekerjaan-pekerjaan di rancangan-rancangan tanah FELDA ataupun bagi memungkinkan mereka berpindah atau pergi ke tempat lain dengan mempunyai kemahiran (skill) yang marketable, yang semuanya ini diadakan peluang-peluang melalui program-program pembangunan kemanusiaan yang dijalankan oleh FELDA dan agensi-agensi lain yang

terlibat dalam rancangan tanah FELDA. Jadi, soal masalah masa depan peneroka FELDA kosong dan sebagainya, tidak timbul.

Berpindah kepada isu atau subjek yang lain berhubung dengan apakah boleh agaknya Ordinan ini diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kak Ainon tadi. Sebenarnya semua undang-undang sebelum tahun 1967 dahulu menggunakan bahasa Inggeris, kerana mengikut peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan 1963, Akta 32. Jadi atas masalah itu, saya mohon maaf di atas kesulitan yang berlaku, Yang Berhormat Kak Ainon.

Berhubung dengan jaminan bank kepada peneroka yang hendak membuat pinjaman kepada bank. Sebenarnya jaminan bank yang diberi oleh FELDA adalah untuk membolehkan perbadanan-perbadanan membuat urusanniaga dalam pasaran antarabangsa. Jaminan bank ini diperlukan oleh pihak kastam berhubung dengan cukai eksport oleh kerana perbadanan sendiri tidak boleh menyediakannya. Sekiranya FELDA tidak menyediakan jaminan bank ini, tidaklah dapat perbadanan-perbadanan menjalankan urusanniaga di pasaran antarabangsa. Semua keperluan jaminan bank ini telah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri, sepertimana yang diperuntukkan dalam undang-undang perbadanan. Jaminan bank ini tidak meliputi kepada jaminan bank kepada peneroka-peneroka yang ingin membuat pinjaman.

Sebelum saya tertinggal mengenai teguran Yang Berhormat Kak Ainon, saya komen dahulu mengenai penerokawati ataupun GPW, mengenai perceraian dan sebagainya. Masalah perceraian di sana-sini memang ada berlaku, termasuk juga peneroka-peneroka di rancangan tanah FELDA

ada yang bercerai, ada yang berkahwin lagi, suaminya mati, bagaimana kedudukan isteri-isteri, mengenai harta sepencarian ataupun warisan ini. Pada dasarnya yang didaftarkan sebagai bakal pemilik ialah peneroka itu sendiri. Sekiranya perceraian berlaku selepas hakmilik dikeluarkan kepada peneroka berkenaan, jandanya berhak untuk menuntut harta sepencarian mengikut Undang-undang Syariah. Apa yang selalu menjadi isu ialah apabila perceraian itu berlaku sebelum hakmilik dikeluarkan. Di tahap ini, oleh kerana hakmilik belum dikeluarkan, FELDA mengadakan garis panduan untuk memberi sebahagian hak yang dipegang oleh peneroka di rancangan. Dalam hubungan ini, ditentukan 50% daripada nilai bayaran kembali kos pembangunan yang telah dijelaskan oleh peneroka diberikan kepada jandanya, dengan syarat janda itu masih menjadi isteri peneroka sehingga kawasan ladang peneroka itu mula mengeluarkan hasil. Sekiranya berlaku kematian, waris-waris si mati termasuk balu peneroka akan menentukan salah seorang daripada mereka yang akan mengambilalih hak si mati. Pada lazimnya, waris-waris si mati ini bersetuju balu si mati dilantik untuk mengambilalih hak si mati tanpa sebarang tuntutan dari waris-waris yang lain. Sekiranya ada tuntutan dari mana-mana waris si mati, Pentadbir Tanah dibolehkan membuat perintah menyoal hak si mati itu dan membahagikan nilai jualan itu kepada waris-waris mengikut hukum faraid.

Sebenarnya peranan wanita amat jelas di mana antara tujuan GPW, sebagaimana yang kita sebutkan, Gerakan Persatuan Wanita ialah untuk memungkinan wanita-wanita FELDA ataupun isteri-isteri peneroka dapat melatih serta memberikan peluang-peluang kepada kaum penerokawati turut serta dalam rancangan pembangunan tanah FELDA. Mereka

ada program-program yang khusus bagi membantu pelaksanaan pembangunan rancangan tanah FELDA, membantu para suami untuk meningkatkan pendapatan mereka dan mengadakan kelas-kelas sosio ekonomi bagi membantu mereka menimba ilmu, bukan sahaja ilmu pengetahuan tentang pengurusan rumahtangga yang baik kerana rumahtangga yang baik sebenarnya akan mewujudkan masyarakat FELDA yang kukuh dan baik, tetapi juga kegiatan-kegiatan yang amat luas skopnya. Jadi, berhubung dengan masalah peranan wanita di FELDA, sebenarnya amat mendapat tempat dan kedudukan yang tinggi pada kaca mata pentadbiran FELDA.

Berbalik semula mengenai GPW, sebenarnya mereka juga diberikan hak dan peluang untuk duduk sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan Wanita (JKKR). Jadi, kedudukannya amat tinggi.

Mengenai saham, soalan ini sebenarnya kurang jelas, Yang Berhormat Kak Ainon, tetapi nanti boleh dijelaskan di luar. Bagaimanapun, FELDA ada mempunyai koperasi permodalan FELDA yang sahamnya adalah terbuka kepada peneroka dan penerokawati serta anak-anak peneroka dan kakitangan FELDA, tetapi mereka perlulah membeli sahamnya. Walau bagaimanapun, bagi memberikan peluang kepada semua peneroka memiliki saham, pada bulan Julai 1990 FELDA telah memberi saham bernilai \$200,000 kepada semua peneroka yang berjumlah 118,945 orang. Ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada 18 orang, wakil peneroka sebagai Lembaga Pengarahnya, 5 orang daripadanya terdiri dari ketua penerokawati. Maknanya, wanita juga masih diberikan tempat yang tinggi di FELDA.

Berhubung dengan apakah boleh Lembaga memberi pinjaman kepada individu, jawabnya boleh, tetapi untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja mengikut Ordinan dan mengikut tugas-tugas FELDA.

Mengenai apakah boleh menarik balik tanah dari bank atau FELDA, bagi menjawabnya, jika FELDA memberikan pinjaman, ianya menjadi chargee dan boleh memohon ke mahkamah untuk menarik balik tanah mengikut undang-undang, jika pinjaman tidak dibayar balik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya tadi yang telahpun mengemukakan banyak isu. Saya menyedari ada isu-isu yang lebih detail daripada ini yang tidak dapat saya response dengan baik dan yang belum sempat saya jawab, saya akan ambil perhatian. Pegawai-pegawai FELDA dan Kementerian akan mengambil perhatian, tindakan dan susulan yang sewajarnya.

Jadi, Tuan yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini khususnya kepada Ahli-ahli yang telah benar-benar memahami akan tujuan dan menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menangguhkan Mesyuarat ini sehingga hari Isnin, 23hb Disember 1991 mulai daripada 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.54 petang.*